

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 2

Selasa

4 Mei 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL-USUL:

- Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia.

(Ruangan)

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong.

- *Y.B Puan Tan Ah Eng*

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Dato' Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 4 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Perdana Menteri menyatakan apakah punca utama kegagalan jemaah haji Malaysia menunaikan ibadah haji dan berapa ramai jemaah yang terlibat bermula dari 1996, 1997 dan 1998.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, punca utama kegagalan jemaah haji Malaysia tidak dapat menunaikan fardu haji adalah kerana kegagalan penganjur-penganjur mereka mendapatkan visa haji yang sah dan menguruskan perjalanan haji tanpa mengikut peruntukan Akta Tabung Haji 535/1995. Mengikut akta ini hanya Tabung Haji sahaja yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menguruskan jemaah haji. Tabung Haji tidak mempunyai rekod bilangan jemaah haji yang terlibat kerana tidak ada aduan rasmi yang dibuat oleh bakal-bakal haji berkenaan kepada Tabung Haji atau kepada kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pihak kerajaan dapat mengenal pasti pegawai-pegawai dalam Tabung Haji sama ada di peringkat ibu pejabat, pusat ataupun di negeri dan semasa menunaikan haji di Mekah terlibat dengan parti pembangkang dan juga gerakan reformasi. Sebab mengikut maklumat, bakal-bakal haji baru-baru ini, pegawai-

pegawai Tabung Haji memberi perangsang kepada orang-orang PAS untuk bawa bendera dalam kumpulan jemaah haji Malaysia. Ini adalah satu perbuatan yang bercanggah dengan tujuan ditubuhkan Tabung Haji. Begitu juga jemaah haji rombongan daripada negeri Perlis yang memang menjadi penyimpan dalam Tabung Haji, bila pergi ke Mekah, mereka menghadapi masalah untuk mengeluarkan wang simpanan mereka dan perbuatan ini dipercayai kemungkinan disabotaj oleh pegawai-pegawai Tabung Haji yang bersimpati dengan pembangkang ini. Yang akhir sekali, kita berharap pihak Tabung Haji menetapkan panduan mana-mana kerajaan negeri yang hendak buat rombongan asing sama ada mereka ini boleh atau tidak dengan kerjasama pihak Tabung Haji, sebab tadi Yang Berhormat Menteri sudah beritahu Tabung Haji ada undang-undang, mana-mana pihak tidak dibenarkan menguruskan jemaah haji ke Mekah kecuali Tabung Haji.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, persoalan awal yang ditunjukkan ialah orang yang tidak berjaya pergi ke haji, tetapi soalan tambahan ialah masalah orang yang berjaya pergi haji pula. Sebenarnya tidak ada pegawai Tabung Haji yang terlibat dalam hal-hal parti pembangkang ataupun gerakan-gerakan yang disebut itu. Kalau ada pun ialah tindakan jemaah itu sendiri yang tidak dapat dikawal oleh pegawai-pegawai Tabung Haji, kerana pegawai Tabung Haji sentiasa menjaga keharmonian, kalau ada orang yang melampau batas pihak Tabung Haji sentiasa mengambil sikap sabar kerana semasa mengerjakan haji tidak boleh ada pertelingkahan. Maka kita harapkan orang-orang yang bersemangat tidak tentu arah itu di masa hadapan tidak menjalankan perbuatan seperti itu. Dalam report yang saya dapat hanya dua kenderaan bas sahaja yang membawa bendera parti pembangkang. Di tempat lain saya tidak melihat bendera dan tidak dapat laporan mengenai bendera itu, kerana saya berada bersama jemaah haji sepanjang masa.

Yang kedua, tentang pengeluaran duit 'on-line' di Mekah dengan Ibu Pejabat Tabung Haji tidak ada diskriminasi apa-apa dengan siapa. Saya akan buat kajian kalau ada tetapi sebenarnya tidak ada, kerana pegawai yang mengeluarkan wang tidak

bertanya dia siapa, hanya dengan memberi sahaja kad pengenalan atau nombor akaun dia di Tabung Haji dia boleh mengeluarkan wang.

Soalan yang ketiga Yang Berhormat tadi ialah tidak ada siapa yang dibenarkan menguruskan haji mengikut akta. Kalau ada, itu adalah salah dan Tabung Haji, kerajaan dengan bantuan polis sedang menguruskan tindakan mahkamah kepada pihak-pihak berkenaan mulai tahun sekarang ini. Walau bagaimanapun, ada konsortium syarikat pelancongan yang dibenarkan oleh Tabung Haji menguruskan jemaah haji yang visanya memang dikeluarkan oleh Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur dengan menggunakan pasport khas haji berwarna hijau yang tertulis di atasnya 'Tabung Haji'. Ini peraturan yang telah ditetapkan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi. Ada pun dengan menggunakan pasport international berwarna merah dan mengambil visa haji di Kedutaan Arab Saudi di luar Malaysia itu adalah salah dalam perjanjian dan peraturan, maka sebab itu pada musim haji yang lepas ini adalah syarikat dan kumpulan orang berbuat demikian dan apabila sampai ke Jeddah menjadi satu masalah besar kepada Kerajaan Arab Saudi dan kepada Tabung Haji, kerana apabila mereka sampai sahaja di Jeddah, kapal terbang yang membawa mereka ialah chartered flight, tidak boleh tunggu lama, mereka berada di dalam terminal dan kapal terbang sudah pulang. Kalau ditahan di situ akan menjadi masalah, beribu-ribu orang rakyat Malaysia berada di dalam terminal daripada sebelum haji hingga selepas haji. Kerajaan Arab Saudi tidak gemar melihat demikian, Tabung Haji lagi tidak gemar melihat demikian, risikonya ialah Tabung Haji menanggung segala bayaran rasmi kira-kira RM700 seorang kena bayar kepada Kerajaan Arab Saudi kerana ejen-ejen mereka itu berlepas tangan, tidak bayar. Jadi, inilah perkara salah yang berlaku dan kami sedang mengambil tindakan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi untuk makluman Yang Berhormat, ada juga di antara mereka yang diambil bertugas dalam Tabung Haji yang diambil daripada Kementerian Kesihatan misalnya mungkin kepada pihak pengurusan Tabung Haji, pihak atasan tidak sebut apa-apa, tetapi di

kawasan, di daerah, di kampung ada menyebut “saya tidak sokong pun kerajaan tetapi saya boleh pergi haji free.” Saya harap pihak Tabung Haji boleh mengambil perhatian. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengenai masalah yang dihadapi oleh konsortium-konsortium yang membawa bakal-bakal haji yang telah pun menguruskan ataupun membuat tawaran untuk memberi perkhidmatan kepada bakal-bakal haji yang tidak melalui Tabung Haji. Saya ingin bertanya bagaimana perkara ini berlaku, adakah pihak konsortium ini tidak tahu peraturan ataupun yang saya difahamkan bahawa mereka telah mendapat green light daripada pihak-pihak yang tertentu dan juga difahamkan bahawa pada awalnya kerajaan mengetahui program yang hendak dianjurkan. Adakah ini benar apa yang disebut oleh konsortium-konsortium yang membawa bakal-bakal haji, kerana sampai ke saat akhir urusan-urusan ini dijalankan barulah kita mendengar masalah-masalah yang dihadapi yang menyebutkan bahawa mereka tidak dapat terbang ke Mekah untuk menunaikan fardu haji.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Penerangan yang diberi oleh syarikat-syarikat berkenaan adalah palsu kerana mereka tahu kita sudah beritahu kepada semua syarikat yang kita kenal bahawa mereka tidak boleh menguruskan soal haji atau bakal haji, tetapi mereka tetap juga menjalankan pelbagai penipuan. Sebelum ini Tabung Haji tidak mengambil tindakan undang-undang, tetapi mulai sekarang kita akan mengambil tindakan mendakwa orang-orang berkenaan. Begitu juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengambil tindakan di bawah kuasa yang ada pada mereka membatalkan lesen syarikat-syarikat berkenaan apabila kita buktikan mereka menguruskan. Jadi, mereka ini menjalankan penipuan kepada orang ramai. Maksimum penipuannya ialah apabila gagal membawa jemaah haji kerana urusan penerbangan bukan senang diuruskan. Yang kedua ialah mereka menjalankan satu usaha yang salah, tetapi kadang-kadang berjaya kerana negara-negara jiran kita di utara dan di selatan dan juga di barat Malaysia mempunyai kuota yang tidak dipenuhi oleh negara berkenaan. Pada sesetengah negara jiran orang Islam di negara mereka dianggap minoriti. Jadi, apabila orang Islam minoriti, tidak ada urusan haji yang rasmi oleh kerajaan. Maka siapa sahaja yang menghulur passport,

visa masih ada, mereka berikan. Itulah yang berlaku ini. Jadi, insya-Allah, mulai dari sekarang tindakan undang-undang akan diambil, akan jadi satu pengajaran kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk menyoal soalan tamahan. Saya suka mengambil kesempatan ini dan membuat satu rekod diisi dalam *Hansard*, iaitu saya ucap tahniah kepada urusan Tabung Haji yang telah mengendalikan pemergian orang-orang hendak pergi haji ke Tanah Suci. Urusan mereka saya amat terima kasih, saya bangga dan saya ucap tahniah. Sekarang bagaimana kita hendak memperkemaskan lagi urusan Tabung Haji ini. Saya suka menyoal kerajaan bagaimana kita hendak memperkemaskan orang-orang yang hendak pergi melalui Tabung Haji, sebabnya pergi menunaikan haji adalah rukun Islam yang kelima yang wajib kepada yang mampu. Kepada saya, semua orang Islam di negara kita ini apabila hendak pergi menunaikan haji kita beri dia peluang, dan siapa yang sudah pergi sekali, dua kali, tiga kali itu minta maaf, berilah peluang kepada orang-orang yang tidak dapat peluang pergi. Saya tahu sendiri bahawa seorang saudara saya di Lipis bernama Sulaiman bin Zuki, bukan anak saya tetapi saudara saya, dia telah pergi periksa, dia telah siap pasport, dia telah buat kenduri kerana baginya tidak mengapalah insya-Allah boleh pergi Mekah. Akhirnya tidak dapat pergi ke Mekah. Sudah buat kenduri, sudah beritahu saudaramara yang dia hendak pergi ke Tanah Suci, akhirnya tidak dapat pergi. Jadi, bolehkah kerajaan memperkemaskan lagi, saya minta maaf, tolonglah, janganlah beri peluang lagi kepada orang yang sudah pergi haji sampai lima kali itu, tetapi berilah peluang kepada orang yang belum pergi dan yang mampu hendak pergi ke Tanah Suci.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, suka saya betulkan bahawa orang-orang yang pergi menunaikan haji banyak ini bilangannya sangat sedikit dengan sebab-sebab yang tertentu seperti nazar, dia didapati hajinya kurang jelas tentang amalan dia yang telah lalu. Tabung Haji sudah memang kemas, cuma hendak tambah kemas sahaja lagi. Yang hendak tambah kemas

ini ialah hendak beri kefahaman kepada orang ramai bahawa haji itu tidak wajib selagi dia tidak dapat kuota, kerana salah satu syarat wajib haji di samping cukup wang, sihat tubuh badan ialah ada kemudahan dan kebenaran untuk keluar negara. Jadi, kalau kuota tidak sampai, maka dia tidak wajiblih. Ini yang hendak kena kemas balik kepada orang ramai. Kemudian, soal kenduri-kendara dia telah mendahului suasana. Jadi, tentang kenduri tidak mengapalah, dapat pahala, niat dia pun dapat pahala, tetapi saya harap jemaah sekalian kena tunggulah kelulusan Tabung Haji barulah mengambil tindakan upacara sosial yang ada dalam kampung ini, kalau tidak akan tertekan masalah psikologi yang hebat. Jadi, insya-Allah, dalam peraturan kita, kita memberi keutamaan kepada orang-orang yang umurnya telah lanjut, enam puluh ke atas atau kesihatannya tidak begitu baik, orang-orang ini kita akan beri keutamaan untuk menunaikan haji, tidak perlu menunggu giliran yang lama.

2. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membetulkan akidah orang-orang Islam yang sering dipesongkan oleh ajaran agama sesat serta golongan ekstremis politik pembangkang sebagai contoh ahli sebuah parti politik berlabel Islam sanggup memfitnah, berbohong, mengadu domba, pulau memulau sesama Islam dan berbagai gelagat yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah bertujuan membetulkan akidah umat Islam melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri. Kerajaan berusaha menangkis dan menghapuskan ke akar umbi pengaruh serta kegiatan ajaran sesat dan golongan penyeleweng agama melalui langkah seperti berikut:

- (i) mewujudkan satu mekanisme sistem kawalan akidah dan program pencegahan ajaran sesat yang lengkap bagi umat Islam secara pentadbiran dan undang-undang;
- (ii) membina ketahanan diri masyarakat Islam dari sebarang godaan ajaran-ajaran sesat melalui seminar, kursus, bengkel dan bahan audio-visual;
- (iii) mengadakan perkhidmatan pemulihan bagi orang-orang yang telah sesat atau menyeleweng;
- (iv) mewujudkan sistem kawalan bahan penerbitan yang berkesan melalui pendekatan bersepadu; dan
- (v) mengadakan pelbagai program penerangan dan penjelasan kepada pelbagai peringkat masyarakat tentang ajaran dan tuntutan Islam yang sangat mengutamakan perpaduan, hormat-menghormati, semangat persaudaraan dan penghayatan akhlak yang mulia.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Saya ucap terima kasihlah kerana pihak kerajaan mempunyai tindakan-tindakan dan pendekatan yang begitu baik bagi mengatasi masalah ini. Tetapi saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, dengan munculnya kenyataan-kenyataan seperti mengharuskan '*SHIT*' iaitu novel yang dibawa oleh Dato' Shahnnon Ahmad dan sebagainya, lepas itu membuat kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah seorang 'Badwi' yang menjaga babi. Jadi, saya hendak tanya kerajaan kalau perkara-perkara ini bercanggah dengan tuntutan agama kita, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dan kalau ianya tidak bercanggah kenapa ianya tidak bercanggah?

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa dari segi penerbitan buku, sebuah buku di Malaysia boleh diterbitkan dahulu, kalau tidak betul diharamkan. Kita tidak haram

dahulu sebelum buku itu terbit kerana hendak memudahkan aktiviti bahan-bahan intelektual dalam negara kita. Terpulanglah kepada Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Mesin Cetak, kalau mana-mana buku yang bercanggah dengan nirma atau ajaran agama. Tetapi kalau bercanggah dengan ajaran agama ini akan diambil tindakan oleh JAKIM dan akan dipanjangkan kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi tuduhan-tuduhan yang melulu kepada orang-orang berkenaan dalam masyarakat kita menjawab dari segi agama untuk consumption, dengan izin, untuk pandangan dan pemerhatian orang ramai.

Orang ramai apabila kita beri arahan, bimbingan yang betul, segala yang cemar, segala tidak baik itu dengan sendirinya mereka tolak. Kadang-kadang tuduhan-tuduhan yang tidak ada logiknya. Pertama misalnya, perkataan 'keluarga', gelaran 'keluarga' kepada Timbalan Perdana Menteri ialah bukan Badwi tetapi Badawi. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ialah ahli tasauf yang besar dalam dunia ini, yang sama-sama kita tahu. Jadi penggunaan yang tidak betul itu pun tidak logik masyarakat terima dan usaha tentang JE ini bukan memelihara, membunuh. Membunuh berbeza jauh hakikatnya daripada memelihara dan menjaga. Logik ini kena beritahu kepada masyarakat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak yang orang kuning dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi menjawab soalan saya, soalan tambahan saya kita melihat bahawa hari ini nampaknya ada, bukan hari ini sahaja, sebelum ini pun kita melihat ada sekumpulan umat Islam yang cuba bertindak, berperanan dan menganjurkan perpecahan di kalangan umat Islam. Padahal Allah menyeru supaya kita umat Islam, seluruh umat bersatu padu. Golongan yang berkenaan juga menimbulkan berbagai-bagai fitnah yang mana dalam Islam, ajaran Islam menyebutkan bahawa fitnah itu umpama kita memakan daging sesama rakan ataupun kawan kita.

Dalam keadaan ini apakah tindakan kerajaan untuk menyedarkan seluruh masyarakat supaya masyarakat Islam tahu bahawa perpaduan umat Islam bukan sahaja satu bangsa tetapi seluruh umat Islam adalah dituntut oleh agama dan mereka yang membawa gerakan ke arah perpecahan adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Terima kasih.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini timbul kerana salah ambil kelonggaran atau falsafah demokrasi yang kita amalkan, maka itulah yang berlaku dan salah satu aspeknya ialah penggunaan tafsiran-tafsiran tertentu di dalam Islam yang mungkin ada di sana sini, isolated yakni, dengan izin, pemikiran yang isolated yang jauh yang di sana sini timbul, dipegang oleh orang berkenaan dari pembacaan kitab yang dia baca. Kita tahulah bahawa kitab-kitab, dikarang di zaman dahulu, ialah mengikut zaman mereka dan suasana yang ada pada mereka di tempat tersendiri.

Jadi, inilah yang timbul dan usaha yang kita buat ialah untuk memberi penerangan kepada orang ramai bahawa dalam Islam, dalam mazhab kita ada ajaran yang dipanggil ‘Ahli Sunnah Wal Jamaah’. Ahli Sunnah itu ialah prinsip kita memegang kepada sunnah Nabi dan ‘Al-Jamaah’ itu ialah keputusan politik yang mesti dibuat mengikut kepentingan awam. Itu perkataan ‘al-Jamaah’ itu timbul, jadi inilah yang kita sedang memberi ilmu kepada mereka. Yang menjadi teruk ini ialah orang-orang yang tidak ada ilmu, yang tiru-tiru, yang cuba menunjukkan bahawa dia ahli ilmuan, maka dipergunakan salah tempat dan timbullah kekeliruan.

Usaha kita sekarang ialah memberi ilmu kepada masyarakat bahawa kepentingan awam itu mesti dijaga dan istilah ‘al-Jamaah’ dalam istilah kita, Ahli Sunnah Wal Jamaah itu juga timbul ialah apabila suasana politik, negara Islam sudah menjadi gawat bila habis sahaja empat khalifah pertama, Bani Umaiyah timbul dan dasar kepimpinan dalam negara menjadi dasar yang sangat berbeza daripada zaman sebelumnya di mana pemerintahan mengikut etnik iaitu Bani Umaiyah sahaja yang berhak memerintah pada masa itu. Ulama mengeluarkan fatwa, mengeluarkan pendapat, agama pada masa itu bahawa yang empat itu dipanggil “Rasyiduun” (The

Most Guided Ones) dan yang akhir itu tidak diberi gelaran berkenaan kerana membuat dasar politik yang berbeza daripada empat khalifah yang terawal. Maka sebab itulah terbit perkataan ‘al-Jamaah’ di kalangan ulama bahawa untuk kepentingan awam walaupun pemerintah ini ‘not the most guided ones’ maka kita kena ikut kerana ini kepentingan awam pada masa itu. Jadi inilah salah satu perkara aspek yang kita hendak beri faham kepada masyarakat kita pada hari ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tun Yang di-Pertua. Minta maaf, Tan Sri Yang di-Pertua, insya-Allah “Tun” akan dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Iisyh! *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tadi

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak tanya banyak soalan tu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tadi Tan Sri kata dia nampak yang kuning, Tan Sri ini pandai, kalau wanita dia cepat nampak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sama ada kerajaan bercadang mendakwa mana-mana orang Islam yang terlibat dengan penyelewengan akidah golongan ekstremis menggunakan agama untuk kepentingan politik, mengeluarkan fatwa sendiri untuk kepentingan politik. Kita dengar baru-baru ini Dato’ juga ada menyebut, “pemimpin Arqam telah cuba menghidupkan semula fahaman mereka”. Ini amatlah merbahaya dan umum mengetahui bahawa kerana politiklah pemimpin-pemimpin parti-parti ini sanggup menyelewengkan akidah dan kerana politik juga ada setengah parti kata, dia masuk parti dia makna kita masuk Islam. Pangkah parti dia, boleh masuk syurga. Ini adalah salah dari segi akidah.

Jadi, sama ada pihak kerajaan di bawah Jabatan Agama Islam ini hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mengharamkan penggunaan Islam dalam parti politik. Kita tidak melarang parti politik menggunakan Islam untuk perjuangan, kita tidak mahu dia guna Islam dalam parti politik. Benda ini sudah lama, kita bimbang kalau kerajaan teragak-agak, masih hendak bagi kelonggaran atas dasar demokrasi, akhirnya orang Islam akan berpecah belah dan akan gugat kepimpinan kerajaan Barisan Nasional yang memang pun sudah stabil sejak beberapa lama.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional bermain politik secara gentleman. Selagi penggunaannya untuk hasrat menang pilihan raya kita perhati, kita kata okay, kita lawan setakat itu, tetapi kalau kita nampak penggunaannya ada bibit-bibit betul-betul membawa kepada akidah pada masa itu kita akan ambil tindakan undang-undang. Jadi selagi dalam arena pilihan raya punya stail kita main jenis itu juga. Kita bergomol jenis itulah. Tetapi yang telah disahkan haram seperti Al Arqam, yang itu terang-terang bukan dalam arena politik, kita akan mengambil tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya tudung kuning.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas soalan tambahan saya kerana Allah menyatakan [*Bercakap dalam bahasa Arab*] hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita sesama manusia. Jadi apakah program kerajaan bertindak diambil kira bagi merealisasikan pengarahannya wahyu ini. Terima kasih.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan yang sangat akademik saya boleh bersyarah panjanglah, tetapi masa Parlimen tidak begitu panjang, iaitu Yang Berhormat bertanya mengenai apa tindakan memperkuatkan tali yang mengikat orang dengan Allah, tali yang mengikat orang dengan orang. Jadi bagi menjawabnya ialah saya simpulkan bahawa untuk dua ini ialah kerajaan sentiasa merealisasikan berusaha memenuhi kehendak doa Nabi Adam yang kita selalu dok sambung [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Iaitu doa kita minta hasanah di dunia dan hasanah di akhirat. Hasanah di akhirat ini ialah memperkuatkan akidah hubungan kita dengan Allah. Yang ini kerajaan tidak putus-putus kita buat, dulu sebelum merdeka pelajaran agama ialah di luar kerja rasmi Kementerian Pelajaran, tetapi apabila merdeka kita katakan pelajaran agama ialah masuk dalam kurikulum rasmi kebangsaan. Jadi seorang murid mesti belajar selama sebanyak 12% daripada kurikulum KBSR-KBSM, ini istilah kementerian. 12% ini mestilah belajar walaupun tak mesti periksa tetapi mesti belajar selama sebelas tahun, enam tahun di peringkat rendah dan lima tahun di

peringkat menengah. Mesti belajar dan dengan ongkos, dengan waktu rasmi kerajaan. Jadi bersama saya Yang Berhormat Dato' Suleiman, dia yang menguruskan KBSM-KBSR ini dan dari segi pendidikan non-formal kita tidak habis-habis melalui televisyen, bersemuka, khutbah kadang-kadang khutbah pun masuk politik sikit, oleh kerana gentleman tadi kita tahan, okay kerana makmum tahu dia tu dah melampau, kerana orang melampau depa dengar sahajalah tak usah ambil kira, dan inilah kekuatan kita hari ini di Malaysia dianggap orang-orang Islam yang sangat komited dengan hal agama dan kita boleh ubah trend pemikiran begitu rupa sekali, hingga kita ajar tentang penghapusan riba di bank ini satu alternatif Bank Islam.

Sekarang ini telah diterima sistem ini oleh orang yang bukan Islam di Malaysia. Semalam saya diberitahu 54 institusi bank kebanyakannya saham bank dan institusi kewangan dipegang oleh yang bukan Islam mengamalkan amalan ini. Takaful, majoriti orang membeli polisi takaful, ialah orang yang bukan Islam. Majoriti orang pegang saham Bank Islam yang ada sekarang pun orang yang bukan Islam. Ini jelas satu pengukuhan.

Ada pun peringkat pertama tali antara manusia ini dipanggil fardu kifayah, inilah yang kita dok buat sekarang iaitu kita hendak menghapuskan dua musuh yang paling hebat, musuh manusia di mana-mana jua iaitu kemiskinan, dalam al-Quran dipanggil 'al-ju' dan haru-haru dalam al-Quran surah Quraish dipanggil 'al-khauf'. Inilah hubungan manusia dengan manusia yang kita buat, alhamdulillah dalam penghapusan kemiskinan antara manusia dengan manusia kita dapat begitu hebat sekali. Apabila kegawatan ekonomi berlaku, pekerja kita seorang pun tak ada bangun tuntutan gaji lebih dalam masa ini. Jadi, Yang Berhormat tadi saya dok bersembang dengan Yang Berhormat wakil dalam soal kerja ini. Itulah tali yang paling hebat sekali kita ikat. Apabila negara gawat, kita tidak naikkan harga barang kerana kita ada kekuatan wang. Jangan orang kampung terasa sangat gula yang memang RM2.50 itu kita tetap jual RM1.20, petrol yang RM1.85 itu kita tetap jual RM1.10.

Inilah hubungan yang mesti difaham oleh orang kita dan kadang-kadang membawa soal politik, agama yang tidak faham bahawa yang kita buat [*Bercakap*

dalam bahasa Arab] ialah perkara fardu kifayah dan fardu ain yang kita dok buat dalam negara pada hari ini.

3. Tuan Zainal bin Rampak minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memperluaskan perlindungan PERKESO kepada pekerja-pekerja di sektor tidak formal seperti nelayan, petani, peniaga dan pekebun kecil, disebabkan golongan ini tidak dilindungi oleh mana-mana skim insurans.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, seorang pakar perunding Pertubuhan Buruh Antarabangsa sedang membuat kajian mengenai Perlindungan Keselamatan Sosial atau PERKESO bagi orang-orang bekerja sendiri ataupun dengan izin self employed seperti nelayan dan petani. Kajian itu dibiayai oleh Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu atau dengan izin, United Nation Development Programme atas permintaan kerajaan Malaysia. Adalah dijangkakan kajian ini diselesaikan dalam sedikit masa lagi dan laporan mengenainya dijangka disediakan pada akhir bulan Jun tahun ini. Di samping itu beberapa bengkel dan satu seminar kebangsaan akan diadakan untuk membincangkan hasil kajian ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat ada menyebut kerajaan Malaysia meminta sebuah konsortium luar untuk membuat kajian sama ada boleh dilaksanakan insuran takaful ini diberikan kepada nelayan dan petani. Saya hendak tahu sama ada kerajaan tidak mampu buat kajian sendiri sebab bila kita minta tentu kita kena bayar, ini melibatkan wang. Apakah pihak kerajaan sendiri tidak boleh membuat kajian sama ada sesuai ataupun tidak.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada dua kesilapan di dalam statement Yang Berhormat Tuan Abu Bakar Ismail tadi. Pertama sekali, bukan konsortium, seorang pakar daripada ILO, Pertubuhan Buruh Sedunia yang mana kita menjadi ahlinya dan ini sebahagian daripada kerja-kerja ILO kepada ahli-ahlinya, kalau kita jadi ahli syarikat kerjasama, kerjasama itu memberi khidmat kepada kita

dan kita menjadi ahli, kita bayar yuran dan ini adalah khidmat mereka kepada kita dan kita minta mereka buat kerana kita tidak ada kepakaran di dalam bidang ini. Jadi tidak ada implikasi kewangan kepada Kerajaan Malaysia.

Yang kedua, mengenai dengan yang saya katakan tadi Yang Berhormat sebutkan takaful, bukan takaful, PERKESO yang dipanggil Perlindungan Keselamatan Sosial kepada pekerja-pekerja peringkat swasta pada sektor swasta. Jadi di sinilah yang saya ingin nyatakan bahawa keperluan dan juga cadangan yang dibuat oleh kesatuan sekerja dan juga orang awam dan kita perlu mengkaji kerana ianya melibatkan perundangan, melibatkan kewangan dan juga melibatkan cara-cara hendak mengimplimentasikan, jadi inilah hakikatnya Yang Berhormat.

4. Dato' P. Krishnan minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan ada laporan bahawa penternak babi tidak mendapat bayaran pampasan yang memuaskan, adakah benar penternak lembu telah dibayar pampasan semasa wabak penyakit “kuku dan mulut”. Jika ya, adakah cadangan kerajaan untuk membayar kepada penternak babi yang kerugian.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:
Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, Jawatankuasa Petugas Kabinet kawalan penyakit JE dengan izin, special task force on Japanese Encephalitis yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat keputusan bahawa semua babi dalam kawasan wabak hendaklah dimusnah. Bagi mengurangkan bebanan yang mungkin dialami oleh penternak babi, mereka diberikan bantuan sebanyak RM50 seekor, manakala bantuan sebanyak RM10 seekor diberi kepada penternak yang bersetuju memusnahkan babi mereka di luar kawasan wabak. Di samping itu mereka yang terlibat di dalam menolong memusnah dan menanam babi juga diberi bayaran sebanyak RM3.00 seekor. Bantuan ini adalah merupakan bantuan ehsan bagi menolong meringankan bebanan kewangan kepada para penternak. Pada masa lepas pihak kerajaan pernah memberikan bantuan kewangan kepada para penternak lembu yang dijangkiti wabak penyakit kuku dan mulut. Walau bagaimanapun saya difahamkan, bantuan ini pada umumnya adalah lebih rendah daripada nilai ternakan sebenar.

5. Tuan Tee Thiong Hock minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) memandangkan kepada penangguhan pembinaan Lebuhraya Pantai adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf Jalan Kapar yang bermula dari Kelang ke Kuala Selangor termasuk jambatan-jambatan di Pekan Kapar; dan
- (b) jika ada rancangan bilakah projek ini akan dilaksanakan termasuk kos dan kandungan kerjanya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan projek menaik taraf jalan dari Klang ke Sabak Bernam termasuk pembesaran jambatan. Jambatan-jambatan yang terlibat akan dikenal pasti kemudian.
- (b) Projek ini dijangka bermula menjelang akhir tahun ini, suratnya telah pun dikeluarkan kepada kontraktor yang dipilih, pelaksanaannya adalah secara design and built, dengan izin. Kos projek yang terlibat adalah tertakluk kepada rundingan harga yang akan dilakukan nanti. Walau bagaimanapun, anggaran awal kos projek ialah RM150 juta, skop kerja yang terlibat ialah:
 - (i) melebarkan jalan dari dua lorong kepada empat lorong, dua lorong setiap hala. Ini bergantung kepada trafik di sesuatu kawasan berdasarkan kajian lalu lintas; dan
 - (ii) melebarkan jambatan-jambatan yang sedang dikenal pasti dan meningkatkan aspek keselamatan dengan menyediakan lampu-lampu jalan dan lampu-lampu isyarat di persimpangan utama.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat soalan tambahan, saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan izin, relevan jikalau saya bangkitkan jalan raya daripada Karak ke Kuantan dan pihak kerajaan sudikah menjawabnya?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jawab?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pihak kerajaan telah pun memberitahu di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu sendiri yang telah memberitahu saya, bahawa konsortium yang ditugaskan iaitu MMC 50%, MTD-UE untuk menguruskan dan menyediakan jalan daripada Karak ke Timur iaitu dengan izin, Eastcoast Express Highway yang telah pun menjanji bahawa konsortium itu akan menyelesaikan masalahnya dalam enam bulan dahulu di Dewan yang mulia ini. Jadi, sekarang ini sudah lama benar, dan saya dengar ada masalahnya timbul iaitu tidak tahu siapa yang hendak mengendalikan dan juga syarat daripada segi kontraknya menyatakan jikalau tidak mendapat duit untuk menyediakan, mereka tidak dapat memulakan tugasnya. Projek ini berjumlah sebanyak RM3.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya hendak benarlah sebabnya dengan tidak ada jalan express highway ke Pantai Timur termasuk Kuantan, Pahang masalah kegawatan ekonomi tidak dapat dibantu sangat oleh Pantai Timur. Kalau siap jalan itu, insya-Allah, kegawatan ekonomi kita ini akan dapat dibantukan oleh tiga buah negeri ini termasuk Pahang yang kaya raya dengan sumber aslinya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat saya janji bahawa kerja ini boleh bermula dalam tempoh enam bulan. Kerajaan telah meluluskan projek ini dua kali oleh Jemaah Menteri dan bukan satu kali sahaja. Oleh kerana ada beberapa masalah yang timbul, dan selepas itu tiga konsortium yang diketuai oleh MMC telah diluluskan dan mereka telah menandatangani dengan kerajaan, selepas itu kerajaan meminta mereka untuk menunjukkan mereka mempunyai RM500 juta untuk memulakan kerja dan mereka mengambil masa untuk menunjukkan RM500 juta dalam tangan dan apabila mereka siap sedia RM500 juta ada juga keputusan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu projek-projek seperti ini mesti dipamerkan dan mengambil pandangan-pandangan dari

rakyat jelata, adakah mereka mahukan lebuh raya ini ataupun tidak? Oleh kerana banyak pihak apabila kita membina lebuh raya mereka mendiamkan sahaja.

Apabila siap sedia lebuh raya itu, mereka bangkitkan beberapa isu, di tiap-tiap supermarket kita dapati ada satu meja dia minta semua orang menandatangani. Orang menandatangani tanpa apa-apa keterangan, mengapa mereka menandatangani dan pada akhirnya mereka kata kita ada 10,000 orang membantah ini, 5,000 orang tidak membayar tol. Jikalau saya duduk di Jalan Tun Perak minta orang menandatangani 'saya tidak suka membayar income tax', satu juta orang boleh menandatangani, [Ketawa] bukannya lima ribu orang, enam ribu orang. Jadi selepas itu keputusan telah dibuat oleh Jemaah Menteri dan Unit Perancang Ekonomi akan menyiasat. Saya dapati Unit Perancang Ekonomi sudah selesai penyiasatan dalam projek ini, saya percaya selepas itu mereka akan memberitahu kepada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kerja Raya akan memulakan perbincangan dengan mereka untuk memulakan kerja dengan suatu masa yang ditetapkan oleh kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya Yang Berhormat, keselesaan dan juga kemudahan jalan-jalan luar iaitu bukan jalan lebuh raya yang disediakan oleh kerajaan kerana sepanjang perayaan kita dapati banyak berlaku kemalangan. Pada masa yang lalu kita fikir kemalangan berlaku di mana-mana tetapi apabila fakta-fakta ini dikeluarkan oleh pihak polis, kita dapati bahawa kemalangan banyak berlaku di jalan-jalan luar dan jalan-jalan kampung. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian juga mengambil maklumat ini menjalankan kajian dan apakah sebabnya kemalangan ini banyak berlaku di jalan-jalan kampung. Apakah jalan-jalan ini tidak begitu baik dan mungkin ada sesetengah tempat di mana selalu berlaku kemalangan belum lagi dapat diperbaiki sehingga masa kini. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan dan juga taraf jalan boleh diubahsuai, fikiran manusia tidak boleh. Siapa yang membawa kenderaan kalau fikiran mereka suka menggunakan jalan raya seperti kapal terbang ini berlakulah.

Polis telah menjalankan beberapa siasatan dan juga memperkenalkan beberapa rancangan untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya tetapi masih ada juga ketika perayaan. Tetapi pada akhirnya kita sudah gagal, jadi kita kena bincang dengan orang-orang yang menggunakan kenderaan dan mesti mengambil kira iaitu jiwa mereka lebih penting daripada penggunaan kereta dengan lebih laju. Jadi itulah masalah. Jalan-jalan seperti Lebuhraya Utara-Selatan bertaraf antarabangsa. Ada juga berlaku beberapa kemalangan, jadi saya percaya kita mesti mengadakan kursus-kursus kepada pembawa kenderaan, bahawa nyawa mereka lebih penting daripada yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya mengemukakan soalan tambahan. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan sebab Dato' Seri S. Samy Vellu ada di sini, saya hendak ucapkan tahniah kepada Dato' Seri S. Samy Vellu kerana dengan terus terang mengatakan orang-orang Melayu mesti bersatu padu dan jangan berpecah kerana kekuatan Barisan Nasional terletak kepada UMNO. Ini seorang pemimpin yang jujur, kita patut beri tepukan kepadanya, dan saya ingin mengucap syabas kerana tol sekarang yang dulu suatu masa Dato' Seri S. Samy Vellu kata tidak boleh, ini sudah ada perjanjian, tiba-tiba kerana desakan, kerana fikirkan masalah kegawatan kita rombak semula, kita lanjutkan tempoh dan tol tidak naik. Ini pun bagus. Kita harap Dato' Seri S. Samy Vellu sebab benda ini sensitif, sebelum pilihan raya ini jangan buat statement banyak sangat dan sekarang dia sudah berubah. *[Ketawa]* Bila buat statement banyak kita yang kacau, tambahan pemimpin PPP Dato' Kavius, kalau tidak silap saya, dia mendesak kerajaan Barisan Nasional beri peruntukan kerusi dekat dia banyak, dia hendak ambil yang mana tidak tahu, tetapi kalau dia hendak ambil hak DAP tidak apa, itu sajalah?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya, sama ada kerajaan masih hendak teruskan pembinaan land bridge sebab landbridge ini melibatkan negeri-negeri yang melibatkan IMT-GT termasuk Kedah, Perlis,

Malaysia di sebelah utara Thailand dan Indonesia sebab gagasan untuk landbridge bagi memajukan..

Tuan Yang di-Pertua: Saya kurang faham apa 'landbridge' ini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Jambatan darat untuk melalui daripada Semenanjung terus ke Thailand dan begitu juga terus ke Indonesia. Kalau tidak boleh pergi ke Indonesia pun sekurang-kurangnya boleh pergi ke Thailand, kosnya tidaklah banyak sangat. Ini penting bagi negeri-negeri yang kurang maju. Bagaimana kedudukan yang sebenar?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap berbanyak terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Tetapi berkenaan dengan landbridge kita belum ada apa-apa maklumat oleh kerana itu saya tidak dapat jawab soalan itu. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan tol dan lain-lain, itu sudah dijawab banyak kali, oleh kerana itu kita tidak payah jawab lagilah. Terima kasih.

6. Tuan Khoo Lay Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar bahawa terdapat banyak pihak yang merasa bimbang atas kelulusan penggunaan pil Viagra sebab mengikut pihak tersebut, penggunaan pil ini akan menjejaskan taraf moral masyarakat dalam jangka masa panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zaki bin Kamaluddin, pada 13 Mei 1999 memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong baiki sedikit ini, cuba cakap sekali lagi.

Dato' M. Mahalingam: Mohd. Zaki [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ramai sangat orang salah sebut nama saya termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri. [*Ketawa*]

Dato' M. Mahalingam: Minta maaf. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, pil Viagra diluluskan untuk rawatan 'erectile dysfunction', keadaan yang dikenali sebagai 'mati pucuk'. Pil ini hanya boleh

digunakan atas preskripsi pengamal perubatan untuk rawatan keadaan ini sahaja dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Pil Viagra ini dikawal sebagai racun Bahagian I Kumpulan B di bawah Akta Racun 1952 di mana penjualan atau pembekalan kepada pesakit-pesakit memerlukan preskripsi dari pengamal perubatan berdaftar.

Pil Viagra telah didaftarkan pada 1 April 1999. Pembekal atau penjual hendaklah pengamal perubatan sendiri atau ahli farmasi yang berlesen. Sesiapa yang menjual atau membekalkan pil Viagra bertentangan akta ini boleh diambil tindakan mahkamah.

Di samping itu ejen tempatan, pengedar pil Viagra telah diarah mengadakan program nasihat dan latihan untuk ahli-ahli profesional serta pendidikan orang awam tentang penggunaan ubat ini supaya ia tidak disalah-gunakan dan untuk mengelakkan kesan-kesan yang tidak diingini.

Satu majlis penasihat terdiri daripada pakar-pakar bidang khas perubatan dari pihak kerajaan dan swasta telah ditubuhkan untuk aktiviti-aktiviti ini.

Berkenaan soalan mengenai jumlah pesakit yang memerlukan pil Viagra di negara ini, kementerian ini belum ada angkanya sebab ubat ini baru digunakan di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan menganggarkan 1.5 juta rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada Viagra. Jumlah ini termasuk penghidap-penghidap penyakit diabetics, darah tinggi, saluran darah tersumbat dan lain-lain penyakit jantung dan multiple psychlorosis. Selain dari itu mereka yang mengalami psychosocial disorders, stress, emotional trauma dan reaction to medications, dengan izin, akan juga mendapat faedah.

Berkenaan soalan tentang kajian terhadap ubat-ubatan tradisional yang didakwa berfungsi sama seperti pil Viagra, sukacita dimaklumkan bahawa Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama agensi-agensi lain sedang menyediakan data saintifik untuk kajian ke atas herba-herba yang berkaitan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada sebut ejen tempatan. Apakah nama syarikat ejen tempatan itu?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, yang ejen menjual atau pengedar ialah Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd. Ejen-ejen tempatan bukan yang menjual. Ejen-ejen itu yang beri kursus kepada doktor-doktor dan lain-lain yang gunakan pil Viagra, bukan ejen penjual.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, pil Viagra ini ada akibat baik dan buruk. Jadi saya tidak pernah try, saya tidak payah [*Ketawa*]. Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dan Datuk Nazri kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kenapa tidak kerajaan memikirkan bahawa pil Viagra ini hanya dihalalkan atau dibenarkan kepada yang mati pucuk sahaja, yang lain tidak boleh. Jadi bagaimana kita hendak mengetahui ini ialah pihak kerajaan memeriksa orang yang hendak membeli ubat Viagra ini sebelum diluluskan. Sekarang ini, kebelakangan ini ramai sangat khususnya parti-parti pembangkang yang tua-tua ini cukup ghairah bercakap sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang atas umur 70 tahun macam mana, boleh?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Atas 70 tahun pun terpulang. Kalau dia sudah masuk sebelah yang mati pucuk itu, boleh. [*Ketawa*] Itu pun kalau dia ada menghidap sakit-sakit jantung dan sebagainya tidak boleh juga. Jadi pihak kerajaan perlu tegas. Yang ini untuk orang ini sahaja, yang ini tidak boleh. Periksa dahulu, kalau boleh baharu boleh jual.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah soalan tambahan saya. [*Ketawa*]

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pil Viagra bukan untuk merangsang nafsu syahwat dan tidak boleh digunakan untuk memanjangkan aktiviti seksual. Orang ramai dinasihat supaya tidak mengambil ubat untuk kegunaan yang disebutkan. Ada satu kes baru-baru ini di Singapura di mana seorang yang very healthy person makan ubat ini dan mereka yang kena dengan 'laparism' yang dikata dalam bahasa Inggeris, erection 3 hari dan selepas 3 hari mereka dihantar ke hospital dan of course mati pucuk dan dengan damage yang permanent, so itulah yang menjadi

masalah. Saya beri amaran di sini, orang yang healthy, orang yang baik tidak payah gunakan ubat ini. Kalau mahu gunakan melalui kebenaran daripada doktor, tidak boleh digunakan oleh orang-orang yang healthy.

7. Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah bilangan majikan swasta yang sudah bersetuju untuk membayar gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, yang juga dijadualkan pada hari ini kerana kedua-dua soalan ini adalah berkenaan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja di sektor perladangan secara umumnya diliputi di bawah perjanjian kolektif ataupun dengan izin, 'collective agreement' antara Malaysia Agriculture's Producers Association (MAPA) yang mewakili pihak majikan dan National Union of Plantation Workers (NUPW) yang mewakili pihak pekerja. Kadar upah faedah kewangan dan bukan kewangan, terma dan syarat pekerjaan serta sistem bayarannya di sektor peladangan ditentukan melalui proses perundingan bersama secara terus di antara NUPW dengan MAPA. Campur tangan kerajaan adalah minimum dan hanya apabila diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Pada masa ini MAPA dan NUPW telah pun mencapai persetujuan mengenai upah dan sistem bayaran bagi penoreh getah pada 15 Januari 1999. Perjanjian yang telah ditandatangani ini berkuat kuasa selama tempoh 3 tahun mulai 1 Januari 1999 sehingga 31 Disember 2001. Mahkamah Perusahaan telah pun memberi pengiktirafan ke atas perjanjian tersebut.

Mengenai sistem gaji bulanan di ladang-ladang milik National Land Finance Cooperative Society, koperasi tersebut merupakan satu-satunya majikan yang melaksanakan sistem gaji bulanan untuk pekerja-pekerja ladang khususnya penoreh getah. Adalah terlalu awal untuk menjalankan kajian yang sempurna memandangkan sistem itu baru sahaja dilaksanakan pada awal tahun ini.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah masalah tuntutan gaji bulanan pekerja-pekerja ladang tidak diselesaikan lagi walaupun sudah ada tentangan hebat daripada pekerja-pekerja ladang sejak kebelakangan ini. Pada 5 April di Dewan Rakyat, ramai orang datang mogok di

sini dan minta gaji bulanan dan memberi memorandum kepada Dewan Rakyat. Apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini dan apakah kajian yang dibuat mengenai perkara ini. Saya bukan minta majikan dan NUPW, sekiranya ada kajian, apakah saranan kerajaan mengenai tuntutan gaji bulanan pekerja-pekerja ladang/estet?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak kerajaan, bukan majikan. Ada dua prinsip utama di sini. Pertama, kerajaan memberi kebebasan kepada Kesatuan Sekerja dan juga pihak majikan untuk merunding jikalau mereka boleh berunding dan menentukan apa-apa terma mengenai dengan gaji dan lain-lain manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kerajaan hanya mengakui Kesatuan Sekerja sebagai badan yang mengartikulasikan nasib pekerja-pekerja. Apa yang berlaku sekarang ini ialah Kesatuan Sekerja yang mewakili pekerja-pekerja ladang iaitu NUPW telah membuat perjanjian dengan Kesatuan Majikan (MAPA) dan perjanjian ini tidak diambil bahagian oleh kerajaan. Kerajaan hanya memerhati kedua-dua belah pihak bersetuju, puas hati dan mereka telah menandatangani perjanjian itu antara mereka dan majikan mereka. Ini adalah satu perkara yang baik dan yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, artikulasi yang dibuat oleh orang-orang tertentu adalah mengikut kehendak golongan yang kecil kerana Kesatuan Sekerjalah yang mewakili golongan-golongan tertentu.

Mengenai dengan piket yang diadakan di luar Parlimen pada 5 April yang lalu, itu datang daripada orang-orang perseorangan yang tidak puas dengan apa yang ditandatangani di antara Kesatuan Sekerja dengan majikan. Jadi, di sini pendirian kerajaan jikalau mana-mana pihak majikan yang ingin mengadakan gaji bulanan dan dipersetujui oleh pekerja masing-masing, mereka boleh adakan tanpa dilarang oleh kerajaan. Sekarang ini ada 15 ladang yang telah menjalankan gaji bulanan dipersetujui oleh majikan dan juga pekerja-pekerja individu. Jadi, di sini yang penting kita pegang kepada dua tadi iaitu kerajaan mengakui hanya mengiktiraf Kesatuan Sekerja sebagai badan yang mengartikulasikan kebajikan pekerja dan yang kedua, di mana yang boleh, kerajaan memainkan peranan yang minimum. Jadi, kalau kerajaan masuk campur di dalam semua banyak hal akan dikompelin juga jika kerajaan masuk campur. Jadi, di sinilah dua prinsip yang penting di dalam hal ini.

8. **Tuan S. Parasuraman [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap pemaju yang mengeluarkan sijil pemilikan (vacant possession)

tanpa menyiapkan projek mengikut spesifikasi dan penyediaan kemudahan asas yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, pemilikan kosong hanya boleh diserahkan kepada pembeli oleh pemaju apabila rumah tersebut diakui siap sepenuhnya oleh arkitek pemaju mengikut spesifikasi dan memenuhi lain-lain syarat yang ditetapkan. Oleh itu, sekiranya pemaju telah menyerahkan pemilikan kosong tanpa memenuhi spesifikasi, maka kesahihan sijil arkitek boleh diragui. Kementerian akan merujuk perkara ini kepada Lembaga Arkitek Malaysia untuk siasatan dan mengambil tindakan tatatertib. Sekiranya didapati sijil perakuan itu dikeluarkan secara tidak teratur, kementerian juga akan menasihatkan pembeli membawa mereka yang mempunyai hak untuk menuntut pampasan kerana vacant possession yang dikeluarkan telah menjadi tidak sah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kita tahu banyak perkara mengenai sijil pemilikan ini menjadi satu isu bagi rumah-rumah yang baru siap yang diberi kepada pembeli-pembeli. Jadi, di sini walaupun mungkin sijil kemasukan itu di'certify' oleh arkitek tetapi sijil pemilikan ini dikeluarkan untuk memasuki rumah. Jadi, di sini soalannya, adakah sebenarnya kerajaan mempunyai satu mekanisme penguatkuasaan untuk memastikan bahawa sijil pemilikan itu benar-benar telah dikeluarkan setelah spesifikasi dan penyediaan kemudahan asas ditetapkan saya rasa tidak ada, sebab banyak komplain dan rungutan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah.

Hari itu kita baca dalam surat khabar ada menteri mengatakan bahawa peguam perlu memberitahu kepada pembeli-pembeli hak-hak mereka. Jadi, saya ingin tahulah daripada pihak kerajaan apakah sebenarnya mekanisme yang wujud selain daripada menyarankan kepada peguam memberitahu hak-hak pembeli.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya akui di pihak kementerian kita akui bahawa ada kelemahan pada ketika ini dalam undang-undang yang ada iaitu kelonggaran diberi kepada pemaju untuk menyerah kunci kepada pembeli tetapi

kerapkalinya walaupun kunci diserahkan, rumah tidak boleh diduduki lagi oleh kerana infrastrukturnya belum selesai, ada sebab-sebab yang di luar kawalan pemaju tetapi oleh kerana hendak mengelakkan pemaju membayar ganti rugi atau kerugian kepada pembeli, oleh kerana dalam perjanjian disebutkan rumah mesti diserahkan dalam 24 bulan kalau rumah biasa atau rumah pangsa 36 bulan tetapi rumah tidak siap, cuma ada beberapa perkara infrastruktur yang belum siap. Jadi, ini kelonggaran diberi tetapi telah disalah gunakan, maka sekarang kementerian telah pun di peringkat akhir hendak menggubalkan undang-undang, membuat pindaan kepada undang-undang supaya semua perkara ini dapat diatasi dan tidak lama lagi akan dibawa ke Parlimen sekali lagi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walau bagaimanapun, kalau tidak relevan kerajaan tidak payah jawablah. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sekarang ini banyak sangat rumah yang sudah siap di tepi jalan, misalannya sebagai satu contoh di Temerloh, dekat sepuluh tahun rumah-rumah ini tidak diduduki, tidak disiap dengan sempurnanya dan dijadikan macam kandang lembu sahaja, jadi, dengan izin, menjadi eye-saw kepada kita yang menengoknya. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk melaksanakan atau mengambil tindakan terhadap rumah-rumah yang terbengkalai, yang tidak siap di merata-rata negara kita sekarang ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang ini banyak terutama sekali dalam masa kegawatan ekonomi. Projek-projek yang tidak dapat disiapkan oleh pemaju, maka ini adalah satu kepincangan yang ada oleh kerana kita menjual rumah-rumah yang – kadang-kadang rumah belum ada lagi kita sudah jual dengan syarat dia mendapat lesen atau mendapat kelulusan untuk menjual atau mengiklankan perumahan berkenaan. Oleh kerana kelonggaran yang ada dalam pasaran pada hari ini bagi membolehkan banyak rumah dibina dalam masa yang singkat untuk memenuhi permintaan perumahan, maka kalau wujud perkara-perkara seperti ini, kementerian cuba membawa ke semua pihak untuk berbincang dan cuba mengatasinya dan jika tidak dapat – ada juga projek-projek yang sepuluh tahun masih tidak siap, maka pihak-

pihak pembeli boleh membawa perkara ini ke mahkamah untuk mendapat penyelesaian mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 9 hingga 42 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

KERTAS PUTIH MENGENAI STATUS EKONOMI MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa;

Menyokong Kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi;
Merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dalam Kertas Perintah Bil. 6 Tahun 1999;

Dalam merestui Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia, kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara. *[3 Mei 1999].*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Abu Bakar bin Ismail, menyambung ya. Sedikit lagi ya.

11.10 pagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya memohon izin untuk, pertamanya mengucapKAN tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana telah dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menangani masalah-masalah fitnah, perkara-perkara yang berkait dengan undang-undang dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim ini memanglah pilihan yang agak tepat. Yang keduanya, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan perlantikan saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin haji Abdul Ghani dari Perlis menggantikan Yang Berhormat Tuan Hanipah. Untuk pengetahuan, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek ini walaupun umurnya 69 tahun tetapi seorang aktivis yang telah mula terlibat dalam politik sejak tahun 1946. Saya 1962, dia 1946 – lebih lama lagi dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek ini seorang pendidik, biasa berkhidmat di Jabatan Pendidikan, memegang pelbagai jawatan dalam UMNO negeri dan sekarang ini masih aktif dalam badan-badan sukarela dan juga di dalam UMNO itu sendiri. Saya percaya pemilihan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek akan memberi sumbangan kepada Dewan yang mulia ini dan sudah tentu Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek ini diiktiraf sumbangannya. Inilah budaya Barisan Nasional di peringkat negeri dan juga di peringkat Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal, kerajaan mengambil langkah menangani krisis kewangan dan menstabilkan ekonomi mengikut cadangan dan saranan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menyarankan dasar kewangan yang ketat dengan kadar faedah yang lebih tinggi dan pertumbuhan kredit yang dihadkan. Kerajaan juga telah melaksanakan dasar fiskal yang ketat dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan walaupun Belanjawan kerajaan mengalami lebihan yang agak besar. Ekoran daripada itu kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang telah menyediakan

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) secara menyeluruh dan komprehensif. Menurut pakar ekonomi yang secara kebetulan kita mengikuti melalui siaran televisyen semalam, keadaan turun naik ekonomi dalam tempoh masa tertentu bagi sesebuah negara adalah merupakan fenomena biasa. Krisis ekonomi yang melanda negara adalah sebenarnya lebih merupakan suatu hikmah atau blessing in disguise, dengan izin.

Keadaan ini memberi peluang kepada kerajaan bagi memastikan agihan ekonomi yang lebih adil kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah di samping menyekat golongan kaya dan mewah daripada terus mengaut kekayaan di kalangan segelintir kumpulan yang tidak membantu terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Pada hakikatnya Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh iaitu kadar inflasi yang rendah, guna tenaga penuh, tabungan yang tinggi, hutang luar negara yang rendah, kedudukan fiskal kerajaan yang kukuh, rizab luar negara yang kukuh, defisit akaun semasa yang berkurangan dalam imbalan pembayaran, sektor perbankan yang pada amnya kukuh, kestabilan politik, dasar kerajaan yang konsisten dan jelas, kadar kemiskinan yang rendah dan peningkatan saiz kelas menengah.

Objektif penting dalam langkah-langkah PPEN bertujuan menstabilkan nilai ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan sistem kewangan, mengukuhkan asas ekonomi mikro, meneruskan agenda sosio-ekonomi dan memulihkan sektor yang terjejas teruk. Bagi menghalang penguncupan ekonomi yang berterusan, kerajaan telah melonggarkan dasar kewangan dan fiskal. Kerajaan juga telah melonggarkan dasar ekuiti dalam sektor pembuatan melalui garis panduan jawatankuasa pelaburan asing ke atas penyertaan asing dalam syarikat tempatan bagi membolehkan pegangan ekuiti yang lebih fleksibel oleh pelabur dalam dan luar negara bagi semua bidang pembuatan. Penyusunan semula sektor kewangan dengan menubuhkan pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tahan sektor kewangan bagi mengelakkan risiko sistemik dan memastikan peranannya sebagai

perantara dalam sistem perbankan. Dana pemulihan bagi Industri Kecil dan Sederhan - TIKS bagi membantu IKS yang berdaya maju tetapi menghadapi kesukaran mendapatkan kemudahan kredit dengan membenarkan 30% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan daripada dana tersebut digunakan untuk penyusunan semula pinjaman yang bermasalah dengan kadar faedah tidak melebihi 5% dan tempoh bayaran balik tidak melebihi 7 tahun.

Adalah diharapkan supaya kerajaan meluaskan pinjaman dana ini kepada pengusaha-pengusaha bumiputera yang menghadapi masalah dengan mengecualikan 30% daripada pinjaman itu yang digunakan untuk menyusun semula pinjaman yang bermasalah daripada dikenakan kadar tidak melebihi 5%. Dengan tempoh bayaran balik tidak melebihi 10 tahun bukan 7 tahun, beberapa langkah susulan untuk memulihkan pasaran modal, memperbaiki pengendalian korporat, kawalan tukaran mata wang terpilih dan penyesuaian pasaran buruh telah dilaksanakan secara komprehensif.

Program sosial untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah bertujuan untuk mengurangkan kesan buruk terhadap golongan rakyat dengan menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM100 juta melalui Amanah Ikhtiar Malaysia, RM200 juta untuk membantu peniaga dan penjaja kecil di kawasan bandar dengan menubuhkan Tabung Usahawan Kecil (TUK) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Kecil (TEKUN) yang diperluaskan ke seluruh negara. Tabung-tabung ini hendaklah menjalankan peranan dan fungsinya yang boleh melibatkan golongan-golongan usahawan ataupun pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam segala sektor termasuklah dalam bidang pertanian.

Kerajaan juga telah berusaha melalui forum antarabangsa untuk mencapai persetujuan bersama mengenai keperluan pembaharuan struktur kewangan walaupun di peringkat awal menghadapi banyak bantahan dan kini telah mendapat sokongan, antara lain daripada Kumpulan G22, Kumpulan G7, IMF sendiri Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (APEC), Kumpulan G15, Komanwel dan juga ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan seruan kerajaan supaya rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara.

Apa yang kita lihat pada masa ini pihak swasta dan juga awam tidak begitu mengambil peranan yang aktif dan komprehensif. Contohnya apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Yang Berhormat Tun Daim semasa seminar pegawai-pegawai daerah yang diadakan semalam di Shah Alam kalau tak silap saya di mana dapat dikesan sebahagian besar daripada peruntukan yang diluluskan tidak dapat dibelanjakan oleh lebih kurang enam belas agensi kerajaan, Dan enam agensi kerajaan didapati tidak langsung membelanjakan wang yang diperuntukkan itu. Dan kerajaan telah menyusun semula suatu sistem bagi membelanjakan wang-wang tersebut. Sudah tentu dalam keadaan kegawatan ekonomi yang begini, apabila perbelanjaan-perbelanjaan yang diperuntukkan untuk dibelanjakan untuk pembangunan tidak dapat dibelanjakan maka sudah tentulah pertumbuhan ekonomi menjadi lebih lembab dan lambat lagi. Ini bererti pegawai-pegawai yang terlibat tidak menjalankan tugas dan kewajipan seperti mana yang diharap-harapkan. Kita berharap pegawai-pegawai ini dapat dikenal pasti oleh pihak kerajaan.

Saya bukan mengatakan semua pegawai-pegawai tetapi oleh kerana ada pegawai-pegawai yang tidak sensitif, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai ini melindungi kelemahan mereka dengan melibatkan diri sokong golongan reformasi, sokong pembangkang semata-mata melindungi kelemahan mereka dan menyalahkan kerajaan. Atas kecuiaan pegawai-pegawai yang begini kerana gagal melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan mereka berharap rakyat akan menyalahkan pihak kerajaan, inilah suatu perbuatan yang kita anggap tidak bertanggungjawab. Dan pegawai-pegawai ini seharusnya diambil tindakan sewajarnya. Mereka boleh buat pilihan, kalau mereka tidak sanggup menjalankan tugas mereka boleh letak jawatan dan mereka boleh buat kerja sendiri. Dan waktu itu barulah mereka tahu betapa sulitnya hendak menghadapi hidup dalam urusan bersaing dengan pihak lain.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan pihak swasta. Dulu syarikat-syarikat seperti Telekom, syarikat-syarikat seperti KTM, MAS dan Lebuhraya PLUS yang kita bagi konsesi sekarang ini, pelabuhan dan sebagainya, begitu juga pengurusan dalam agensi-agensi kerajaan sebaik sahaja kita swastakan badan-badan ini maka mereka menganggap

mereka bebas membuat pengurusan mengikut pertimbangan dan budi bicara masing-masing. Kita tahu dalam masa yang sama mereka menerima gaji dan elaun dan kemudahan-kemudahan yang cukup lumayan sedangkan syarikat-syarikat ini menghadapi masalah kewangan, menghadapi kerugian dan akibatnya rakyat biasa yang menerima kesan dan padah. Kita berharap pihak kerajaan tidak boleh melepaskan tangan, tidak boleh membiarkan pengurusan syarikat-syarikat swasta ini berjalan mengikut kehendak mereka sahaja sehingga rakyat menjadi mangsa.

Kita berharap kerajaan mempunyai mekanisme yang lebih berkesan, yang lebih mengetahui kedudukan syarikat itu sebenarnya yang sanggup bertindak kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyelewengkan wang rakyat melalui syarikat-syarikat ini dan mengenakan syarat-syarat yang boleh menyusahkan rakyat dan merugikan kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peranan parti-parti politik termasuk NGOs, saya amat dukacita sekali tadi kita dengar Yang Berhormat daripada parti PAS, sahabat kita memang saya hormati dia, dia menyoal apa program kerajaan bagi melaksanakan '*hablum minallah*' dan '*hablum minannas*'- hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia,. Soalan itu cukup sedap didengar tetapi kalau kita tanya balik apa parti PAS buat untuk hendak melaksanakan program ini? Program yang mereka buat tidak lebih daripada menjalankan fitnah, mendakwa, mengeji, mengecam pemimpin dan mencari jalan bagaimana hendak memecahbelahkan perpaduan umat Islam.

Saya tak tahulah kalau-kalau Islam yang difahami oleh parti pembangkang ini mengajar kita supaya berpecah belah, supaya kita cari jalan memaki orang, supaya kita jalankan fitnah sedangkan kita tahu fitnah itu lebih buruk daripada membunuh, lebih dahsyat dari membunuh dan kerja-kerja ini memang tidak disuruh oleh agama, agama suruh kita buat perkara yang baik, dan dia melarang kita membuat perkara-perkara yang jahat, yang keji yang boleh merosakkan hubungan di antara manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, jadi tambah-tambah lagi apabila kita menghadapi keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini kita tak nampak sedikit pun

pihak pembangkang termasuk PAS, termasuk DAP, termasuk Keadilan, termasuk NGOs yang kononnya nak bela bagi pihak rakyat dan bercakap pasal human rights, dengan izin..

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung, tadi saya menyebut berkenaan peranan parti pembangkang, peranan NGOs, peranan pihak-pihak yang mengatakan mereka sebagai ulama dan lebih-lebih lagi orang-orang yang kita tengok mengaut kesenangan, menikmati kemudahan hasil daripada susah-payah kerajaan Barisan Nasional sejak dari merdeka dahulu sehingga sekarang. Mereka tidak langsung bersyukur, pasal penyakit pun kot mereka hendak bagi tahniah hendak sokong beri cadangan bagaimana cara hendak buat tetapi tidak, mereka pergi cari isu-isu yang kononnya katanya agama menghalalkan cara mereka.

Matlamat mereka buat kerja ini seolah-olah lebih dahsyat dari orang yang jadi musuh kita. Zaman komunis dulu, komunis kita tahu dia cari jalan untuk menjatuhkan kerajaan dengan cara senjata, cara membuat fitnah, dan gerakan yang dibuat sekarang seolah-olah mengikut KGB, mengikut Yahudi, Yahudi dulu dia atack peribadi pemimpin, dia bunuh apa yang kita panggil character assassination. Sekarang ini apa yang berlaku pun macam itu, kita bimbang kalau kerajaan biar, tadi kata Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Hamid, kerajaan Barisan Nasional gentlemen, janganlah gentlemen sampai jadi huru hara, sampai bergaduh, sampai esok hendak kena isytihar darurat.

Sementara kita boleh kawal, kita hendak kena kawal, kita bukan hendak haramkan parti PAS, sekurang-kurangnya macam saya kata tadi, haramkan penggunaan Islam sebab bagi mereka PAS itu Parti Islam Se-Malaysia. Islam itu dibunuh lagu tu dan beritahu dekat orang kampung yang ortodoks ini, minta maaf, peringkat grass root pengikut-pengikut orang kampung dia cukup fanatik pasal agama. Khabar kalau PAS pergi kata masuk PAS, masuk Islam, pangkah PAS masuk syurga, ini bahaya, ini bercanggah dengan akidah.

Saya tanya Dato' tadi dia tak jawab sama ada kerajaan bercadang hendak mengambil tindakan undang-undang, dari segi mahkamah syariah sudah dipertingkatkan tapi kalau benda itu dibiarkan...

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan, saya hendak bercakap bagi habis. Kalau tidak, kawan saya tidak boleh bercakap. Itu saya baca dalam undang-undang kalau saya tak bagi laluan, dia tak boleh masuk campur. Masuk campur dia itu hendak bagi keliru lagi kerana hendak mempertahankan benda yang dia buat tak betul. Yang PAS buat tak betul itu dia hendak pertahankan, itu yang saya tak mahu bagi. Biar dia bahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tidak apa..

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh kesal dengan sikap pembangkang yang melabelkan diri mereka sebagai orang Islam menggunakan agama, pecah belahkan orang-orang Islam sendiri, lepas itu tolong merosakkan, caci pemimpin sampai buat bandingan, kalau Ustaz Fadzil Noor, Yang di-Pertua PAS sendiri sanggup keluar kenyataan berkenaan dengan Timbalan Perdana Menteri, saya tidak sangka orang yang mengagung-agungkan Islam boleh bawa benda-benda yang boleh mengelirukan orang. Ini satu maruah, sepatutnya kerajaan di bawah jabatan Datuk Dr. Hamid Othman ini boleh mengambil tindakan, keluar kenyataan yang macam itu dan Tok Guru Nik Aziz pula keluar kenyataan boleh berpakat dengan syaitan. Kalau hendak menjatuhkan Kerajaan Barisan dia kata boleh pakat dengan syaitan asalkan untuk matlamat menegakkan kerajaan Islam.

Saya sudah beritahu semalam berkenaan dengan kedudukan kerusi Parlimen di negara kita ini, ada 192, pilihan raya 1995, PAS masuk - 45 kerusi, Semangat 46 masuk - 60 kerusi, DAP masuk - 50 dan berapa sahaja mereka menang. Mungkin sekarang ini keADILan dia akan ambil tempat Semangat 46, ambil bilangan kerusi macam itu. Kalau mereka ini menang pun boleh campur-campur, tidak boleh memerintah lagi. Lepas itu timbul pula masalah hendak pilih siapa menjadi Perdana Menteri, kata Wan Azizah dengan Dr. Chandra, dia kata, "*Anwar akan jadi Perdana Menteri*" takkan mereka buta undang-undang, Perlembagaan negara.

Dalam Perlembagaan negara kita sudah ditetapkan mana-mana rakyat yang dijatuhkan hukuman 2 tahun penjara, kena denda lebih daripada RM2,000, sekarang dia kena 6 tahun, 6 tahun denda, lepas itu ada lagi tuduhan 6 belum lagi berjalan. Tidak tahu lagi banyak mana, pun dia kata Anwar boleh jadi Perdana Menteri, tidakkah ini satu perkara yang mengelirukan orang. Kita bukan memperjuangkan orang, kita memperjuangkan parti, parti yang boleh menjamin kehidupan kita. Sebab itulah dasar Barisan Nasional yang kita laksanakan pada hari ini tidak ada parti, kerajaan begitu sensitif, kita telah menetapkan garis panduan yang memberi jaminan kepada golongan bumiputera yang beragama Islam, golongan bumiputera yang bukan beragama Islam, rakyat keturunan lain boleh hidup kongsi kuasa yang sekarang ini kerana sikap sederhana kita, sikap toleransi kita, alhamdulillah, kita meneruskan pentadbiran yang boleh memberi kebajikan kepada rakyat.

Kita berharap kerajaan jangan biarkan undang-undang pertubuhan-pertubuhan NGO ini ada, dia tahu bidang kerja dia, sampai dia masuk campur dengan parti pembangkang buat perhimpunan haram, tunjuk perasaan, buat label mengganggu ketenteraman, kerajaan masih biarkan. Saya percaya, kita ucapkan tahniah kepada pihak polis. Kalau kita sendiri menjadi polis menghadapi perhimpunan haram dengan batu, dengan benda-benda yang agak bahaya, kata maki hamun dan sebagainya, cuba bayangkan, tetapi berapa orang daripada parti pembangkang yang ucapkan terima kasih kepada polis kerana berjaya memelihara keamanan, tidak ada seorang pun, cuba kita tengok polis yang kena belah di jalan raya itu. Bila tunjuk dalam TV, keadaannya begitu teruk tidak ada siapa yang simpati.

Inilah perjuangan dan pengorbanan polis dan seharusnya kita memberi satu kepujian kepada mereka, kalau tidak kerana kecekapan polis maka perhimpunan haram yang dibuat di merata-rata itu sudah tentu akan lebih berkembang dan akan menjadi pergaduhan di antara kaum. Bila jadi pergaduhan di antara kaum, saya percaya penuh di masa itu pelabur-pelabur yang ada pun tidak akan datang lagi. Keadaan ekonomi kita akan terjejas, rakyat tidak berani hendak keluar untuk meneruskan kerja masing-masing, maka barulah mereka tahu. Sekarang ini kita menghadapi ancaman virus, tetapi virus parti politik ini lebih dashyat lagi daripada virus JE, sebab itu kerajaan tidak boleh biarkan.

Harakah baru-baru ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Dato' Abdul Kadir telah memanggil Datuk Hishamuddin, saya tengok dalam TV dan kita baca dalam surat khabar. Saya sendiri telah memberi 5 naskhah akhbar *Harakah* kepada Datuk Ibrahim kerana Datuk Ibrahim lantik saya masuk dalam committee untuk menangani fitnah, saya kumpul dan serahkan, saya beri dan tape pun ada di Perlis yang mana lawyer, peguambela Datuk Seri Anwar dengan pemimpin PAS pakat bergabung. PAS ini sebenarnya bukan setuju sangat dengan keADILan begitu juga dengan DAP tapi dia ambil kesempatan, ambil isu Anwar itu untuk hendak gugat kerajaan sahaja. Besok dalam pilihan raya mereka akan tetap sabotaj sama-sama negeri, percayalah, Allah sudah tetapkan macam itu, jangan kita bimbang, kita perbetulkan diri kita dahulu, insya-Allah kita akan dapat memerintah.

Saya berbalik kepada *Harakah* tadi, dalam *Harakah* saya terperanjat bila pergi ke stesen kereta api, kedai-kedai buku itu letak *Harakah* berlambak-lambak. Lepas itu di pejabat MAS di Alor Setar, sekarang ini saya ulang dua, tiga kali, tengok-tengok dia sudah sembunyi sebab mereka tengok saya perhatikan. Di Central Supermarket, tempat ini orang biasa pergi dia jual rata-rata begitu, kedai-kedai buku, dia tulis di situ untuk ahli sahaja tapi boleh dijual merata-rata sebab di dalam akhbar itu semuanya perkara-perkara menghentam kerajaan, menghentam pemimpin, Dr. Mahathir zalim, firaun dan sebagainya, kata macam-macam. Saya rasa kalau kita biarkan kebebasan sampai melampau macam ini, benda yang bercanggah dengan Islam itu sendiri, sedangkan kita negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi, saya bimbang kalau-kalau besok ini, kebebasan yang kita beri ini disalah guna, rakyat keliru dan tambah-tambah lagi bila SPR membuka peluang kepada daftar pemilih baru, golongan muda telah mula mendaftarkan diri, sekarang ini hampir setengah juta sebagai daftar pemilih.

Mereka ini semata-mata didesak oleh perasaan emosi menyokong reformasi ini, bukan hendak mengambil daftar itu atas dasar tanggungjawab sebagai pemilih tetapi semata-mata sebagai hendak membalas dendam. Mereka ini mungkin dibayar duit, diupah oleh pihak-pihak tertentu. Oleh sebab itu kerajaan janganlah memandang ringan penerbitan *Harakah*, dakyah-dakyah, fitnah-fitnah yang dikeluarkan oleh parti pembangkang, ceramah-ceramah yang disampaikan oleh kononnya mereka itu ulamak, macam Dr. Harun Din, Dr. Hassan Ali yang suatu masa dahulu mendapat kemudahan dan kemewahan daripada projek kerajaan. Mereka

ini kaya-raya sekarang ini dan baru-baru ini Perdana Menteri sendiri sebut ada kroni-kroni Datuk Seri Anwar pada suatu masa dahulu orang biasa, lebih teruk daripada saya, tidak ada apa pun tetapi apabila dapat menjadi pengarah, dapat saham free, dah jadi millionaire, juwatan, mungkin billionaire ada sampai RM230 juta.

Kita berharap kerajaan akan dedahkan, kalau Perdana Menteri tidak mahu dedah Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan boleh dedah. Janganlah beri semua Perdana Menteri hendak dedah, esok puak-puak pembangkang hentam Dr. Mahathir seorang sahaja, pasal benda itu hendak suruh dia sahaja. Begitu juga Pak Lah, kadang-kadang yang lain itu tidak mahu sensitif. Sebagai Perdana Menteri dia terpaksa pertahankan, tetapi hak di bahagian bawah itu kena pandai-pandailah buat kerja, jangan beri orang suruh baru hendak buat, macam saya ini. Walaupun saya tahu, mungkin Menteri Besar tidak beri saya bercakap tetapi ini tempat yang mulia kita perlu cakap, beritahu pandangan kita secara ikhlas. Inilah perjuangan namanya. Saya percaya kalau perkara-perkara ini diambil kira, insya-Allah, kerajaan kita akan terus kekal.

Sebagai akhirnya, saya berharap pihak kerajaan akan menggunakan segala agensi jabatan, media elektronik, media cetak yang ada sekarang ini, jangan biar parti pembangkang sahaja yang gunakan, kita buat beri orang lain guna. Gunakan untuk menerangkan apa yang dibuat oleh kerajaan bagi memulihkan kegawatan ekonomi. Benda-benda yang pembangkang timbul, perkara-perkara yang tidak betul dapat diberi maklumat kepada rakyat termasuklah di peringkat antarabangsa. Di peringkat antarabangsa ini, kita dapat tahu, kita ada kedutaan di merata-rata tempat termasuklah pusat pelancongan. Saya baca dalam buku Datuk Sabbaruddin beri itu, di merata-rata negara kita ada pusat-pusat pelancongan. Gunakan tempat-tempat ini untuk salurkan maklumat berkenaan dengan perkembangan yang sebenar di negara kita. Kalau pihak lain boleh menggunakan Internet dan sebagainya dan kerajaan kita kukuh, kewangan kita kukuh, kita ada duit mengapa kita tidak boleh belanja. Kalau pasal JE kita gunakan duit banyak dan penyakit-penyakit yang lain juga kita guna duit banyak maka tidak ada sebab kita tidak boleh gunakan duit dalam menyampaikan maklumat kepada negara-negara luar bagi menangkis segala tohmahan dan tuduhan ini.

Saya sekali lagi menyokong penuh usul Kertas Putih yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi tetapi dihadkan ucapan ada lebih kurang 20 minit, cukupkah 20 minit?

11.39 pagi

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyokong Kertas Putih yang telah dibentangkan dengan baiknya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi kerana beri peluang kepada saya, saya beri nota, mula-mula dia tidak nampak, saya sudah dapat signal. Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri datang, saya ingat saya sudah tidak ada chance. Saya rasa alhamdulillah syukur kepada Tuhan kerana saya berpeluang untuk membahaskan satu Kertas Putih yang amat mustahak pada negara kita dan inilah kali terakhir kita boleh bercakap mengenai Kertas Putih dalam abad yang ke-20 ini. Lepas ini kita hendak bercakap dalam abad yang ke-21, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah bersama-sama yang lain, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana membentangkan Kertas Putih yang sungguh menyeluruh, semuanya lengkap, tersusun dengan baik. Soalnya sekarang, maklumat yang begini baik, yang tersusun rapi dan indah dengan Kertas Putih ini bagaimana hendak kita sampaikan kepada target group khususnya masyarakat umum sehingga menyakinkan mereka bahawa kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan dibantu oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai kekuatan untuk menangani segala permasalahan ini dan akan membawa kita kepada era arah abad ke-21 melalui pilihan raya akan datang.

Keyakinan rakyat menjadi persoalan. Oleh kerana itu, soalnya kita sedang didedahkan begitu banyak maklumat. Kalau dikatakan zaman teknologi maklumat 'knowledge society', 'information society' kita diberi cabaran sekarang. Berbilang-bilang, yang bertulisnya, yang elektroniknya, yang media mulutnya, surat layang semuanya. Oleh kerana itu, saya ingin

cadangkan supaya pihak kerajaan memberi pengkhususan khas tentang usaha untuk menyampaikan segala usaha kita yang begini baik ini. Umpamanya, saya masih ingat semasa kecil-kecil dahulu Kementerian Penerangan pergi ke kampung-kampung menggunakan alatnya, menunjuk wayang dan sebagainya.

Sekarang kita ada alat teknologi yang lebih canggih, kenapa tidak we go to the basic, kita turun ke padang membawa alat-alat ini, menggunakan alat-alat multimedia umpamanya dengan sokongan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menunjukkan bahan unsur-unsur kebudayaan juga dan menyampaikan maklumat ini dengan teknologi, dengan mempunyai grafiknya, multimedia, suara dan gambarnya disusun dengan rapi.

Saya percaya, saya telah membuat sedikit kajian untuk menunjukkan bahawa kalaulah saya mewakili rakyat umum, saya binggung dengan terlalu banyak maklumat tetapi kalau ada badan khusus, pihak kerajaan umpamanya, menggunakan maklumat yang begini baik ini, memproseskannya menukarkan ke dalam bentuk yang lain dengan teknologi kita dan menggunakan ini di kampung-kampung, sekali gus niat untuk memperkenalkan IT dan multimedia dapat. Niat untuk menunjukkan betapa hebatnya MTEN dan majlis-majlis tindakan negeri di negeri juga hebat. Niat untuk menunjukkan segala usaha kita diterima oleh antarabangsa, sampai.

Umpamanya, saya ada satu di sini, *Positive Science Recovery*, ada cerita tentang angka RM2.667 bilion, RM991 billion, 160 application dan sebagainya, boleh kita beritahu tetapi kalaulah umpamanya ada satu contoh yang baik, saya ada di sini menunjukkan ‘peristiwa utama mempengaruhi prestasi indeks komposit’, ia tunjuk naik turun, naik turun. Kerajaan buat A – ia lembab sedikit, kerajaan buat B – ia naik, buat C – ia naik lagi, sekarang kita ada cerita baik, daripada paras 200 hendak sampai paras 700 dan sekarang hendak meningkat kepada 1,000. Mari kita ikut ini. Adakan kumpulan teknologi ini dan sediakan teknologi ini tunjukkan dengan multimedia. Jadi, senang orang faham. Malah pihak media pun pada pendapat saya, selain usaha-uaha lain pihak media patut ada special pull out kalau ada yang teknologi, saya pernah bercakap dahulu terlalu heavy, untuk orang teknikal tetapi kita sekarang boleh buat macam kartun Lat. Tunjuk grafik dengan senang. Ini dia cerita sebenarnya ekonomi. Cerita disenangkan kepada rakyat. Kita memikirkan bahawa target/kumpulan sasaran kita ialah rakyat. Kita hendak berkomunikasi dengan rakyat. Saya rasa kalau dia melihat melalui grafik ini, melalui press special pull out sama ada 4, 8 atau 12 muka, senang, dia percaya.

Kalau Kementerian Penerangan go down to the basic, pergi balik ke kampung, jangan hanya dengan Pegawai Penerangan yang attach kepada wakil rakyat dan orang ini pun hendak berlagak macam dia orang politik juga, minta maaf tetapi pada saya kekesanannya ada.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pegawai kerajaan, saya hendak sebut sedikit, walaupun disentuh sedikit oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak sebut, satu kekejaman kepada masyarakat bahawa begitu banyak wang tidak dibelanjakan sampai ada yang kena beri arahan terus, sampai satu sen pun dalam masa tiga bulan pertama tidak digunakan.

Banyak masalah tetapi yang lebih rumit kalau ada niat pegawai kerajaan yang sengaja sabotaj secara diam. Betul, saya sudah baca akhbar, Yang Berhormat Menteri Kewangan II mempersoalkan pegawai kerajaan ini dari segi budaya kerja. Betul, budaya kerja satu bab, fiil dia, cara dia, natural dia, itu boleh dikatakan terjadi dengan sendiri kerana budaya ini sudah dibawa oleh dia sejak lama. Tetapi kalau pegawai-pegawai kerajaan sengaja melambat-lambatkan sesuatu sampai menyusahkan, sampai tidak berjalan, tidak bergerak satu sen pun pun tidak berbelanja, berbilion-bilion ringgit telah pun diumumkan oleh kerajaan, ini pada pendapat masyarakat, kerajaan yang tidak buat. Jadi, soal sabotaj secara diam ini hendaklah diberi pertimbangan dengan penuh kebijaksanaan.

Saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri menyebut kita bukan kata hendak terus ambil tindakan - tukar pegawai-pegawai kerajaan yang telah membuat salah kerana kadang-kadang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menyebut bab tukar pun ada penyakit. Oleh kerana itu kita hendaklah menangani perkara ini dengan penuh kebijaksanaan dan kadang-kadang to be fair, dengan izin, kepada pegawai-pegawai kerajaan mungkin bukan kerana sabotaj diam, mungkin kerana budaya kerja tetapi permasalahan lain ialah tentang sistem yang telah dipersetujui di dalam kerajaan itu sendiri. Saya beri contoh, umpamanya sistem untuk membuat keputusan untuk mengagihkan rumah-rumah kos rendah kepada para setingan. Kalau terpaksa kena berpusat terlalu banyak sangat, walaupun sistem berpusat ini baik, kadang-kadang sistem berpusat ini juga

melemahkan keadaan dan oleh kerana, ini tidak berjalan, perkara lain pun tidak berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan soal memperbaiki pengendalian korporat yang begitu terang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan tatacara pengendalian korporat telah pun juga diumumkan bulan Mac yang lalu tetapi saya ingin merujuk kepada beberapa perkara dan meminta reaksi pihak kerajaan, khususnya muka surat 42, mengenai jawatan pengarah yang telah diumumkan mula-mula 5 daripada public listed company, tambah 10 untuk syarikat sendirian berhad, jadi 15 sekarang dipinda dari 10, 15 jadi 25.

Saya telah ditanya oleh beberapa orang dan agak keliru tentang hal ini, dan ingin mendapat penjelasan sama ada ada kaitannya perkara ini dengan hanya public company ataupun khusus hanya kepada syarikat sendirian berhad. Jadi yang ini menjadi confusion dan kadang-kadang mereka rasa takut kalau hendak dikawal banyak sangat akan mengganggu kepesatan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam industri sederhana dan kecil. Itu yang hendak saya bangkitkan.

Satu lagi, mengenai tindakan undang-undang telah pun disebut biasa dalam akhbar umpamanya, yang saya ada di sini, "AC tunggu persetujuan buat pendakwaan". Pada saya, mungkin kita dengan cara ini bagi preview dulu, kita mewujudkan teka-teki, ramalan dan banyak desas-desus ramalan ini akan digunakan oleh pihak pembangkang dengan negatif. Mengapa tidak hanya berdiam, buat kerja dan bila ada all ammunition, time.... orang ini kena. Pada saya lebih baik, kerana sudah banyak seolah-olah ugutan announcement yang sebegini dibuat tetapi tindakannya kurang. Jadi, rakyat mengukur dari segi announcement untuk bertegas dengan actual implementation, actual action, dengan izin, tindakan yang sebenar. Jadi, mungkin itu pun dapat diperhatikan dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain mengenai program sosial untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah. Saya pun hendak cepat supaya tidak diberhentikan oleh Tuan Yang di-Pertua, muka surat 49, saya amat tertarik dengan usaha-usaha ini

cuma bab banyak dana yang diumumkan amat baik sekali. Terlalu amat lama kita mendengar masalah ini masih tidak selesai. Kadang-kadang kita pun hairan mengapa perkara ini masih tidak mencapai tujuan. Rakyat jelata, banyak mengemukakan perkara ini, katanya kerajaan membuat pengumuman tetapi bila pergi ke bank, masih terlekat. Kita juga mendengar bahawa usaha-usaha terakhir pun ada tetapi bila pergi ke bank, masih tidak dapat. Ini yang menjadi permasalahan.

Perkara lain ialah mengenai masalah pengurangan pemilikan ekuiti bumiputera. Kita faham bahawa dalam keadaan darurat seperti ini, kita kena longgarkan, boleh jual kepada bukan bumiputera, boleh juga kepada bangsa asing. Yang saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan ialah bagaimanakah mekanisme untuk kita menentukan yang kita lepas dalam keadaan terdesak ini, akan dapat kita kawal balik untuk menentukan pegangan bumiputera masih terjamin. Ini adalah satu soalan yang amat berat dibincangkan oleh kaum bumiputera dan kadang-kadang saya sendiri tidak boleh menjawabnya.

Perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah usaha-usaha di peringkat antarabangsa. Dalam perkara ini telah banyak diperkatakan tindakan-tindakan pihak kerajaan sekarang yang mendatangkan manfaat, telah banyak kita melihat orang mengakui segala usaha kita yang baik.

Yang saya ingin bangkitkan ini ialah yang terakhir yang disiarkan dalam *Far Eastern Economic Review*, April 29. Satu artikel khas 'Rethinking Asia' (Memikirkan Semula Mengenai Asia) ini yang ditulis oleh Profesor Walden Bello, seorang profesor bidang sosiologi dan pentadbiran, Public Administration di University of Philippines. Oleh kerana dia datang dari University of Philippines, mungkin analisa dia lebih mirip melihat dari sudut kaca mata Asia. Saya amat tertarik dengan artikel ini ialah sebenarnya soal melihat masalah yang kita hadapi yang kerajaan sendiri mengambil tindakan mengenai masalah ekonomi ini, mengenai krisis kewangan, ada 1001 persoalan.

Dikatakan ada tiga jawapan yang sebenar dan yang menyedapkan kita ialah dalam tiga jawatan, tiga model, tiga 'school of thought' yang disebut oleh profesor ini

ada dua, di antaranya dikaitkan kepada model oleh Malaysia sendiri. Ini mengukuhkan umpamanya, saya katakan dalam model satu, dua, tiga untuk menjimat masa saya tidak baca model ini tetapi reference, umpamanya kalau saya boleh baca, dengan izin, *“The second approach might be called the “Back to Bretton Woods” school. It proposes controls on capital flows via a transactions tax on capital inflows and outflows. Such controls at the international level may be supplemented with regional or national-level controls, such as Malaysia’s tough measures to curb capital outflows”*, ini model kedua yang disebut. Dalam model ketiga yang dipanggil mengenai ‘global casino capitalism’ ini juga memberi pandangan bahawa, dengan izin, *“In their view, national capital controls of the Chilean or Malaysian type are much more promising”*, dengan izin. Kita didedahkan dengan isu-isu dan analisa secara akademik oleh seorang profesor yang datang dari Asia yang menunjukkan bahawa bila diberikan maklumat yang relevan, diproseskannya dan diberi pendapat yang begini baik. Inilah maksud saya, perkara-perkara ini hendaklah kita sampaikan kepada masyarakat umum kita dengan begitu cepat dan berkesan supaya rakyat merasakan sampai kepada mereka dan mereka faham. Inilah niat kita sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya ingin ‘highlight’kan dengan ringkas oleh kerana masa tidak mengizinkan. Kepada satu buku terakhir yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri. Pada 2 Mei terbit pada hari Ahad, cerita mengenai buku baru *A New Deal for Asia*, tidak keluar di kedai lagi, saya dapat terus daripada penerbitnya dan kalau dibacakan ini, mengikut ringkasan di belakangnya, mengikut ‘Table of Contents’nya sebenarnya ia menceritakan menyeluruh tentang pendekatan yang diambil oleh Malaysia, pendekatan yang menggunakan maklumat, pemikiran yang rasional dan berani, melihat masa depan Asia dan masa depan cara pengurusan soal kewangan. Inilah pada saya, semua wakil rakyat patut memiliki dan membacanya kerana berdasarkan maklumat inilah, menggunakan kepintaran dan kehebatan sendiri kita dapat menyampaikan bahawa perkara-perkara yang dibuat oleh kita dan kalau dikaji dan dibaca dengan teliti kita akan dapat memahami sepenuhnya.

Bercakap tentang ahli wakil rakyat keseluruhannya, ingin saya menyebut tadi to be fair, dengan izin, apabila saya menyebut tentang masalah pegawai-pegawai kerajaan tidak melaksanakan kerja. Ia banyak angle macam two side of a coin, kalau kita perhati, kalau melihat dari segi analisa dalam syarikat swasta, kalau ada CEO, kalau kita ada satu buku, Mahathir sebagai CEO Malaysia. Kita bayangkan kalau Mahathir jadi CEO Malaysia, Deputy CEO berdepan dengan kita sekarang, yang menjadi minister sebenarnya departmental managers or general managers, katalah, or executive directors bagi bunyi sedap sedikit, the 'EDs' of different unit, the 'EDs' ini ada orang-orangnya, ada pembantunya dan sebagainya. Kalau kita hanya melihat kakitangan civil servants, pegawai-pegawai kerajaan, ya saya sudah komen, beberapa kemungkinan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kata dengan ikhlas dan rakyat mengatakan kepada saya begini, "*bahawa ini yang menjadi departmental EDs*. Maksud saya the EDs (executive directors) ini pun pihak kerajaan kena perhati. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dapat menyampaikan ini direct to the future leader of Malaysia, insya-Allah, ini akan dapat diperbetulkan kerana kalaulah ada effective CEO or departmental head or EDs, saya ingat perkara satu sen tidak belanja dalam tiga bulan, tidak akan berlaku, saya berani jamin kerana dia mengetahui selok-belok pengurusan kerana dia mengatakan kalau sudah orang lain buat budget, dia hanya hendak mengawasi budget itu, menunjukkan bahawa ini berlaku. Saya ingat tidak begitu susah, oleh kerana itu to be fair to the government servants, saya mengatakan bahawa kita hendaklah mengkaji dengan tenang, dengan rasional dan dengan adil.

Jadi janganlah hanya kita melihat kepada pegawai-pegawai kerajaan yang banyak sahaja. Betul, mungkin ada salah tetapi kita juga hendak melihat menyeluruh. CEO kita telah pun menjalankan kerjanya dengan cemerlang, sambil kesibukannya melahirkan idenya melalui buku ini dan ini kitab yang boleh kita melihat pada masa depan. Inilah jawapan permulaan, inilah kertas kerja hendak dibentangkan kepada dunia supaya dunia dapat mengkaji dan menerima pakai. Inilah yang dikatakan oleh penulis ini bahawa dunia mesti support kita, inilah bukti bahawa walaupun negara

kecil, kita Malaysia mempunyai kekuatan pemikiran dan intelek untuk menyelesaikan masalah dunia. Oleh kerana itu, kalau perkara-perkara ini disampaikan kepada rakyat, insya-Allah, Kerajaan Barisan Nasional akan terus memerintah dan membuat jasa bakti kepada masyarakat pada masa-masa depan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Amat Berhormat sila jawab.

12.00 tgh.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat gembira dan bersyukur kerana pembentangan perbahasan mengenai Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Malaysia ini telah pun berjalan dengan baik dan kita melihat banyak participation, ertinya banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian. Pegawai-pegawai kita telah pun mencatatkan segala pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan mengenai usul yang berkaitan dengan Kertas Putih ini.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang saya ingin hendak memberi jawapan dan pandangan tentang idea-idea ataupun pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan. Saya terlebih dahulu ingin menyatakan bahawa saya berharap Kertas Putih yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini dapat menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekalian rakyat Malaysia mengenai usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dengan secepat mungkin di samping memperbetulkan salah tanggapan setengah pihak walaupun menghadapi kesukaran sebahagian besar rakyat Malaysia masih terus dapat bersatu padu dan menggembungkan usaha untuk membawa ekonomi kita ke atas landasan, pertumbuhan yang mampan agar matlamat pertumbuhan seimbang di bawah Dasar Pembangun Nasional dan matlamat pencapaian status negara maju di bawah Wawasan 2020 akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan memberi pertimbangan untuk

melaksanakan cadangan-cadangan yang didapati sesuai. Merujuk kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi penjelasan terhadap isu-isu tersebut, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat sudah bersetuju bahawa pendekatan IMF dalam menangani krisis kewangan adalah kurang tepat dan telah banyak menerima kritikan. Jadi, oleh sebab itulah kerajaan daripada awal-awal lagi tidak dapat menerima IMF walaupun pada peringkat awal untuk beberapa bulan setelah kita mengalami kegawatan ekonomi, krisis mata wang, kita juga mendengar nasihat walaupun IMF tidak beroperasi di sini tetapi kita juga cuba mendengar pandangan-pandangan mereka tetapi nyata sekali pandangan yang diberikan itu setelah kita laksanakan, kita lihat ekonomi kita tidak menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Jadi, benarlah apa yang kerajaan telah buat keputusan, hari ini nampaknya telah pun disokong oleh Ahli Yang Berhormat yang mengambil peranan dalam perbincangan mengenai Kertas Putih ini dan juga rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang dibangkitkan ialah soal kelewatan pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi memastikan pemulihan ekonomi. Semalam selepas sahaja saya membentangkan usul ini Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian telah pun menyatakan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk memanggil pegawai-pegawai daerah ke Kuala Lumpur untuk memberi penerangan kepada mereka untuk menggesa mereka supaya melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti dan telah pun diperuntukkan sekian banyak wang dalam belanjawan yang telah diluluskan.

Jadi, pandangan ini telah dikemukakan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai daerah daripada seluruh negara telah pun berada di Kuala Lumpur. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menemui mereka dan selepas itu Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin telah pun juga mengadakan perbincangan dengan mereka untuk memberi penjelasan yang sedetail mungkin mengenai usaha-usaha yang telah dijalankan sekarang ini khususnya berkaitan dengan pemulihan ekonomi dan Menteri Kewangan II telah pun adakan dialog dengan mereka supaya mereka benar-benar faham apa yang

dilaksanakan oleh kerajaan supaya tidak ada keraguan dan dengan itu mereka akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih yakin lagi daripada masa dulu ataupun pada waktu-waktu belum lagi pasti apakah sebenarnya kehendak di sebalik dasar-dasar dan pendekatan yang telah diumumkan kerajaan dan selepas ini saya pula akan berdialog dengan mereka tentang hal-hal yang berkaitan khususnya dengan pentadbiran dan pelaksanaan-pelaksanaan, prosedur-prosedur yang diambil bagi memesatkan lagi pelaksanaan projek-projek yang telah pun dipersetujui itu.

Adalah menjadi harapan kerajaan bahawa segala projek yang telah pun dipersetujukan dan peruntukan bagi projek-projek itu telah pun siap dan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Kita tahu rakyat sentiasa tunggu dan rakyat mahu mendapat manfaat dan faedah daripada projek-projek yang akan dilaksanakan seperti perumahan umpamanya, seperti projek-projek yang berkaitan dengan memperbaiki lagi prasarana di kawasan-kawasan luar bandar misalnya. Ini adalah antara projek-projek yang ratusan bilangannya itu. Jadi, kalau kita cepat, rakyat cepat juga menikmati kebaikan dan faedah daripada projek-projek yang dilaksanakan itu.

Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP) ataupun lebih dikenal dengan nama ICU telah pun ditugaskan, dipertanggungjawabkan untuk memantau dengan rapi perkembangan pelaksanaan semua projek dan mengumpulkan laporan mengenai prestasi kewangan dan fizikal projek kepada Perdana Menteri setiap dua minggu dan Jabatan Perdana Menteri setiap suku tahun. Jadi, kita juga meminta supaya laporan-laporan dihantar dengan cepat. Ada orang tanya saya, adakah masa Perdana Menteri dan menteri lain hendak baca laporan-laporan yang dikemukakan dua kali sebulan, tiap-tiap dua minggu dikemukakan dan selepas itu yang suku tahun pun ada dikemukakan, laporan bulanan, itu pun kena baca. Kita boleh baca, kita ada juga pegawai-pegawai yang akan meneliti semua laporan dan akan membuat summary untuk dikemukakan.

Keduanya, saya ingin menjelaskan di sini bahawa MTEN bersidang tiap-tiap hari. Saya pun baru, belum lagi habis MTEN, saya terpaksa datang ke sini untuk menunaikan tanggungjawab yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan

mengenai usul Kertas Putih ini dan mesyuarat MTEN Exco masih lagi berjalan pada waktu ini di Pejabat Perdana Menteri. Jadi, oleh sebab kita sentiasa bermesyuarat sebelah pagi, dari pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi, kadang-kadang sampai pukul 1.00 tengah hari pun ada juga.

Jadi, inilah satu kesempatan yang akan ada pada Perdana Menteri dan saya juga dalam mesyuarat itu, Tun Daim dan lain-lain lagi untuk mengetahui apakah sebenarnya yang sedang berlaku pada peringkat pelaksanaan, on the ground apa yang sedang berlaku. Jadi, bila kita tahu maka insya-Allah pandangan-pandangan dan arahan-arahan selanjutnya akan dapat diberikan. Saya yakin bahawa apabila sistem ini dilaksanakan dengan baik, tentu sekali akan lahir satu kesedaran di pihak mereka yang melaksanakan termasuk juga menteri-menteri yang mengetuai kementerian masing-masing.

Apabila mereka mendapat maklumat dan apabila mereka lihat bahawa projek tidak berjalan, kita harap akan ada satu kesedaran pada mereka untuk bertindak dengan cepat. Selalunya kalau kita tidak tahu sebab kita tidak ada sistem laporan, jadi, bila sampai hujung tahun, kita tengok laporan, kita dapati begitu banyak lagi wang yang belum dibelanjakan, shortfall terlalu tinggi dan projek masih terbengkalai, ada yang telah dilaksanakan tetapi belum selesai, macam-macam masalah. Jadi, pada waktu itu, kalau baharu tahu, jadi lambatlah hendak buat pembetulan, kena tunggu pula tahun depan manakala kita dapat lagi revote ataupun peruntukan kena diberi lagi sekali untuk menyelesaikan pelaksanaan projek-projek yang berkenaan.

Jadi kerana tidak tahu maklumat maka tindakan kadang-kadang tidak diambil, macam oranglah kalau tidak tahu sakit, dia ingat dia sihat maka dia tidak ambil peduli, tetapi kalau dia tahu dia ada sakit oleh sebab ada pemeriksaan doktor maka tentu sekali ada kesedaran kepadanya untuk membetulkan keadaan, mengubati yang sakit ataupun mengatasi masalah yang ada. Begitulah kita harap daripada sistem yang kita laksanakan sekarang ini untuk mendapat laporan yang lebih kerap daripada masa-masa dulu. Di samping itu juga ada juga jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang juga akan memainkan peranan sebagai bukan sahaja pelaksana tetapi juga sebagai

jawatankuasa untuk meninjau dan memantau pelaksanaan projek-projek. Ini menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan kita terhadap tugas dan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada kerajaan untuk meneruskan usaha pembangunan bagi kebajikan rakyat dan juga untuk kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi isu, iaitu isu kos pendidikan yang kian meningkat di negara kita, terutamanya berikutan penswastaan pendidikan, isu ini telah dibangkitkan, dari dalam hubungan ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mempersoalkan tentang perbezaan kos yang ketara di antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Ingin saya jelaskan di sini bahawa perbezaan kos ini terutamanya timbul kerana IPTA menerima subsidi yang tinggi daripada kerajaan, manakala IPTS pula mengena kos yang sepenuhnya termasuk sedikit elemen keuntungan. Misalnya bagi kursus perubatan, kos sebenar adalah kira-kira RM35,000 setahun, tetapi IPTA hanya mengenakan bayaran sebanyak RM1,800 sahaja dan bagi kursus dalam bidang sastra pula kos sebenar adalah kira-kira RM6,000 setahun manakala bayaran yang dikenakan oleh IPTA hanya kira-kira RM1,200 sahaja. Bagi memastikan bahawa kos yang dikenakan adalah berpatutan, terdapat peruntukkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang memerlukan IPTS mengemukakan kepada Kementerian Pendidikan struktur yuran yang akan dikenakan bagi setiap kursus sebelum IPTS tersebut didaftarkan untuk memulakan operasinya.

Sekiranya didapati struktur yuran yang dicadangkan adalah tidak munasabah, kementerian akan menolak permohonan pendaftaran IPTS tersebut. Jadi memandangkan demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu audit khas dijalankan ke atas yuran yang dikenakan oleh IPTS adalah tidak perlu, walaupun begitu bagi membantu meringankan bebanan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus di IPTS, kerajaan telah pun menambah peruntukan bagi Tabung Pendidikan Tinggi Nasional daripada RM605 juta kepada RM1.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu mengenai accessibility dan penyampaian tabung-tabung khas yang ditubuhkan untuk

membantu sektor-sektor yang diberikan keutamaan seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana, Tabung Pemulihan Usahawan Kecil dan Sederhana, tabung untuk rumah kos rendah dan sederhana, tabung untuk makanan, tabung untuk usahawan baru dan lain-lain. Tadi Yang Berhormat Dato' Gazi juga sebutkan pasal tabung-tabung ini. Jadi tabung-tabung yang terletak di bawah pentadbiran Bank Negara khususnya adalah disalurkan melalui bank-bank perdagangan, syarikat kewangan dan institusi pembiayaan pembangunan seperti bank pembangunan MIDF dan lain-lain.

Oleh yang demikian orang awam bolehlah berurusan secara terus melalui rangkaian cawangan institusi-institusi kewangan tersebut yang terdapat di seluruh negara untuk membuat permohonan bagi mendapatkan pembiayaan melalui tabung-tabung yang telah disebutkan di atas. Penggunaan institusi ini sebagai saluran penyampaian adalah untuk menjamin supaya kumpulan-kumpulan sasaran mendapat faedah secara langsung daripada peruntukan tabung-tabung berkenaan. Pada masa yang sama kerajaan telah membentuk satu tabung di bawah pentadbiran Bank Negara iaitu tabung untuk rumah kos rendah dan sederhana dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk membantu para kontraktor khususnya kontraktor bumiputera dalam pembinaan rumah berharga RM150,000 ke bawah. Walaupun demikian kerajaan mengambil perhatian ke atas cadangan Yang Berhormat supaya diwujudkan sebuah tabung untuk membantu kontraktor bumiputera,

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyuarakan kebimbangan mengenai pengambilalihan saham yang pernah diurusniaga di CLOB oleh individu tertentu. Ingin saya jelaskan bahawa pengambilan saham-saham CLOB merupakan satu tawaran oleh sektor swasta. Ini sektor inisiatif swasta yang tidak melibatkan pihak kerajaan. Tawaran dibuat kepada pelabur-pelabur Singapura yang mempunyai kepentingan di dalam saham-saham tersebut. Sesiapa sahaja boleh mengemukakan cadangan alternatif bagi menyelesaikan isu CLOB. Walau bagaimanapun sebarang cadangan untuk mengambil alih saham-saham tersebut sama ada oleh orang tempatan atau orang asing perlu mematuhi undang-undang atau

peraturan yang sedia ada berkaitan dengan had pegangan dan kebenaran di dalam syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya satu sistem pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan pasaran modal dilaksanakan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Suruhanjaya Sekuriti dalam usaha meningkatkan keupayaan penguatkuasaan baru-baru ini telah mewujudkan satu bahagian khas bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan pasaran saham. Bahagian ini dengan kerjasama bahagian pengawasan pasaran akan memastikan bahawa undang-undang sekuriti serta peraturan pasaran saham sentiasa dipatuhi dan tindakan yang sewajarnya diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh peserta pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perbentangan Kertas Putih ini serta jawapan saya dapat memenuhi juga pandangan-pandangan atau pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya tadi pun ada juga antara Yang Berhormat yang menyentuh apa yang harus dilakukan untuk menjana pertumbuhan ekonomi serta bidang-bidang yang harus diberi keutamaan. Jadi ramai juga yang menyentuh soal pendidikan, latihan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat, aspek IT dan R&D. Ingin saya maklumkan bahawa kerajaan akan membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan ini tidak lama lagi maka saya berharap semasa perbahasan diadakan nanti pandangan-pandangan tambahan mengenai apa yang diusahakan oleh kerajaan tentang apa yang diusahakan kerajaan telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat, saya fikir pada masa itu saya juga akan ditugaskan untuk membentangkan laporan separuh penggal dan dalam penggulungan nanti dapatlah nanti kita ambil kira pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu.

Ada juga satu idea yang saya ingat bernas yang telah dikemukakan oleh Senator Datuk Zainudin Maidin, semalam berkaitan dengan media council ini. Saya fikir ini adalah satu cadangan yang baik yang boleh dipertimbangkan mungkin ini akan memberi jawapan juga kepada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Dato' Gazi, bagaimana kita dapat meningkatkan keyakinan rakyat, ini

adalah sangat penting, peranan media adalah penting bukan sahaja peranan media rasmi iaitu RTM ataupun agensi-agensi yang lain yang di bawah kawalan kerajaan tetapi juga media swasta pun ada peranan. Kita perlu lahirkan komitmen bersama dalam hal ini. Komitmen bersama daripada pihak yang ada dalam kerajaan dan yang di luar kerajaan untuk sama-sama bergerak dengan perasaan penuh tanggungjawab bahawa apa yang perlu kita lakukan bersama ini adalah sebenarnya untuk kepentingan kita. Kepentingan masa depan negara dan rakyat Malaysia.

Kalau apa-apa jadi kepada Malaysia, keburukan berlaku maka tidak ada siapa yang akan rasa senang, kerana apa yang berlaku itu. Yang penting ialah supaya rakyat akan rasa senang dan rakyat boleh terus mencari rezeki, bekerja seperti biasa dalam keadaan dan suasana yang aman, selamat dan tidak menakutkan mereka. Dan di samping itu juga kita juga memahami bahawasanya iklim politik ataupun suasana politik mestilah berada dalam keadaan yang tidak menimbulkan ketegangan antara kaum, tidak menimbulkan rusuhan, tidak menimbulkan sebarang bentuk yang boleh dianggapkan sebagai menggugat kestabilan dan keselamatan.

Kita amat memahami bahawa jika sekiranya usaha-usaha untuk pemulihan ekonomi ini diharapkan mencapai kejayaan, suasana kestabilan politik itu perlu dipelihara, *this is the truth*. Ini bukan cakap hanya pasal politik, di mana-mana pun, ini satu perkara yang memang diakui sebagai sebagai satu perkara yang benar kerana kerajaan atau negara yang sentiasa berada dalam huru-hara tidak akan dapat merancang apa-apa pun dengan baik bagi masa depan negara itu atau bagi masa depan rakyatnya. Tidak boleh, kerana keadaan sentiasa berubah, semangat sentimen pelaburan tidak ada, ahli-ahli perniagaan pun menjadi susah, tidak boleh berniaga dan dalam suasana ini rakyat semakin bertambah menderita.

Jadi, yang pentingnya ialah suasana kestabilan itu perlu terus kekal dan dengan itu kita percaya usaha-usaha untuk pemulihan ekonomi itu akan dapat dijamin keberkesanan dan kejayaannya. Setakat ini telah pun terbukti kerana usaha-usaha yang telah kita ambil sekarang ini, pendekatan-pendekatan yang telah kita gunakan itu walaupun *very unconventional*, tidak lazim digunakan oleh kerajaan-kerajaan apabila

menghadapi situasi kegawatan ekonomi kerana krisis kewangan itu. Tetapi oleh sebab negara kita berada dalam keadaan dan comparative list, stabil dengan izin, tidak ada gangguan-gangguan sangat, jadi dapat menumpukan perhatian kita sepenuhnya kepada usaha-usaha bagi melaksanakan pendekatan-pendekatan yang telah kita tetapkan itu. Ini telah pun terbukti, komitmen kerajaan memang tinggi dalam hal ini dan saya percaya boleh dikatakan bagi semua rakyat di Malaysia ini ingin melihat ekonomi kita dipulihkan semula dan keadaan akan terus bertambah baik.

Dalam hal ini, kita juga telah menyatakan beberapa kali bahawa peranan pentadbiran adalah penting, peranan pegawai kerajaan adalah penting. Kita lihat di sini antara kerajaan, pemerintah dan pentadbiran mesti ada satu hubungan bekerjasama yang baik dan berkesan. Memang kerajaan kita adalah kerajaan yang dipilih dalam pilihan raya. Ini adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat sendiri dan tentu amanah rakyat ialah supaya kita memerintah negara ini dengan baik dan memajukan negara dengan cara yang kita boleh membawa kepada kemakmuran dan dengan cara yang rakyat boleh mendapat peluang-peluang yang bermutu untuk mereka mencapai kejayaan dan kemajuan dalam hidup mereka. Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat itu dapat diadakan. Ini adalah tanggungjawab yang kita tidak boleh lupa, kita tidak boleh lari dari tanggungjawab ini, ini amanah. Tetapi sebagai sebuah kerajaan ia tentu sekali memerlukan satu pentadbiran yang cekap dan pentadbiran ini terdiri daripada pegawai-pegawai kita yang ramai.

Kerja mereka sudah semestinya melaksanakan apa yang dikehendaki oleh kerajaan bagi memenuhi tanggungjawab itu. Jadi, kita mengharapkan pegawai-pegawai dapat bekerja dengan penuh dedikasi, dengan memahami bahawasanya apa yang mereka jalankan itu adalah satu amanah yang diberikan oleh kerajaan yang juga menerima amanah daripada rakyat yang telah membolehkan kerajaan itu ditubuhkan selepas pilihan raya diadakan. Jika semangat ini wujud dikalangan kita, insya-Allah kita akan mencapai kejayaan.

Kita perlu mengambil iktibar daripada pengalaman kita yang begitu lama di dalam pemerintahan dan pembangunan negara kita ini. Bila suasana baik dan bila

kerjasama itu ada kerjasama yang berkesan maka apa yang kita boleh capai adalah satu kemajuan yang amat membanggakan kita. Satu pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan satu pencapaian pembangunan yang baik yang sebenarnya mengkagumi banyak pihak dan kalau kita memerhati apa yang sedang berlaku di negara-negara lain, banyak di antara negara lain yang telah pun merdeka lebih awal daripada negara kita, many years ahead of us, dengan dengan izin. Tetapi tahap pencapaian pembangunan mereka tidak sama dengan tahap pencapaian pembangunan kita. Mungkin kerana negara-negara itu pun juga menghadapi masalah. Ini adalah satu kebenaran, mungkin tidak benar bagi semua negara, tetapi kebanyakan negara yang kita tahu negara-negara yang sedang membangun sentiasa menghadapi masalah yang timbul dari masa ke semasa yang dengan itu telah menyulitkan kerajaan-kerajaan untuk meneruskan pembangunan yang diharapkan oleh rakyat sendiri.

Jadi, alhamdulillah kita bersyukur Allah s.w.t kerana suasana Malaysia adalah jauh berlainan daripada negara-negara ini. Apa yang kita diperlukan ialah kita semua sama-sama memahami, kita mempunyai amanah begitu besar yang diberikan oleh rakyat kepada kita dan walau apapun fungsi yang kita laksanakan, kita perlu laksanakan dengan penuh tanggungjawab, kerana inilah sebenar yang menjadi motivasi kepada kita dan kerana itu kita beri perhatian yang begitu bersungguh-sungguh, managing the economic bukan hanya kepada peringkat makro tetapi pada peringkat mikro. Dalam satu management yang hands-on yang saya tidak pernah lihat berlaku semenjak sekian lama terlibat dalam kerajaan sama ada sebagai pegawai kerajaan ataupun sebagai anggota Kabinet, mesyuarat tiap-tiap hari we go into the detail.

Sebab apa, kadang-kadang perkara-perkara detaillah yang menyebabkan banyak perkara yang boleh membawa kesalahan. Kereta kalau baik, kalau elok pun, kalau kerana satu skru atau dua skru very detail, tetapi kalau itu tidak betul mungkin kereta akan menghadapi banyak masalah. Jadi, detail are important kerana management kita peringkat mikro ini telah pun dapat membolehkan kita membuat pembetulan dengan segera apabila didapati sahaja ada masalah-masalah pada peringkat pelaksanaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa;

Menyokong kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi;

Merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dibentang dalam Kertas Perintah Bil. 6 Tahun 1999;

Dalam merestui Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia, kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.27 tgh.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-

Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengusulkan cadangan ucapan terima kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada keberkesanan tindakan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam mengatasi kegawatan ekonomi negara yang telah melanda negara kita ini sejak pertengahan tahun 1997, keadaan ekonomi negara telah beransur pulih dengan kadar yang begitu menggalakkan. Sekali lagi ini bukan sahaja membuktikan kepada rakyat negara ini termasuk pemimpin-pemimpin, parti-parti pembangkang serta penyokong-penyokongnya malahan pemimpin-pemimpin negara-negara asing sehingga kuasa-kuasa besar di dunia ini yang sering kali melontarkan kenyataan-kenyataan negatif terhadap kebolehan dan kredibiliti pemimpin negara kita ini. Namun demikian, kita tetap memerlukan sokongan yang padu daripada segenap lapisan masyarakat dalam mengatasi masalah masyarakat masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, isu yang paling hangat dan heboh diperkatakan dewasa ini adalah ancaman virus JE dan virus Nipah di mana setakat ini 100 orang telah meninggal dunia akibat dari jangkitan virus berkenaan. Walaupun hingga setakat ini wabak tersebut mulai reda, tetapi masih terdapat kesan-kesan wabak berkenaan mula merebak ke kawasan-kawasan lain seperti negeri Perak dan Selangor. Namun usaha dan kerja-kerja pencegahan perlu tetap diteruskan untuk memastikan wabak berkenaan terus terkawal.

Sehubungan dengan ini, kita amat mengalu-alukan langkah kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sendiri dan Timbalan Pengerusi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik. Ini telah menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam usahanya untuk menangani masalah serangan wabak JE dan Nipah secara menyeluruh. Kita berpendapat bahawa tugas memerangi wabak tersebut memerlukan kerjasama semua pihak dan tidak hanya dipikul oleh pihak kerajaan sahaja. Malangnya masih terdapat mereka yang tidak bertanggungjawab terutamanya pemimpin-pemimpin parti

pembangkang yang cuba mengalatkan isu ini untuk menyerang kerajaan dan memburukkan nama baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri demi kepentingan politik mereka.

Saya menyeru kepada seluruh rakyat negara kita ini yang sedar tentang taktik kotor yang dipertainkan oleh parti pembangkang selama ini terus memberikan tamparan hebat kepada parti pembangkang menjelang pilihan raya umum nanti.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini kebanyakannya memang bermurah hati dan berperikemanusiaan terus menghulurkan sumbangan untuk tabung bantuan mangsa wabak tersebut. Ini tidak termasuk peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk bayaran ganti rugi bagi pemusnahan babi sebanyak RM50 setiap satu. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut didapati memang jauh rendah daripada keperluan dan perlu dikaji semula. Perkara ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara termasuk menganjurkan cabutan loteri khas untuk memperolehi sumber kewangan yang mencukupi demi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu satu perancangan jangka panjang perlu diadakan demi membantu mangsa berkenaan untuk membangun semula industri ternakan berkenaan. Ini adalah sejajar dengan kehendak kerajaan untuk menambahkan hasil pengeluaran makanan kepada tahap yang mencukupi. Pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri perlu berganding bahu untuk mencadangkan satu pelan tindakan yang boleh diterima oleh semua pihak berkenaan iaitu termasuk peruntukan kawasan tanah yang sesuai, kemudahan dan kelengkapan ternakan yang moden, bantuan modal, teknik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Akta Pendidikan 1965 dan dasar pendidikan kerajaan sekarang, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pembaharuan yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Jumlah universiti ditambah termasuk yang didirikan oleh kerajaan dan swasta. Kolej swasta yang ditubuhkan seperti cendawan diikuti dengan kursus Diploma, Ijazah Sarjana Muda melalui program kembar (twin programme) dengan universiti-universiti terkemuka di

dalam dan luar negara. Ini telah banyak memberi peluang dan faedah kepada para generasi muda kita untuk melanjutkan pelajaran mereka kepada tahap pendidikan tinggi. Ini telah dapat mewujudkan golongan rakyat berpelajaran demi memenuhi keperluan negara khasnya demi mencapai matlamat Wawasan 2020. Pengamalan dasar terbuka dalam pendidikan yang akan menjadikan negara ini sebagai pusat pendidikan rantau ini tetap menjadi satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, malahan apa yang diperlukan ialah pertambahan sedemikian tidak mencerminkan keadaan yang seimbang jika kita merenung semula dan meneliti kepada akar umbi sistem pendidikan negara ini yang bermula daripada peringkat sekolah rendah. Saya berpendapat demikian adalah kerana memandangkan kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan sama ada Cina atau India tidak berkembang seperti mana yang dicita-citakan mengikut pembangunan yang sedia ada berdasarkan kepada sejumlah pertambahan penduduk pelbagai kaum, institusi pendidikan lain termasuk sekolah kebangsaan, sekolah menengah, maktab-maktab dan universiti-universiti. Sebaliknya jumlah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan terus berkurangan atau dalam bentuk yang pincang berikutan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar iaitu sekolah-sekolah yang terletak di dalam kawasan perbandaran menghadapi keadaan penuh sesak dan keadaan sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi keadaan yang sebaliknya. Ada yang sehingga mempunyai kurang daripada 5 orang murid sahaja.

Dengan berpanduan kepada beberapa orang murid yang ada dan kos penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah berkenaan termasuk tenaga pengajar yang terlibat, contohnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Nam Heng di Johor, yang mempunyai 2 orang murid dan 3 orang tenaga pengajar yang ada telah berlarutan

sejak beberapa tahun lalu dan masih belum dapat dipindahkan ke Bandar Sri Alam, Johor Bahru sehingga hari ini. Ini merupakan satu pembaziran tenaga pengajar dan kewangan berlaku. Masalah pindah sekolah dari luar bandar seumpama ini yang memakan masa yang lama, ketidaktambahan sekolah-sekolah berkenaan di bandar-bandar sehinggakan sebilangan besar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di kawasan bandar didapati terlalu ramai pelajar dan melebihi nisbah pelajar yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah wajar diberi perhatian yang lebih serius terhadap kewujudan masalah ini dan saya penuh yakin dan percaya bahawa dengan sikap terbuka dan kesungguhan kerajaan dalam mengatasi masalah ini, perkara pemindahan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang menghadapi masalah ketiadaan pelajar dan kekurangan pelajar yang ketara dapat diberi keutamaan terus dipindah ke kawasan yang lebih sesuai dan dengan persetujuan kaum ibu-bapa, jemaah pengurusan sekolah berkenaan.

Saya penuh yakin bahawa setiap rakyat negara ini tetap memberi pandangan yang positif. Ini termasuk kaum-kaum yang lain selain daripada kaum Cina kerana sejak kebelakangan ini memang terdapat ramai ibu bapa bukan kaum Cina yang rela anak-anak mereka bersekolah dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Perkembangan ini membuktikan trend dan visi ibu bapa hari ini di mana rakyat negara kita ini lebih menerima sistem pendidikan yang terbuka dan mempelajari segala ilmu melalui sistem pendidikan aliran pelbagai bahasa dengan harapan menguasai pelbagai bahasa adalah lebih memberi manfaat untuk bersaing dengan mencapai kejayaan masa depan yang menjadi impian segenap lapisan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka usaha untuk memperbaiki dan mementingkan mutu pendidikan di semua aliran sekolah rendah adalah perlu dan sejajar dengan kehendak negara sama ada dari segi pembangunan infrastruktur tenaga pengajar, bidang pembelajaran dan sebagainya juga perlu mencapai satu tahap yang tinggi dan setanding dengan lain-lain negara dan pusat-pusat pendidikan yang terkenal. Kita tidak seharusnya masih berada di peringkat mencari penyelesaian bagi pelbagai masalah seperti kekurangan tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, masalah kekurangan kemudahan asas, masalah guru sandaran, pengambilan guru berpencen secara kontrak dan sebagainya. Perkara seumpama ini perlu diselesaikan dengan segera dan tidak seharusnya menjadi halangan demi mencapai cita-cita dan wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sosio-ekonomi yang pesat, perubahan dalam struktur keluarga telah melemahkan keupayaan keluarga memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai ejen sosialisasi dan pembentuk sahsiah individual. Maka, wajibnya keadaan ketidakstabilan keluarga akan menimbulkan pelbagai implikasi ekonomi, sosial dan psikologi ke atas suami, anak-anak dan keseluruhan institusi keluarga. Permasalahan ini bermula sejak hari perkahwinan berlaku sehingga menamatkan perhubungan suami isteri berkenaan. Ini melibatkan pelbagai peringkat dan kewujudan masalah sampingan bagi sesuatu peringkat berkenaan. Saya berpendapat sebagai seorang wanita, perkara yang melibatkan rumah tangga merupakan perkara yang amat penting dan kaum wanita tetap menjadi mangsa yang utama bagi kebanyakan keadaan sekiranya berlakunya sebarang perselisihan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan sesuatu pasangan bukan Islam dalam perkahwinan masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Ini disebabkan undang-undang perkahwinan bagi orang yang bukan Islam yang sedia ada masih mempunyai kelemahan dan kekurangan yang perlu diatasi. Mengikut maklum balas yang diterima, antaranya salah satu perkara yang paling penting sekali ialah bakal suami dan isteri yang tidak mempunyai sebarang persediaan dan pengetahuan dari segi fizikal, mental dan psikologi dalam mendirikan rumah tangga termasuk pengendalian rumah tangga hidup berpasangan, berkeluarga dan peliharaan serta didikan anak-anak. Maka, adalah

perlu dicadangkan supaya satu bentuk persediaan yang asas diadakan dengan mewajibkan setiap pasangan bakal suami isteri bukan Islam diwajibkan mengikuti satu kursus perkahwinan sebelum dikeluarkan sijil perkahwinannya. Kursus berkenaan boleh dianjurkan dengan menggunakan sumber penolong pendaftar perkahwinan yang dilantik atau kerjasama di antara pelbagai jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara, Jabatan Pendaftaran Negara dan badan-badan sukarela khusus yang dirangka perlu merangkumi pelbagai aspek seperti peranan dan tanggungjawab suami isteri serta dibekalkan pengetahuan asas psikologi dan teknik didikan anak-anak yang berkesan. Ini mungkin akan mengurangkan pelbagai masalah sosial yang bakal berlaku seperti deraan anak-anak, pengabaian, penganasan rumah tangga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu pasangan yang memilih untuk bercerai merupakan langkah terakhir bagi menyelesaikan masalah perselisihan keluarga mereka. Namun demikian, langkah berkenaan hanya dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah sahaja. Sebahagian besar masalah yang rumit tetap wujud seperti bayaran nafkah, pembahagian harta, pemeliharaan dan didikan anak dan sebagainya. Perangkaan telah menunjukkan peningkatan perceraian di kalangan pasangan bukan Islam daripada 1,233 kes dalam tahun 1995 dan 1,038 kes dalam tahun 1996, 2,372 kes dalam tahun 1997 dan 1,166 kes dalam enam bulan dalam tahun 1998 melalui pelbagai perintah Mahkamah Sivil. Ini tidak termasuk jumlah perceraian bagi pasangan orang Islam. Maklumat daripada pihak berkenaan menunjukkan bahawa kebanyakan kes permohonan perceraian melalui perdamaian di tribunal perdamaian tidak membawa kesan yang positif, malahan kebanyakan cuma bertujuan untuk memenuhi syarat-syarat tertentu bagi mengemukakan permohonan mereka sahaja. Maka, saya mencadangkan bahawa sistem dan peranan tribunal perkahwinan yang sedia ada sekarang dikaji semula. Satu jawatankuasa dibentuk dengan kerjasama pelbagai jabatan berkenaan seperti Jabatan Pendaftaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, LPPKN, HAWA serta pelbagai badan perundingan dan badan-badan wanita untuk merangka satu proses perdamaian yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran nafkah yang sering menjadi pertikaian di antara pasangan suami isteri yang bercerai terus berlarutan. Sehingga hari ini tidak ada sebarang jaminan bahawa pihak isteri dapat memperolehi bahagian yang adil dan sewajarnya. Biasanya pihak yang dikenakan membayar sering cuba mengelakkan berbuat demikian dengan pelbagai alasan dan helah, majoritinya kaum suami. Pihak isteri sering kali menghadapi masalah dalam tuntutan nafkah. Adalah tiba pada masanya pihak penguat kuasa seperti polis mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang mengingkari perintah untuk berbuat demikian seperti menangkap dan mendakwa mereka yang terlibat mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang perkahwinan orang bukan Islam, perkahwinan poligami merupakan satu kesalahan. Namun demikian, mengikut aduan yang diterima terdapat pihak suami yang berkahwin bagi kali kedua, sama ada secara menyimpan teman perempuan mengikut perkahwinan adat atau mendaftar perkahwinan bagi kali kedua. Sehingga ini berapakah jumlah telah dilaporkan kepada polis, jumlah yang disiasat dan jumlah yang didakwa di mahkamah. Semua perkara ini tidak diambil perhatian serius. Ini sebaliknya memberi kelonggaran kepada mereka yang melakukan kesalahan dan dapat melarikan diri daripada menghadapi hukuman yang sewajarnya. Pihak manakah yang perlu dipertanggungjawabkan untuk perkara ini. Pengaduan daripada kaum isteri tentang hal ini semakin bertambah. Maka, adalah perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang dipertingkatkan sekiranya buktik-bukti yang nyata diperolehi seperti pendaftaran perkahwinan melebihi sekali, pendaftaran kelahiran anak-anak seseorang dengan wanita lain dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, isu perkahwinan dengan wanita asing sejak kebelakangan ini telah semakin bertambah, walau bagaimanapun masalah semakin bertambah di mana banyak memberi kesan yang negatif kepada isteri asing semasa wujudnya masalah perselisihan keluarga di mana isteri asing hanya diberi pas lawatan yang dibaharui secara tahunan dengan jaminan pihak suami. Perkara ini telah terbuka kepada penganiayaan atau permasalahan pada pihak isteri. Isteri tidak mempunyai kriteria yang tetap untuk mendapatkan taraf penduduk tetap.

Adakah ia mempunyai masalah yang tertentu untuk memperolehi taraf penduduk tetap bagi kaum isteri asing, walaupun syarat-syarat yang tertentu seperti pembentukan rumah tangganya dalam suatu tempoh masa yang lama, umpamanya melebihi lima hingga sepuluh tahun, kelahiran anak dan sebagainya yang cukup membuktikan kesungguhan dan kesanggupan isteri asing yang berkenaan. Pihak Jabatan Imigresen tidak mempunyai dasar atau kriteria tertentu. Mereka yang memohon perlu berkahwin dahulu sebagai syarat selepas itu proses permohonan memakan masa yang lama, sekurang-kurangnya beberapa bulan atau kepada setahun, permohonan tidak semestinya diluluskan dan mungkin sebaliknya.

Isteri asing yang kadangkala dianiayai atau ditinggalkan oleh suami tidak mempunyai sebarang perlindungan dari segi undang-undang. Mereka terpaksa kembali ke negara asal mereka, berpisah dengan anak-anak semasa terdapat suami yang tidak bertanggungjawab, enggan memberi jaminan untuk membarui pas lawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sebagai sebuah negara yang tetap menyanjungi soal keadilan, hak asasi manusia dan memberi kemanusiaan, isu isteri asing perlu diberi perhatian yang sewajarnya, sebagai ahli keluarga kaum wanita negara ini yang tetap mendapat perlindungan dan hak mereka terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian pelbagai punca telah mengakibatkan berlakunya keganasan rumah tangga, di antaranya termasuk masalah peminuman arak sehingga mabuk, masalah ketidakpuasan seksual, sikap cemburu, tidak bertanggungjawab, malas kerja, masalah kewangan, masalah poligami, campur tangan ibu bapa, atau ahli keluarga lain dalam urusan rumah tangga, penyakit panas baran, situasi persekitaran dan pergaulan yang bebas. Dengan berdasarkan kepada punca-punca tersebut tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan masalah berpunca daripada kaum suami dan kaum isteri merupakan mangsa.

Sejak penguatkuasaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada 1 Jun 1996 hingga setakat ini saya berpendapat bahawa pihak-pihak jabatan yang berkenaan seperti Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memainkan peranan yang penting dalam usaha penguatkuasaan undang-undang dan memberi pertolongan serta

perlindungan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Saya ucapkan syabas dan terima kasih, namun demikian berapakah jumlah kes yang telah dilaporkan, disiasat, dan diambil tindakan dakwaan di mahkamah bagi pesalah-pesalah yang berkenaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan jelas menunjukkan bahawa kaum wanita yang menerima pendidikan tinggi dan profesional terus meningkat. Sejak kebelakangan ini jumlah kaum wanita yang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi telah melebihi kaum lelaki. Angka tersebut telah bertambah dari setahun ke setahun iaitu sebanyak 50.4% pada tahun 1996 kepada 54% pada tahun 1997 angka tersebut terus meningkat kepada 54.5% pada tahun 1998. Bagi tahun 1998 kaum wanita yang memasuki kelas-kelas prauniversiti telah mencapai 65.3%, ini bukan sahaja merupakan daya usaha kejayaan yang telah dicapai oleh kaum wanita. Malahan juga telah menunjukkan bahawa kerajaan telah mengambil sikap yang terbuka untuk memberi lebih peluang kepada kaum wanita yang berkebolehan dan berpotensi untuk menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi atau universiti-universiti. Dengan erti kata, kerajaan, pembayar cukai, kaum ibu bapa dan pihak universiti telah memperuntukkan jumlah kewangan, masa dan usaha untuk memastikan kaum wanita mendapat pendidikan yang tinggi, demi memberi sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian, dalam pasaran tenaga manusia kaum wanita merangkumi 47% dalam bidang pembuatan, manakala dalam bidang profesional kaum wanita merangkumi 40% dan 49% dalam bidang guaman. Ini telah menunjukkan kaum wanita sebagai merangkumi separuh daripada jumlah penduduk keseluruhan, mempunyai syarat yang mencukupi untuk memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kaum wanita tetap diperlukan dalam sesebuah rumah tangga telah meningkat atau mengehendkan mereka dalam memainkan peranan yang lebih penting, maka usaha menumpukan segala sumber kaum wanita adalah perlu demi perkembangan ekonomi negara.

Saya mencadangkan kiranya kerajaan dapat mengadakan kajian dan memberi pertimbangan dalam mengubah dasar, undang-undang atau peraturan yang sesuai untuk

membolehkan segala sumber kepakaran dan keupayaan kaum wanita dapat digunakan dengan sepenuhnya, dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan di antaranya ialah pertama, mengadakan masa kerja yang lebih flexible bagi kaum wanita iaitu membolehkan kaum wanita menguruskan masa mereka supaya dapat lebih menyesuaikan dengan kehendak kerja dan rumah tangganya. Umpamanya masa rehat tengah hari yang lebih flexible, masa kerja yang lebih pendek atau sebagainya. Kedua, mengadakan masa kerja setengah hari sahaja bagi kerja-kerja yang tertentu. Ketiga, mengadakan tempat atau taman asuhan anak-anak bagi setiap tempat kerja sama ada kakitangan awam atau swasta. Maka kaum wanita yang bekerja tidak perlu bimbang tentang masalah mendapatkan pengasuhan yang sesuai atau anak-anak mereka terabai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan sukacitanya mengusulkan cadangan ucapan terima kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dewan ini ditempokkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa menyokong? Tiada sokong lagi yang tadi, Yang Berhormat Puan Tan bercakap tadi, tiada sokongan lagi. Siapa yang mencadang, sokong ucapan tadi.

2.30 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyokong usul ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng dan di sini izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan terima kasih keana Titah Ucapan Tuanku semasa

membuka Penggal Kelima Parlimen Kesembilan, merangkumi semua aspek daripada 35 perenggan Titah Ucapan itu kita dapati keutamaan diberi bagi menentukan wujudnya satu keadaan negara yang aman sentosa di mana penduduk seramai 27 juta orang ini dapat hidup dengan aman damai, penuh tolerance, bertanggungjawab dan menanamkan rasa cinta kepada negara.

Semua ini dapat kita buat Tuan Yang di-Pertua, kerana wujudnya satu persefahaman yang sejak kita mencapai kemerdekaan lagi antara kaum-kaum, satu keadaan kerangka politik yang amat stabil menerusi Kerajaan Perikatan sejak tahun 1957 dan selepas itu Kerajaan Barisan Nasional sehinggalah ke saat ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Barisan Nasional Sabah yang telah pun mewujudkan satu kerajaan yang mantap setelah memenangi pilihan raya baru-baru ini terutama sekali kepada komponen Barisan Nasional (UMNO) yang telah pun memenangi 24 kerusi yang ditandingi.

Ini menunjukkan bahawa rakyat jelata keseluruhannya mencerminkan sokongan untuk kita membentuk kerajaan di sebelah Sabah. Kerangka politik inilah yang ingin kita tonjolkan dan sehingga ke hari ini memberi faedah kepada setiap lapisan masyarakat. Sebenarnya pengwujudan sistem tolerance, sistem berbaik-baik antara kaum ini memang jelas memberi peluang bagi kerajaan mengolah dasar-dasar untuk meningkatkan lagi kedudukan ekonomi negara sungguhpun ia dilanda kegawatan dan kita amat bersyukur kerana setakat ini pihak kerajaan telah pun berjaya bagi menentukan kegawatan yang menguncupkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi daripada -6.7%, insya-Allah kepada 1% - 2% pada tahun ini. Tidak dapat kita buat kalau tidak wujud political commitment, dengan izin, menerusi seperti yang kita ketahui Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri kerana mengambil kembali, Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin sebagai Ketua Eksekutif MTEN yang dibantu oleh pegawai-pegawai yang mempunyai

pengalaman bagi mengolah dasar-dasar yang berani dan tepat sesuai bagi kita mengasingkan negara daripada dilanda oleh badai spekulator-spekulator antarabangsa.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru pihak kerajaan sebagai ahli anggota IMF, di antara 182 negara, bagi IMF sendiri badan kewangan antarabangsa mewujudkan Kertas Putihnya. Semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Kertas Putih dari segi status ekonomi negara dan saya hendak menyeru pihak kerajaan menerusi rakan-rakan yang menjadi ahli badan kewangan antarabangsa membuat satu Kertas Putih. Yang kita hendak tahu ialah kesimpulan, tahap pencapaian yang telah dicapai oleh negara-negara yang menerima bantuan daripada IMF.

Di rantau ini kita amat memahami, Indonesia, Thailand dan juga South Korea. Di sebelah Barat, Russia dan juga negara-negara latin Amerika. Jadi, kita hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, menerusi badan IMF ini di mana kita juga menjadi anggotanya, adakah pakej yang dibawa oleh IMF ini menguntungkan dengan secepat mungkin untuk membaik pulih ekonomi negara-negara ini atau ianya telah memudaratkan keadaan, memporak-perandakan keadaan politiknya negara-negara ini di mana kita dapati rusuhan masih wujud di Indonesia misalnya dan ramai pekerja di Thailand menunjukkan sepanduk, memberontak dari segi tindakan yang diambil oleh IMF kerana tidak dapat menghasilkan keuntungan dan ramai juga penduduk di Korea menunjuk perasaan beramai-ramai kerana terpaksa menjual aset terutama sekali dari segi sistem perbankan mereka kepada negara-negara asing, kepada pelabur-pelabur asing dari negeri Barat.

Pada masa yang sama

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kerana memberi laluan kepada saya. Yang Berhormat menyebut tadi tunjuk perasaan di Thailand, sepintas lalu, kalau saya tidak silap saya ada melihat tunjuk perasaan di Thailand ada menyebutkan nama Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Bolehkah Yang

Berhormat sebutkan apakah sebenarnya hubung kait tunjuk perasaan di Thailand itu, tiba-tiba dia sebut nama Perdana Menteri kita di sana. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman : Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di Thailand berasa amat gembira dengan tindakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita kerana mereka menganggap sebagai hero yang tidak menerima bantuan IMF. Kerana apa yang terjadi kepada mereka ianya memudaratkan keadaan mereka dari segi ekonomi dan politik. Ramai orang sekarang ini misal kata di Korea sampai membunuh diri dan kita sendiri di Malaysia - saya tadi baru sahaja balik daripada mendengar taklimat yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Senator Ibrahim Ali, kita dapati ahli-ahli peniaga dan perseorangan yang telah bankrap meningkat dari tahun 1997 - 7,395 orang kepada 8,110 orang di negara kita sendiri dan jumlah kes di akhir tahun meningkat daripada 62,008 tahun 1997 kepada 67,986 semuanya ini adalah mereka yang terkandas dari segi usaha untuk menjalankan perniagaan tetapi tersekat oleh keadaan ekonomi yang digawatkan sebenarnya oleh spekulator asing.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan menerusi badan IMF dan rakan-rakan yang lain menuntut IMF, kalau kita menuntut Michel Camdessus, saya sendiri dalam Dewan yang mulia ini menuntut supaya dia mengundurkan diri tetapi rupanya dia tidak undur diri masih lagi tercokoh di sana. Kalau sekiranya ianya tidak dapat menjalankan atau mengusahakan pakej yang baik bagi membantu negara-negara ini, kita tuntutan dia buat kertas putih. Bentangkan kepada mesyuarat IMF bagaimana pakej-pakej yang dibuat atas Indonesia, Korea, Rusia dan juga Thailand. Adakah dia berjaya atau tidak. Kalau tidak berjaya, kenapa? Kenapa dia tidak berjaya, kerana pakej itu tidak mengambil kira tahap pencapaian sosial dan politik negara-negara ini dan kita tidak mahu IMF mempunyai agenda yang tersendiri untuk menguasai ekonomi negara dan juga menuntut wujudnya demokrasi ala barat dengan tidak mengambil norma-norma yang wujud di negara itu sendiri. Kita juga ingin tahu,

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kertas putih yang merangkumi siapa yang ditolong oleh IMF.

Kalau kita tengok negara-negara yang saya sebutkan tadi, mereka berhutang dengan bank-bank barat. Kenapa kita tidak dengar dalam surat khabar di mana negara-negara yang meminjam duit atau meminjam daripada bank-bank antarabangsa ini tidak dapat membayar balik kepada bank-bank ini kerana kedudukan ekonomi mereka meleset dan bank-bank ini terpaksa mewujudkan NPL masing-masing, hutang tidak berbayar dan ini ditunjukkan di dalam sistem perakaunan, menunjukkan kerugiannya ataupun adakah IMF, pakej-pakejnya digunakan untuk membanteraskan hutang-hutang lapuk yang terpaksa dialami oleh bank antarabangsa ini.

Kita hendak tahu, saya memang tahu benar mengikut hutang-hutang luar negara yang dibuat oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi kebanyakan mereka berhutang dengan bank-bank barat. Soalnya sekarang adakah IMF memprioritikan, meningkatkan dari segi tahap priority supaya wang yang dibelanjakan atau wang yang diberikan kepada negara-negara ini digunakan untuk membayar hutang-hutang kepada bank-bank barat tadi dan menyelamatkan mereka.

Ini persoalannya saya harap pihak kerajaan dapat membangkitkan menerusi mesyuarat IMF di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama juga kita hendak tahu apabila Long Term Credit Management Co. (LTCM) di Amerika itu, yang modal dibayar hanya RM3.5 billion tetapi dapat meminjam duit sampai RM200 billion. Kita hendak tahu kerana ianya ada sangkut paut dengan IMF juga dari segi untuk medagangkan mata wang negara-negara yang baru muncul “the emergence market” dengan izin. Kita hendak tahu dari segi itu kerana bantuan telah diberi oleh reserve bank di Amerika kepada LTCM di mana kita tahu ia dapat meminjam RM200 billion atas modal dibayar RM3.5 billion dan wang itu digunakan untuk apa?

Saya difahamkan ia banyak rugi kerana menjadi spekulator kepada Ruble iaitu mata wang Rusia dan sehingga ini Rusia masih lagi teruk. Dan yang kita hairan Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya mereka dapat bail out, ini soal bail out LTCM kenapa orang yang sama mengatakan kepada Indonesia, kepada kita semua jangan kita buat

bail out kepada syarikat-syarikat kita yang sudah teruk-teruk. Ini double standard Tuan Yang di-Pertua, yang selalu sangat diamalkan oleh pihak barat.

Saya juga ingin mengetahui Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula apabila Jepun ingin hendak membantu kita, semasa kita mula-mula dilanda kegawatan dengan mewujudkan satu dana kewangan berjumlah US\$200 billion Amerika Syarikatlah salah sebuah negara yang menjadi champion menyatakan dia tidak mahu Jepun mewujudkan dana US\$100 juta. Kalau wujud di waktu itu, kebanyakan negara-negara di sekitar Asia, akan selamat dari kegawatan ekonomi dan kemudiannya kita lihat Amerika bersetuju pula tetapi kali ini dengan US\$30 billion sahaja. Miyazawa Inisiatif US\$30 billion, dia setuju lepas itu dia beri hutang kepada kita baru-baru ini dan dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tengok dari segi hidden agenda negara barat.

Baru-baru ini kita tengok Asean Development Bank (ADB) yang cuba hendak meminta pemegang-pemegang saham termasuk negara-negara barat menokok tambah modal untuk membiayai program-program sosial negara-negara yang hendak membangun ini. Amerika dan negara-negara barat tidak bersetuju juga kerana dia kata ada dengan izin, conditionality ada syarat-syarat, ada prasyarat, terma-terma yang pada keseluruhannya menuntut negara-negara ini mengikuti nilai-nilai pendemokrasian yang diutarakan oleh Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyeru rakyat jelata di negara kita ini berwaspadalah apabila kita mengadakan reformasi, apabila kita menuntut kerajaan buat ini, buat itu, berwaspada dengan agenda yang tersembunyi (hidden agenda) negara-negara Barat, jangan kita terperangkap oleh mereka dan inilah tujuannya. Saya perhatikan kalau kita buat demonstrasi liar di jalanan ini menuntut kerajaan buat ini, buat itu tetapi kita mesti menginsafi tujuan-tujuan negara barat kita nampak. Di Indonesia, saya hendak ulangi sekali lagi, sekadar mengingatkan kepada negara yang kita kasihi ini, di Indonesia, Amien Rais minta orang Amerika datang masuk campur, untuk membantu Amien Rais dengan Megawati di dalam pilihan raya akan datang. Profesor Winters datang melancarkan bukunya semata-mata untuk hendak menuntut

syarikat-syarikat yang kini dibantu supaya tidak dibantu kerana senang negara barat menguasai dan pada masa yang sama saya juga menyebut kalau CLOB yang hendak dibuat oleh Akhbar Khan daripada Singapura ini mengambil alih dengan diskaun 30%, 24 syarikat-syarikat yang berdaftar dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, kita patut berwaspada juga kerana kita inginkan negara kita ini mengambil keuntungan daripada sistem yang kita wujudkan.

Tuan Yang di-Pertua: CLOB itu apa Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: CLOB ini, panjang sedikit perkataan Inggeris, jadi dari segi kita yang mudahnya perniagaan saham di Singapura dengan saham-saham kita sudah tutup dia buat perniagaan di sana, zaman dahulu sebelum September, dia buat perniagaan saham-saham kita dapat berniaga di sana. Sekarang ini tidak boleh, yang mana saham itu sekarang ini tergantung, jadi ada seorang itu hendak beli saham-saham yang tergantung itu dengan 30% diskaun lepas itu bawa balik ke Malaysia jadikanlah saham itu milik negara pula di kawasan kita. Kalau orang Singapura hendak masuk berniaga saham ini dia terpaksa menggunakan bursa saham Kuala Lumpur sahaja tidak perlu kita bocorkan sistem kita ke negara-negara jiran atau ke peringkat antarabangsa. Itu CLOB.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan semua ini dapat kita buat kalau wujudnya satu keadaan politik yang stabil, kalau wujudnya dari segi kaum-kaum negara kita hidup secara harmoni, bererti tidak wujud demonstrasi liar, tidak wujud tuntutan-tuntutan liar yang membakar benda ini, benda itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini saya ingin merayu kepada Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib untuk membuatkan satu program dialog dengan pelajar-pelajar universiti di kampus-kampus. Kita terpaksa proaktif, mungkin mereka ini mempunyai satu keadaan frustration yang amat sangat, meluap di dada, tidak dapat ruang untuk dicurahkan, tidak dapat ruang untuk orang-orang peringkat pemimpin mendengarnya.

Jadi, saya mengharapkan Menteri Pendidikan membuatkan satu program menemui pelajar-pelajar di seluruh pelosok kampus kerana kita hendak memberikan

penerangan yang sejelas-jelasnya apakah hidden agenda wujud atau tidak dan apa akan terjadi kepada negara kalau wujudnya huru-hara, apa akan terjadi kepada sistem ekonomi kita, apa akan terjadi kepada generasi-generasi yang akan datang. Kita hendak mereka ini memahami sebenarnya, jangan kita pakai 'pak turut' sahaja, ikut orang pergi demonstrasi bayar RM30, pergi masuk, kita tendang van TV3, kita pecahkan cerminnya, lepas itu kita bakar tong-tong sampah. Kita hendakkan pemimpin kita proaktif, pergi menjelajahi seluruh kampus di negara kita ini termasuk yang di luar negara

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk Yang Berhormat samalah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya ikut sama, kalau diperlukan, Tuan Yang di-Pertua, saya berikan komitmen di sini untuk mengikut sama kerana memanglah perlu sekarang ini dalam detik dan saat ini untuk kita memperjelaskan apa sebenarnya status, tahap cabaran yang dihadapi oleh negara kita. Apabila mereka telah jelas, apabila mereka telah mendengar, berdialog, kita kena berdialog, jangan kita pula menjadi tuan kepada mereka, tidak boleh, kita berdialog secara level, secara 'eye ball to eye ball', saya suka benar dengan 'eye ball to eye ball' ini, mata ke mata, depan berdepan begini, supaya dapat kita menerangkan, mendengar masalah dia, kita terangkan pula, kita berikan penjelasan secukup-cukupnya kerana kalau tidak ada ruang untuk mereka, ia terpendam di hati, benda ini akan explode, dengan izin, it is like a time bomb, menunggu masa untuk hendak explode, jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku.

Jadi kalau Menteri Pendidikan mengatur program semacam ini, pergi melawat ke seluruh kampus, bertemu dengan pelajar-pelajar, termasuk guru-guru. Saya sebutkan perkara ini seperti saya sebutkan, apabila kita menyokong usul Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, guru-guru pun penting, bukan kita hendak buat political cleansing, dengan izin, itu bukan maksud kita, kita hendak berikan penjelasan yang sebenarnya. Political ideology berbeza, kita boleh pilih mana sahaja parti-parti yang kita hendak sewaktu kita memilih, apabila sampai waktu dan saatnya masa pilihan raya tetapi kita hendak

menjelaskan kedudukan sebenar yang amat penting bagi pendidik-pendidik, guru-guru, baik di bangku sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah tinggi untuk memperjelaskan apa sebenarnya isu-isu semasa selain daripada mereka mendengar, mendapat maklumat daripada sistem Internet yang sekarang ini bukan main meratarata mengaitkan hubungan maklumat yang paling canggih tetapi tidak tahu adakah ianya rubbish, dengan izin, ataupun sampah ataupun maklumat sebenarnya kita pun tidak tahu.

Jadi, untuk mengatasi apa yang berlaku sekarang, kita buat program juga, menjelaskan kedudukan sebenar isu-isu semasa kepada pendidik-pendidik kita kerana sekarang ini sudah wujud satu budaya di mana guru-guru telah menghasut anak-anak kecil di sekolah-sekolah rendah ini, bukan sahaja kerana buku *SHIT* itu tidak penting lagi. Sekarang ini mereka menghasut anak-anak kecil supaya membenci kerajaan, supaya membenci pemimpin. Budaya ini dari segi Islam amat bercanggah sekali, dengan apa yang dituntut oleh Allah s.w.t. tetapi perkara ini sekarang telah menular di peringkat sekolah-sekolah rendah. Jadi, kita tidak mahu mereka ini seperti kain putih diwarna-warnikan dengan pelbagai warna atau seperti rebung dilentur kepada tempat-tempat yang tidak mempunyai arah dan tujuan yang diredai oleh Allah s.w.t. Jadi, saya menyeru kepada Menteri Pendidikan supaya mengambil kira juga untuk mengkaji cara mana dapat kita menerangkan kedudukan sebenar, isu-isu sebenar yang terpaksa dihadapi oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin menyentuh dari segi peranan pegawai-pegawai kerajaan yang banyak mempunyai pengalaman. Sudah saya sebutkan di sini, saya akan sebutkan sekali lagi, perlunya kerajaan menyenaraikan pegawai-pegawai kerajaan yang dekat hendak pensen ini supaya diambil semula untuk bertugas bagi menentukan media-media asing, bagi menentukan negara-negara Barat, Timur, Utara dan Selatan mendapat penjelasan sebenarnya berkenaan dengan kedudukan negara kita dari segi politiknya. Kita tahu mereka ini sekarang ini terpaksa dipencenkan pada peringkat yang amat muda lagi, umur 55 tahun sudah pensen dan mengikut kadar hayat kita sekarang sudah meningkat. Saya difahamkan sekarang ini

lelaki sampai 72, 73 tahun, wanita sampai umur 79 tahun. Wanita ini entah macam mana hidup, kalau ikut hayat selalu lebih lama daripada kita, kita sendiri tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu mereka ini dapat hidup mengikut hayatnya lebih panjang, lebih lama pada empat, lima tahun daripada lelaki kerana mereka ini dapat meluahkan perasaan menerusi tangisan. Orang lelaki ini dia ego sedikit, perasaan yang terpendam di sini, apabila hendak menangis, dia takut hendak menangis, jadi terpendam, terpendam, perkara itu akan membuatkan mereka ini stress. Jadi cepat sedikit perginya, wanita tidak, dia boleh luahkan, easy, secara mudah. Sebab itu tadi saya katakan Menteri Pendidikan terpaksa berjumpa dengan murid-murid dan pelajar-pelajar ini dengan tujuan supaya dapat mereka ini meluahkan segala isi kandungan hati dan jiwa kepada pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, 55 tahun ini muda sangat. Negara jiran saya difahamkan sedang mengkaji sekarang ini pegawai-pegawai kerajaan yang tinggi-tinggi itu biarlah, jangan pakai kontrak, sekarang ini kontrak saya diberitahu, mereka dapat dua tahun kontrak, macam sahabat saya Tan Sri Halim Ali, mungkin dilanjutkan dua, tiga tahun dan KSU yang lain di tempat yang sesuai tetapi saya merasakan wujud satu dasar, kalau sudah mereka ini sampai pada tahap di mana kematangan, di mana kepimpinan, di mana kepakaran mereka itu berguna kepada kerajaan, kita berikan mereka peluang untuk bekerja sampai umur 60 tahun, saya ingat 60 tahun pun, still mental dia lagi aktif dan boleh menyumbang kepada pihak kerajaan. Terutama sekali mereka di dalam Kementerian Kewangan, Kementerian Luar misalnya, saya tengok Tan Sri Ghazali, Tan Sri Razali Ismail, Tan Sri Kamil, semuanya ini dapat kita gunakan lagi dan ramai lagi mereka yang seperti ini dapat pihak kerajaan menyenaraikan dan kita jadikan duta-duta besar at large, ambassador at large, dari segi mereka dapat menentukan, okay, Tan Sri ini ambil wilayah ini, kita beri penjelasan. Pasalnya duta-duta kita sekarang ini mempunyai dari segi kerja-kerja semasa day-to-day, dengan izin, hari-harian. Kita hendakkan mereka yang terlepas daripada kerja-kerja harian hanya menumpukan kepada macam mana hendak meningkatkan ataupun mempertahankan imej negara.

Bagaimana hendak menentukan supaya kredibiliti negara kita, kepimpinan negara kita dapat dijamin, diterima kerana dakyah-dakyah yang mereka terima sekarang ini menerusi CNN, menerusi media-media asing ini terlalu hebat dan kuat bagi menjatuhkan imej negara kita dan soalan imej ini sungguhpun ia merupakan satu pandangan yang software (yang lemah lembut), imej ini penting sangat, harganya tidak ternilai, mission-mission, misi-misi yang dibawa oleh Dato Seri Dr. Mahathir ke seluruh negara, ke seluruh dunia. Yang dibawa oleh Dato' Seri Rafidah Aziz misalnya dan ramai lagi menteri-menteri lain. Bila dia telah pergi ke luar negara, dia bawa pula dari segi ahli-ahli korporat negara-negara kita, nilai yang dibawa oleh Dato Seri Dr. Mahathir, nilai yang dibawa oleh menteri-menteri yang lain amatlah tinggi, tidak ternilai (invaluable). Invaluable ini bukan tidak ada nilai, tinggi sangat nilainya.

Jadi apabila wujudnya serangan-serangan yang bertubi-tubi menerusi Internet, menerusi media-media asing yang lain, sehingga saudara saya Senator Zam mengatakan perlunya wujud council of mass media ini memang benar kerana sekarang ini the power, kuasa monopoli mereka yang mempunyai syarikat-syarikat yang mengeluarkan maklumat menerusi media-media lebih kuat daripada kuasa satu-satu kerajaan. Muldoch dengan news of the World, boleh menentukan kerajaan. Parti Buruh (Labour Party) England, UK baru-baru ini menang kerana wujudnya satu pendekatan yang begitu hebat oleh Muldoch sendiri dan ini diakui menerusi *The Sun* dan pelbagai tabloid dan surat khabar lain. Jadi kuasa mereka yang mempunyai saham, yang mempunyai syarikat-syarikat yang berniaga dan berdagang menerusi maklumat

ini (information), kuasa (power). Siapa yang mempunyai maklumat orang itu berkuasa.

Jadi kini maklumat-maklumat itu dipunyai oleh orang-orang tertentu. Jadi, kita terpaksa mengatasi dakyah-dakyah yang kini dibuat bertubi-tubi oleh orang kita sendiri, oleh rakyat kita sendiri dan kita atasinya dengan mengadakan pakar-pakar kita sendiri bagi menjelajahi seluruh dunia bagi pihak kerajaan dan negara untuk menjelaskan kedudukan sebenar yang wujud di negara kita ini kerana kita dapati apa yang berlaku dekat Masjid Jamek, apa yang berlaku di Jalan Tun Perak dan sebagainya ini menjejaskan. Saya minta pihak kerajaan, tidak dapat lagi dalam ulasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak membentangkan berapakah kehilangan hasil, berapa banyakkah kehilangan dari segi revenue, dari segi pendapatan oleh kerajaan dan pihak-pihak swasta kerana wujudnya maklumat yang salah, kerana wujud imej yang negatif yang disebarkan oleh media massa seperti CNN, Internet dan sebagainya.

Saya sudah sebut dari segi pelancongan selain daripada kegawatan ekonomi mesti wujud impact daripada demonstrasi-demonstrasi, impact daripada maklumat yang salah ini kepada kedatangan pelancong-pelancong sehinggakan pendapatan kita telah menurun daripada RM11.3 bilion pada tahun 1996 kepada RM9.3 bilion pada tahun 1998 - RM2 bilion dan pendapatan pelancongan nombor 2, jatuh nombor 3 kerana kelapa sawit kita sekarang ini meningkat sampai RM16 bilion.

Soalnya sekarang kita kena buat kajian dan beritahu mereka yang berdemonstrasi, kos yang saudara-saudara buat menerusi demonstrasi, ini dia kehilangan kita. Bila pelancong tidak banyak masuk, pekerja hotel dan penginapan semuanya menurun dan begitu juga dari segi kos perbelanjaan untuk pegawai-pegawai keselamatan kita, untuk kita hantar menjaga keselamatan di jalan-jalan raya di mana demonstrasi wujud. Berapa ramai anggota-anggota, pegawai-pegawai yang terpaksa dikerahkan ke sana. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis, pihak keselamatan. Sungguhpun diduga, dicabar tetapi masih juga wujud kesabaran bagi

menentukan wujudnya ketenangan, keadaan yang tenang yang tidak merebak. Tetapi dalam surat khabar asing, dalam berita asing bukan main teruk, bukan main buruk keadaan di negara kita.

Maklumat-maklumat yang begitu pantas sampai kepada mereka sehinggakan *Washington Post*, pada 19 April mengatakan Dr. Mahathir's manners, disgrace, Dr. Mahathir's disgrace. Pada waktu itu seluruh badan-badan penarafan dunia mengiktiraf bagaimana kita sudah berjaya. Rubin sendiri, Setiausaha Perbendaharaan Amerika pun mengatakan kita sudah pulih dari segi ekonomi dengan dasar-dasar yang kita bawa sendiri tanpa bantuan daripada IMF. *Washington Post* 19 April, mengatakan Dr. Mahathir disgrace. Dr. Mahathir ini mendedahkan, saya tidak boleh sebut kemaluan Dr. Mahathir, tetapi yang memalukan Dr. Mahathir. Disebut di situ, dan cerita dan beritanya berbeza sekali, adakah kita dapat menerima berita semacam ini yang punyai agenda tersendiri.

Kalau seluruh dunia, badan-badan penarafan mengatakan kita sudah pulih, kita sudah baik, datang surat khabar *Washington Post* mempunyai pengaruh tersendiri, berbeza, opposite. Jadi media amat penting bagi kita mengatasi dengan mewujudkan satu barisan hadapan, the front liners, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita memerlukan anak-anak bangsa yang berpengalaman terutama sekali daripada Kementerian Luar Negeri supaya mereka disenaraikan dan juga pensyarah-pensyarah universiti. Sekarang ini sepatutnya kita menyenaraikan mereka yang kita anggap boleh berdialog secara articulate, secara hebat dengan *Washington Post* sendiri, dengan *New York Times*, *Financial Times*, orang-orang yang mempunyai intellectual credibility, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai keyakinan diri, yang mempunyai confident, yang mempunyai idea, yang berlatarbelakangkan satu tahap intelek yang boleh diterima di peringkat antarabangsa, senaraikan dan kita aturkan program untuk mereka menjelajah di dunia, di tempat-tempat tertentu bagi memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Selain daripada kerja-kerja yang dibuat oleh kedutaan-kedutaan kita. Saya hari itu di England, saya tanya pihak kedutaan surat-surat khabar *Straits Times* dan

sebagainya, adakah diterima tiap-tiap hari di sana dan kebanyakan kedutaan-kedutaan ini tidak terima. Dia hantar surat-surat khabar daripada negara kita ini menerusi diplomatic bag. Bag diplomatik ini yang datang kadangkala itu dua minggu. Sungguhpun kita ada Internet, sungguhpun kita hantar menerusi Internet dan sebagainya tetapi contents keseluruhan surat-surat khabar itu tidak dapat diterima oleh mereka. Surat khabar bersih, surat khabar sebenarnya tidak diterima oleh mereka.

Maklumat Internet itu adalah maklumat secara gist access, secara matan-matan sahaja dan saya katakan macam mana kita hendak berdepan dengan orang-orang di England, orang-orang di Eropah kalau maklumat menerusi surat khabar tempatan hanya diterima dua minggu selepas berlakunya sesuatu perkara. Saya hendak menyeru Kementerian Luar Negeri ini supaya dari segi maklumat tidak kira berapa kos, hantar sahaja menerusi MAS ini, cepat-cepat hantar ke sana, surat-surat khabar tempatan, risalah-risalah tempatan supaya mereka dapat menggunakan intisari secara keseluruhannya untuk memberitahu kepada mereka yang dahaga dengan maklumat.

Kalaulah dua minggu baru dapat *New Straits Times* tidak ada gunanya, maklumat itu sudah basi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyerulah kepada pihak kerajaan berhati-hati secara terperinci bagi menentukan kredibiliti negara, kredibiliti kepimpinan negara kita terjamin dan tidak dihasut oleh mana-mana maklumat dan dakyah yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sama saya ingin hendak menyentuh dalam keadaan ekonomi kita sekarang ini meningkat begitu tinggi 8% tiap-tiap tahun sebelum Julai 1997 dan kini menguncup dan meningkat pula 2%, saya hendak pihak kerajaan sekarang ini menentukan dari segi kualiti hidup rakyat jelata. Mungkin mereka sekarang ini memikirkan keadaan ekonomi sekarang ini tidak dapat kita hendak memikirkan kualiti hidup. Kualiti hidup yang hendak saya sebutkan di sini ialah dari segi keadaan alam sekitar, misalnya. Pasal dari segi kecanggihan mengenai teknologi dengan koridor raya multimedia, dengan kilang pembuatan yang hebat-hebat, kita kena cari kualiti pula, jangan kuantiti sahaja.

Kualiti hidup ini bererti termasuklah yang saya sebutkan tadi apabila hayat sudah meningkat kepada 70 tahun lebih, kita kena fikirkan bagaimana dari segi orang-orang pencen ini tingkatkan umur dia sampai 58 ke 60 tahun. Kita kena fikirkan perkara begini, kita kena fikirkan adakah perlu pihak kerajaan memikirkan supaya mereka ini masih lagi berpaksi pada sistem pekerjaan yang berpencen. Mungkin kita perlu hapuskan pencen, kita wujudkan KWSP sahaja atau SOCSO, kita perluaskan kegunaan SOCSO bukan sahaja kepada pekerja-pekerja kilang tetapi seperti yang ada soalan tadi, kepada nelayan, kepada petani kita perluaskan kemudahan-kemudahan ini secara menyeluruh kerana bebanan pencen, misalnya kalau kita tingkatkan umur untuk mereka ini bekerjasama sampai 58 tahun, bebanan pencen hanya ditanggung oleh pihak kerajaan. Kita hendak berkongsi bebanan ini dan pihak swasta memang ada perkongsian antara pekerja dengan majikan.

Jadi sekarang ini pihak kerajaan berkongsi dengan mereka yang bekerja dengan pihak kerajaan satu sistem menerusi KWSP dengan bonus, dengan sumbangan kerajaan, sumbangan pekerja terjamin KWSP. Tidak payah lagi pencen. Ini mungkin sistem yang agak radikal sedikit tetapi perlu kita fikirkan bersama dan mereka ini bolehlah sampai umur 58 tahun pasal sumbangan kerajaan ada, sumbangan dia pun ada. Komitmen kedua-dua pihak untuk menentukan masa depan mereka itu.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan kita ini mengikut musim, kalau sekarang ini kita tengok sungguhpun negara kita telah pun berdepan dengan masalah denggi kerana nyamuk, kita berdepan dengan masalah pencemaran sungai-sungai. Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini, saya ingat lagi sewaktu Tan Sri Sanusi Junid memegang jawatan Menteri Pertanian, kita wujudkan senarai sungai-sungai di seluruh negara. Kita keluarkan buku sungai-sungai yang indah, lepas pada waktu itu juga jabatan-jabatan yang berkaitan aliran perairan ini pergi jaga sungai-sungai sekarang ini kita masih lagi berdepan dengan sungai-sungai macam teh tarik sahaja warnanya. Warnanya tidak lagi biru, tidak lagi jernih kerana apa? Kerana mungkin wujudnya pembalakan haram ataupun cara kita membuka ladang dan sebagainya, jadi sistem pengawasan, budaya pengawasan, budaya penyelenggaraan masih lagi tidak

sehati dengan masyarakat kita. Kalau kita pergi juga ke bangunan-bangunan kerajaan tersergam empat tahun kemudian catnya semua luntur macam pergi ke rumah yang 20 tahun. Pasal apa, penyelenggaraan tidak ada. Kita tidak ada budget penyelenggaraan yang besar, kalau ada pun sekali-sekala 10 tahun kemudian, bangunan sudah hendak runtuh, catnya sudah kelabu, berkulat baru kita hendak cat semula.

Jadi kita hendak memikirkan perkara-perkara semacam ini, kalau sungai Semantan misalnya kalau ianya penuh dengan kelodak ataupun suspension, pasir-pasir dan sebagainya warnanya macam teh tarik kita pergi siasat mana puncanya, adakah kerana orang menebang-menebas dengan cara yang salah ataupun membuka tanah secara haram, siasat immediate pasal kita tahu kita nampak, mereka yang mengawasi kawasan sekitar nampak, sungai itu penuh dengan mud, penuh dengan lumpur. Mesti ada sebabnya, tetapi tidak siasat, saya perhatikan sungai terus berlumpur tidak ada tindakan. Kalau ada pun kita tidak tahu. Begitu juga dengan kes untuk mewujudkan kilang-kilang haram. Saya tahu bengkel-bengkel haram kadang-kadang tepi sungai, segala minyak hitam terkeluar daripada bengkel itu mengalir ke sungai. Pasal dia buat secara haram, kalau ada pengawasan perkara ini dapat kita sekat mula-mula lagi, peringkat awal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, budaya pengawalan, pengawasan dan pemantauan perlu sangat, dan kita ada pegawai-pegawai kalau kita tidak buat kerana tidak cukup pegawai, perkara ini boleh dibentangkan. Tetapi ada pegawai tidak ada pengawasan bererti tanggungjawab tidak berjalan. Kalau tengok kelompok-kelompok air membiaknya nyamuk-nyamuk aedes ini, di bandar-bandar besar. Saya tengok senarai baru ini mengikut statistik Johor Bahru banyak denggi. di Kuala Lumpur pun banyak lagi. Soalnya kenapa? Pengawasan - ada bangunan penuh dengan kelompok-kelompok yang menakung air. Kerana tidak ada orang mengawasi bangunan-bangunan yang hendak dibina atau kadang-kadang ditinggalkan sahaja. Kerajaan tempatan, majlis perbandaran, majlis-majlis tempatan terpaksa menjalankan tugas, kalau tidak tindakan terpaksa diambil. Kalau kita biarkan sahaja maknanya kita sendiri membiarkan budaya yang tidak elok ini dianuti oleh mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahun-tahun ini dalam kita berdepan dengan alaf baru, abad ke-21 kita terpaksa mengolah langkah yang baru mempunyai nilai-nilai budaya penyelenggaraan, pengawasan dan pemantauan. Jangan kita hendak memantau syarikat-syarikat sahaja. Jangan kita hendak memantau koperasi-koperasi sahaja. Jabatan-jabatan kerajaan pegawai-pegawai dan kita sendiri sebagai individu mesti mempunyai nilai-nilai yang murni. Kerana dengan itu baharulah kita boleh menentukan keadaan sekitar kita, pemeliharaan kawasan sekitar dapat berjalan dengan baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan di sungai-sungai ini tebing-tebing sudah banyak runtauh kerana banyaknya tanaman tepi-tepi sungai supaya pihak Kementerian Pertanian menerusi jabatan-jabatannya menanam buluh-buluh di sekitar sungai-sungai, di tebing-tebing sungai. Kita buat gotong-royong menanam buluh. Kerana kita takut tanah-tanah ini runtuh lepas itu tanah yang runtuh itu termasuk dalam sungai, sungai jadi cetek, banjir pun ada, jadi program penanam buluh kerana buluh itu akan mendatangkan faedah kepada kita untuk dieksport ke Jepun terutamanya untuk membuat sepi dan sebagainya, semua boleh kita buat, jadi kita tanamlah buluh. Negara buluh Malaysia ini, penuh dengan buluh di tepi-tepi sungai. Kita banyak sungai, Sabah, Sarawak, Semenanjung, Sungai Pahang banyak sungai. Jadi kita tanam buluh sebanyak-banyaknya. Ini boleh kita lakukan menerusi kampung-kampung, ini boleh kita buat secara gotong-royong dan buluh akan tumbuh dengan begitu baik.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, sungguhpun negara kita ini masih lagi banyak dari segi hutan simpanan saya diberitahu hutan simpanan kekal di negara kita ini meliputi lebih daripada 60% daripada kawasan-kawasan kita. Walau bagaimanapun pada masa yang sama selain daripada bergantung kepada hutan-hutan tropika, hutan-hutan kayu-kayu balak tropika, saya ingin pihak kerajaan mengkaji dengan sedalam-dalamnya dari segi kos benefitnya yang mana untung, yang mana tidak berapa banyak untung dari segi tanaman-tanaman pokok. Sekarang ini kita dapati banyak sangat orang tanam sentang, tanam kayu getah, balak, tanam jati dan sebagainya, kadang-kadang mengambil masa 20 tahun – 15 tahun, dulu kita tanam

Akasia Manjem saya perhatikan di Pahang ada rata-rata tempat. Kita tanam pine semuanya sekarang ini tidak mendatangkan hasil. Kita mungkin membuat kesilapan pada satu ketika, kita terpaksa bayar kesilapan itu. Saya diberitahu ini semuanya dari segi program pinjaman daripada Asia Development Bank. Tetapi sekarang ini kita hendak tanya pula, apa sebenarnya yang patut kita tanam, supaya program penanaman hutan untuk hendak mendapatkan kayu balak pada masa-masa akan datang dapat kita buat secara menyeluruh, secara lebih sistematik, dan ini pemulihan balik kepada negara kita. Pemuliharaan yang perlu kita buat, kerana kita sayangkan kepada negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang saya anggap sebagai nilai-nilai sahaja, kerana kita dapati perkara ini perlu untuk kita menyedarkan rakyat jelata dengan nilai-nilai yang baik dan murni ini supaya negara kita terjamin dari segi masa depannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga hendak menyentuh dari segi pertahanan. Saya difahamkan ketahanan kita menerusi Kementerian Pertahanan, udara, darat dan laut. Dari segi orangnya cukup, dari segi program mencanggihkan ilmu ketahanan, ilmu dari segi pegawai-pegawai kita, dari segi digital dari segi elektronik tahap mana, dari segi softwarentya, dari segi pemikiran, dari segi strategi kerana peperangan akan datang kalau sekiranya wujud peperangan ianya banyak bergantung kepada pendekatan yang lebih sophisticated, pendekatan yang lebih berasaskan kepada digital dan cyber space yang berbagai-bagai cara dia orang buat. Tengok sahaja peperangan sekarang ini bom-bom yang dijatuhkan di Kosovo, bom-bom yang dulunya dijatuhkan di Iraq, peluru-peluru berpandu dan semuanya ini mempunyai life spent dengan izin, dia mempunyai tahap hidupnya, saya diberitahu mungkin 10 tahun. Jadi adakah apa yang kita ada di negara kita ini macam peluru-peluru entah berpandu kah atau tak berpandukah, adakah shelf life itu kita tentukan supaya ianya sentiasa dapat digunakan apabila kita perlu menggunakannya.

Saya diberitahu peperangan Iraq dengan Kuwait dahulu, peluru-peluru yang digunakan oleh Amerika Syarikat ialah peluru-peluru yang hendak mati, jadi peluru-

peluru sebagai experiment prototype mungkin, saya tidak tahu. Begitu juga di Kosovo meletup di tengah jalan sehinggakan dasar sasaran dia kepada pelarian Albania, bas-bas di tepi jambatan, di tepi jalan banyak mati penumpangnya, mungkin peluru itu peluru sudah lama, sudah tua, sudah melebihi umur had keupayaan. Jadi kita hendak tahu, di negara kita ini macam mana, kerana kita takut dan bimbang, apabila wujudnya sesuatu keadaan yang memerlukan kita menggunakannya, sudah tidak boleh guna, out of date ataupun kecanggihan-kecanggihan pertahanan negara-negara lain dapat jamkan kita.

Saya sudah bawa perkara ini dahulu, adakah kita berupaya menggunakan satu sistem di mana siapa sahaja hendak jamkan sistem komunikasi kita dia tidak boleh buat kerana kita boleh menangkis kegiatan-kegiatan seperti itu. Adakah kita mempunyai alat-alat yang canggih ini, saya tidak tahu, ramai yang ahli dan sebagainya tetapi equipment, hardwarenya itu adakah kita mempunyai yang canggih. Dan saya tengok juga dari segi kapal terbang saya hendak minta Kementerian Pertahanan memberitahu Dewan ini, adakah kita masih berwaspada lagi dengan kedudukan dan tahap penyelenggaraan kapal terbang-kapal terbang jet kita, ataupun helikopter, kerana selalu sangat kita dengar dalam surat khabar, satu jatuh, dua mati, sini jatuh dan sebagainya, dalam training pun jatuh.

Jadi adakah kita berpuas hati dengan apa yang ada sekarang ini atau kita perlu ubahsuai membeli yang baru dan melupuskan yang sedia ada, kerana ketahanan kita sungguhpun kita aman kita perlu wujudkan, ianya memberikan kita keyakinan kepada ketahanan diri dan negara.

Pulau-pulau yang ada di sekitar perairan kita ini, saya hendak tahu juga yang mana terpaksa kita rundingkan dengan negara-negara yang menuntut dan tahap mana pencapaian penyelesaiannya yang dapat kita jalankan kerana ianya lama kelamaan ramai yang hendak menuntut terutama sekali apabila kita tahu ada banyak minyak dan gas di kawasan-kawasan perairan. Dulu saya tanya adakah gas dan minyak yang disedut ke Terengganu itu daripada negeri Pahang. Kita tidak tahu di bawahnya, maknanya kita sudah ada paipnya termasuk di sebelah Pahang, takkan kita ada satu

dinding (wall) negeri Kelantan, negeri Terengganu, Negeri Pahang. Sampai negeri Kelantan dengan Pahang ada dinding. Tidak ada, benda itu mempunyai satu lapisan, minyak bertakung. Sampai sekarang saya tidak mendapat kepastian, kita tahu harga minyak sungguhpun turun naik, kita tahu harga gas turun naik dan kita tahu juga negeri-negeri yang mengeluarkan hasil minyak dan gas mendapat royaltinya 5%, 6% untuk pembangunan negeri.

Jadi, saya minta sekali lagi pihak kerajaan memberi penjelasan sekali lagi adakah minyak dan gas yang disedut tidak melibatkan rizab, jika ada di negeri Pahang, ataupun ianya disedut tanpa pengetahuan kita. Begitu juga di Brunei dan Sarawak, saya tidak tahu adakah Brunei terapung atas minyak atau minyak itu bukan mengalir dari sempadan Sarawak, itu saya tidak tahu. Atau Sarawak mengambil minyak daripada Brunei kerana tidak had sempadan yang tebal mengatakan ini minyak Sarawak, ini minyak Brunei dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan semacam ini untuk memberikan kita keyakinan dari segi pendapatan.

Saya juga ingin mengetahui daripada pihak kerajaan iaitu kerja raya. Saya pergi balik dari Kuala Lumpur ke Temerloh, kita ada jalan Karak Highway, sudah bayar tol dan sebagainya. Saya ingat lagi, sebelum Karak Highway ini diperbaiki oleh MTD dulu kebanyakan jalan ini menggunakan tanda 110 kilometer sejam, 90 kilometer sejam, sekarang ini 80 kilometer sejam. Lepas itu dua lane, 3 lane di sebelah sini, 3 jalur di sebelah sana. Keluar sahaja daripada highway sudah habis bayar tol, masuk jalan lama satu lane yang sempit itu 90 kilometer. Soalan saya, kenapa pula sudah buat highway cantik-cantik, bayar tol banyak-banyak tetapi dari segi kelajuan lebih rendah daripada kelajuan jalan lama, yang sempit 90 kilometer, sahabat saya yang belakang ini tahulah kerana dia selalu balik Kuala Lumpur, Temerloh, Kuantan. Tetapi highway ke utara pula kebanyakan jarak jalan 110 km. Ini kebanyakannya 80 kilometer sejam.

Jadi, sekarang kita hendak mengikut undang-undang, takut pula hendak ambil gambar, kereta wakil rakyat sudah tangkap beberapa banyak, pasal hendak berkejar, program ketat sini sana. Hendak ikut slow 80, jadi saya merayu kepada pihak

kerajaan kaji balik semula. Kalau sekiranya jalan raya ini lebu raya ini memang untuk 80 kilometer sejam, kurangkan tol atau kita hapuskan tol sekali. Pasal dahulu sudah 90 kilometer sejam atau 110 kilometer sejam. Ini one step, three step backward, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kebelakang pula perginya.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal kemalangan banyak.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak, kita buat sama sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kita buat semua 80, had ke Utara Selatan pun 80, had ke Pantai Timur pun 80 no problem, tidak ada masalah. Yang ini had pergi ke Karak sahaja 80 kebanyakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Karak belum siap lagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sudah siap, Kuala Lumpur sampai ke Karak itu sudah siap

Tuan Yang di-Pertua: Selepas dari itu belum siap lagi, kena slow down dahulu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Di situ 90 kilometer, highway 80 kilometer. Ini yang kita tidak faham, jadi minta penjelasan Menteri yang bertanggungjawab atas JKR, dia boleh jawab dengan tepat kali ini. Saya tidak faham langsung kenapa perkara ini boleh berlaku dan pada masa yang sama, kita juga hendak tahu sebelum jalan ini siap dan diserahkan cantik, tiga bulan kemudian sudah repair dah. Saya tidak faham langsung kenapa dia korek balik semula, dia buat repair. Kita hendak tahu, adakah ianya mempunyai kontingensi di mana pihak yang mengusahakan jalan raya itu terpaksa membayar kepada kerajaan kalau sekiranya ianya terpaksa repair dan sebagainya ataupun ini memudaratkan, orang sudah bayar tol tetapi jalan under repair, repair sana, repair sini, baiki sana baiki sini. Tidak sudah-sudah dengan pembaikan. Sepatutnya berilah masa sekurang-kurangnya dalam masa setahun untuk diperbaiki, maknanya, kualiti jalan-jalan yang dibina itu adakah ianya mengikut piawaian yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau tidak ianya bukan menyenangkan, menyusahkan, selepas itu dia letak pula tanda slow, pasal orang sedang buat kerja. Ini baru tiga, empat bulan, jalan itu baru siap sudah ada diperbaiki.

Jadi, kualiti dan pengawasan yang hendak dibuat jalan raya itu adakah mereka menepati tuntutan-tuntutan piawaian. Sudah dekat hendak sejam. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berucap. Banyak lagi yang hendak diucapkan tetapi saya rizab untuk masa yang akan datang. Sekian, saya menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.

3.27 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ingin mengambil bahagian dalam pembahasan atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 5 April 1999 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengimbas kembali mengenai misi kita berhubung dengan Wawasan 2020. Ianya telah menggariskan menjelang tahun 2020 Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bersatu padu, masyarakatnya yang berkeyakinan yang ditanam dengan nilai moral dan nilai etika yang tinggi, penyayang, keseimbangan dari segi ekonomi, progresif dan makmur serta keadaan ekonomi yang bersaing, dinamik, teguh dan mampan. Sekiranya saya boleh menambah iaitu hidup dalam keadaan yang selamat sepenuhnya daripada campur tangan dalaman dan asing.

Wawasan ini telah memberi kesan yang penting terhadap tugas yang terletak di masa hadapan terutamanya bagi kita golongan bumiputera yang telah ketinggalan jauh di belakang. Kita sebenarnya menghadapi tugas yang berat, keadaan semasa memerlukan penilaian semula dibuat dan ianya hendaklah dinilai secara lebih prospektif bukan sahaja untuk keperluan semasa tetapi juga untuk masa hadapan. Ianya memerlukan pendekatan baru untuk merancang serta menggunakan dengan sepenuhnya segala sumber yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kira sama ada kawasan luar bandar di Sarawak, Sabah atau Semenanjung Malaysia, keadaan semasa adalah menyedihkan untuk diperkatakan. Masyarakat luar bandar merupakan golongan terbesar kepada jumlah kaum bumiputera keseluruhannya hendaklah mendapat pertimbangan sewajarnya.

Tidak kira sebanyak mana mereka dapat berubah untuk menerima sikap positif atau mencontohi jejak langkah golongan masyarakat yang telah berjaya. Kejayaan kita akan menjadi terhad sekiranya tiada usaha gigih diambil oleh Kerajaan Pusat untuk merancang strategi dan implementasinya dengan lebih efektif. Sekiranya perkara ini diabaikan, maka misi Wawasan 2020 kita hanya akan jadi mimpi semata-mata.

Saya merasa bangga kerana program untuk rakyat termiskin dengan golongan yang berpendapatan rendah seperti menggalakkan anggaran perbelanjaan asal 1998 bagi rancangan pembangunan untuk golongan termiskin iaitu PPRT, membuat pemotongan kecil terhadap anggaran perbelanjaan terhadap beberapa kementerian yang terlibat dengan program sosial serta program pembangunan luar bandar dan pertanian. Menambah peruntukan sebanyak RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia tanpa faedah, pinjaman RM200 juta untuk skim kredit mikro di bawah Tabung Usahawan Kecil dan Tabung Usaha Niaga, tetapi peruntukan seperti di atas tidak akan berhasil sekiranya tidak dijalankan dengan sempurna. Terdapat banyak kawasan yang memerlukan perhatian lebih-lebih lagi di Sarawak terutamanya pembangunan, pendidikan, dan latihan, pertanian, sosial dan kesihatan serta keperluan kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menunjukkan Bahagian Pendidikan. Kejayaan dan objektif sosio-ekonomi bagi seluruh masyarakat dan seterusnya kejayaan Wawasan 2020 banyak bergantung dengan adanya tenaga kerja yang berpendidikan mahir dan trainable. Untuk itu pendidikan dan latihan hendaklah dikembangkan dan dipertingkatkan bukan sekadar untuk melengkapkan rakyat dengan kekuatan moral dan nilai etika yang tinggi tetapi untuk mencapai matlamat polisi pembangunan kebangsaan (National Development Policy)

terutamanya mengenai konsep pembasmian kemiskinan dan pengurusan semula masyarakat.

Di kawasan tengah Ulu Batang Rajang di Sarawak, tahap pencapaian pendidikan para pelajar adalah sangat rendah dan berada di bawah peratusan kebangsaan. Kebanyakan sekolah di luar bandar mengalami kekurangan guru yang berkelayakan di dalam mata pelajaran sains seperti matematik, fizik, kimia dan biologi. Tanpa usaha bersepadu diambil bagi mengembangkan pemikiran dan tanggapan pelajar luar bandar terhadap mata pelajaran ini sejak dari peringkat awal persekolahan mereka akan terus ketinggalan dari segi akademik untuk beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu saya minta Kementerian Pendidikan mengambil serius dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu juga saya secara jujur menggesa Kerajaan Pusat agar mengkaji semula sistem pendidikan kita secara keseluruhannya. Lebih banyak kelas prasekolah patut ditubuhkan di kawasan luar bandar untuk pelajar yang kurang bernasib baik. Tindakan serta-merta dilihat amat perlu untuk menubuhkan 'well equipped residential type schools' dengan izin dan pusat-pusat vokasional di kawasan luar bandar bagi menampung mereka yang tidak berkemampuan serta mereka yang menghadapi kesukaran untuk dapat menempatinya di bandar. Kajian menyeluruh juga hendaklah dilaksanakan untuk meninjau sejauh mana komitmen dan kehadiran guru-guru terhadap tugas dan tanggungjawab mereka. Keadaan persekitaran, kediaman guru-guru kebanyakan sekolah di luar bandar adalah amat tidak selesa dan menyedihkan. Adakah wajar bagi kerajaan untuk mengkaji beberapa perkara untuk memotivasi mereka seperti menyediakan rumah-rumah yang dilengkapi dengan kelengkapan asas, sistem pengangkutan, kemudahan, rekreasi dan ganjaran berbentuk kewangan. Tanpa semua keperluan ini Wawasan 2020 hanya akan tinggal mimpi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hal pertanian dan pembangunan tanah. Seperti yang kita sedia maklum, kawasan di lembah Sungai Batang Rejang di Sarawak masih mempunyai banyak kawasan yang luas serta masih belum diterokai lagi. Pada masa sekarang tidak ada wujudnya skim pembangunan dan apa bidang sekali pun, satu-satunya aktiviti sosio-ekonomi yang wujud ialah dalam sektor pembalakan dan pengumpulan hasil hutan.

Saya berpendapat Kerajaan Pusat dan pihak yang berkuasa hendak memperluaskan serta menggerakkan jentera pembangunan mereka di kawasan ini di Sarawak yang telah terbiar. Salah satu daripada perkara yang dapat diusahakan ialah dari segi pembangunan bersepadu IADP yang ditubuhkan antara lain bertujuan untuk menyediakan kemudian infrastruktur dan lain-lain kemudahan sokongan. Bidang lain ialah memperluaskan program pemulihan dan penyatuan yang kini di bawah rancangan agensi seperti FELCRA, SECRA dan lain-lain di Sarawak. Kerajaan Pusat juga hendaklah mempromosi serta menyediakan insentif yang lebih besar kepada agensi sektor swasta untuk melabur di kawasan luar bandar di Sarawak di bawah program pembangunan tanah yang baru. Perlu dinyatakan di sini bahawa keengganan pemilik tanah untuk membuka Tanah Adat Bumiputera (NCR) atau tanah termuda mereka bagi tujuan pembangunan tanah pertanian merupakan cerita lama dan ianya sudah berlalu. Kini setelah mereka mendapati keuntungan dapat diperolehi hasil daripada pembangunan tanah, kebanyakan mereka memohon agar tanah mereka dimajukan. Walau bagaimanapun, adalah dikesali kerana pihak yang berkuasa memilih kawasan untuk dibangunkan dan siapa yang akan membangunkannya. Bagi mempercepatkan proses pembangunan tanah ini saya merayu pihak yang berkuasa agar bersifat lebih telus dan terbuka di dalam meluluskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyingkap kembali di bawah Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1970-an, Perdana Menteri ketika itu Allahyarham Tun Razak -

cadangan telah dibuat untuk membangunkan Kawasan Segi Tiga yang melingkungi Kapit - Tatau - Balingian di kawasan hulu dan tengah Lembah Sungai Rajang sehingga kini tiada apa-apa yang telah dilakukan dan saya rasa amat wajar bagi Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula menangani cadangan tersebut sebagai salah satu alternatif kepada kemerosotan yang dialami oleh industri pembalakan ketika ini.

Sebagai tambahan kos untuk cadangan Projek Hidro Bakun telah dikurangkan dan kawasan ini mungkin menjadi pusat pemulihan kepada masyarakat yang terlibat dan sekiranya dipercepatkan dan menjadi lebih baik. Pengenalan mereka kepada pembangunan pertanian di kawasan luar bandar seluruh negara terutamanya di Sarawak, bukan sekadar mendekati penduduk tempatan dengan arus pembangunan ekonomi dan merangsang hubungan rapat dengan kerajaan tetapi juga untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan kebajikan rakyat serta menjadikan aset mereka yang telah terbiar menjadi lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pembangunan di Kawasan Segi Tiga Kapit - Tatau - Balingian projek ini akan menjadi teras yang menghubungkan Bintulu dan Tanjong Manis, dua buah pusat industri terkemuka di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam pembangunan sosial. Sila betulkan saya sekiranya saya tersilap di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sejumlah RM6.125 bilion untuk sektor perumahan dan lain-lain perkhidmatan pembangunan sosial, RM3.340 bilion rumah kos rendah dan perkhidmatan berkaitan dengannya, RM245 juta untuk program pembangunan perumahan luar bandar dan RM245 bilion untuk lain-lain perkhidmatan pembangunan sosial. Mungkin ramai yang bersetuju dengan saya, penduduk di lembah Sungai Batang Rajang dan tempat-tempat lain yang terbiar di

Sarawak sepatutnya mendapat pembahagian yang sama rata daripada jumlah peruntukan itu. Pembangunan sosial ialah komponen yang penting ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara keseluruhannya yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih penyayang. Untuk itu saya sekali lagi menyeru dan merayu agar Sarawak mendapat pembahagian yang sama rata daripada jumlah 558 ribu unit rumah kos rendah, rumah untuk rakyat miskin ialah 35 ribu, rumah kos rendah 200 ribu, low medium cost 350 ribu.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebarang peruntukan yang diperuntukkan kepada Sarawak hendaklah diagihkan sama rata kepada penduduk luar bandar yang miskin tanpa mengira ideologi, politik dan keturunannya. Kebanyakan kawasan luar bandar di Sarawak masih tidak mempunyai perkhidmatan asas, lebih-lebih lagi seperti perubatan. Sesetengah tempat yang ada tetapi masih kekurangan dari segi kemudahan dan kakitangan. Kesihatan yang lebih baik adalah komponen yang amat penting ke arah pembangunan sosio-ekonomi kerana tenaga kerja yang sihat akan lebih produktif. Oleh itu saya merayu agar sub-district hospital perlu ditubuhkan di kawasan luar bandar yang telah lama ketinggalan dan kekurangan kemudahan asas ini yang mana ianya dinikmati oleh kita di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur. Pada pemerhatian saya, syarat bagi kemudahan asas seperti perkhidmatan pos, telefon, bekalan elektrik dan air disebarkan ke satu kawasan selalunya selari dengan pembangunan pertanian *insitu* atau pembangunan industri. Di kawasan hulu dan tengah lembah Sungai Batang Rajang yang tiada pembangunan, maka secara tidak langsung tidak akan mendapat kemudahan asas seperti di atas. Pada pandangan kami, alasan dan syarat yang dilihat sebagai satu tindakan yang tidak produktif. Akhirnya golongan yang miskin ini akan terus menjadi miskin, ketinggalan dan tidak mendapat hak keistimewaan mereka. Pada pendapat saya syarat bagi menyediakan kemudahan asas ini tidak patut digeneralisasikan dan

mengikut sepenuh kepada polisi rancangan seperti di atas di mana adanya keperluan segala usaha yang hendak dibuat menyediakan kemudahan asas ini.

Kewujudan perkhidmatan pos telah membuka beberapa peluang kepada penduduk kita di luar bandar. Sebagai contoh, di mana tiada jalan raya, mereka terpaksa ke bandar dengan menggunakan pengangkutan sungai yang memakan masa dan belanja yang agak besar. Masyarakat luar bandar akan kekurangan maklumat dan pengetahuan dalam banyak bidang yang disediakan oleh kerajaan. Kalau ada di antara mereka yang tahu tetapi ianya sudah terlambat. Dengan adanya perkhidmatan pos dan telefon, penyaluran maklumat dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Ini adalah sebahagian daripada kemudahan asas yang penting yang perlu diwujudkan di kawasan luar bandar.

Menyentuh mengenai jalan raya, saya tidak dapat memberi pertolongan tetapi sekadar berkongsi maklumat mengenai keadaan jalan raya di Sarawak. Kalau tidak silap saya, Sarawak satu-satunya negeri di Malaysia yang hanya mempunyai jalan utama iaitu trunk road yang merintang dari satu hujung ke satu hujung yang lain di negeri ini sejak penubuhan Malaysia lagi. Kami tidak mempunyai lebuhraya yang lain. Jalan utama ini digelar oleh orang asing sebagai Borneo Highway dan telah lama dalam keadaan yang menyedihkan terutamanya jalan dari Simpang Betung ke Bukit Kayu Malam, Bahagian Sarikei, Sarawak. Kita seolah-olah seperti dalam keadaan mabuk apabila kita tiba salah satu dari hujung jalan ini.

Permintaan terhadap sistem pengangkutan jalan raya semakin meningkat kerana keselesaan, murah dan door-to-door services. Saya merayu agar Kerajaan Pusat dan pihak yang teribat menjadikan usaha meningkatkan satu-satunya jalan utama di Sarawak ini sebagai agenda utama mereka. Peningkatan jalan raya ini bukan bermakna menampal lubang atau lopak sepertimana yang telah dilakukan oleh JKR secara berterusan untuk sekian lama tetapi untuk mereka bentuk serta menaik taraf jalan agar ia lebih tahan dan bersifat kekal.

Tuan Yang di-Pertua, pada pemerhatian saya juga kebanyakan jalan raya di Sarawak sama ada di luar bandar atau di bandar telah dibuat dengan tidak teratur dan

keadaan tidak sesuai. Ianya menggambarkan yang para jurutera di Sarawak tidak tahu untuk mereka cipta dan membina jalan. Saya merasa bangga apabila mendapat tahu bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat perhatian dan teguran yang sama semasa mengadakan perjumpaan dengan para jurutera di Sibu baru-baru ini. Saya juga merayu agar jalan raya dari Batu 10 Bahagian Kuching ke Bandar Serian di Kota Samarahan diperbesarkan lagi kepada dua lorong. Untuk beberapa tahun ke belakang ini keadaan lalu lintas adalah sesak dan meningkatnya jumlah kenderaan yang berulang alik dari Bandaraya Kuching ke Bandaraya Serian dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh keselamatan negara. Saya tidak berpura-pura untuk menjadi seorang pakar di dalam perkara ini mengenai keselamatan negara. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Malaysianisation terhadap ramai warganegara asing di negeri Sabah terutama mereka daripada kumpulan Selatan Filipina. Apakah tujuan tindakan seperti ini, adakah ianya sebagai satu langkah ke arah mencapai sasaran untuk negara kita, Malaysia mempunyai 70 juta penduduk pada tahun 2020 atau adakah sebarang agenda yang tersembunyi di sebaliknya yang kita semua perlu tahu. Adakah Malaysianisation ini dibuat di negeri-negeri lain di Malaysia seperti Sarawak contohnya.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sarawak ialah satu-satunya negeri di Malaysia yang berkongsi 300 batu sempadan dengan negara jiran. Membuat kawalan di sepanjang sempadan tersebut merupakan tugas yang amat rumit bagi pasukan keselamatan sama ada warganegara asing ini datang ke negara ini secara sah atau menjadi sebagai sebaliknya. Saya yakin dan percaya dengan mengambil kesempatan ini mereka sebagai warganegara Malaysia adalah sebagai satu tindakan yang merbahaya. Tidak kira betapa baik sekalipun niat mereka. Apa yang telah terjadi kepada negara jiran hendaklah diambil sebagai amaran kepada kita kerana ia merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bangga sebagai warganegara Malaysia saya berdoa agar Wawasan 2020 kita bukan hanya sebagai mimpi tetapi diterjemah dan

diimplimentasikan menjadi kenyataan dan realiti. Kita semua ingin mempunyai moral dan nilai etika yang kuat, hidup dalam keadaan demokratik, liberal dan toleransi, penyayang bersamaan dari segi ekonomi, progresif dan masyarakat yang harmoni. Kita ingin tinggal di negara yang mempunyai tahap ekonomi yang dinamik, teguh dan mapan dan kita ingin tinggal dalam keadaan yang selesa dan selamat sepenuhnya tanpa ada sebarang ancaman daripada dalam mahupun daripada luar negara.

Saya dengan ini ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi hendak bercakap?

3.49 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk terus membahaskan Titah Ucapan.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun dan bercakap sesuatu dengan Tuan Yang di-Pertua – pembesar suara tidak dibuka]*

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini, Yang Berhormat cakap dahulu.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat hendak bertanya fasal cukup kuorumkah atau tidak.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak bertanya berapa orang yang hendak berucap selepas ini sebabnya saya takut masa panjang lagi. Jadi, kalau sudah tidak ada, saya sendirilah hendak usahakan untuk mendapatkan Yang Berhormat yang hendak berucap itu sebab mereka itu tidak tahu – ingatkan ramai yang hendak berucap, setengah itu hendak berucap, setengah hendak berucap besok. Kita ada dua hari lagi besok dan lusa.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai lagikah di belakang sana?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak berapa ramai tetapi adalah di celah-celah saya boleh cari. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, kerana diberi peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Parlimen Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama pada 5 April yang lalu.

Terlebih dahulu saya bagi pihak keseluruhan Ahli Dewan ini ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Kesebelas iaitu Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor yang baru-baru ini telah ditabalkan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong dan juga Timbalannya Sultan Mizan Zainal Abidin daripada Terengganu yang dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita maklum kerajaan kita sentiasa berikhtiar membantu rakyat dalam apa usaha sekali pun. Pada hari ini saya ingin menumpukan satu perhatian kepada apa yang telah dibuat oleh kerajaan kepada orang-orang kita yang ingin menunaikan fardu haji di Mekah. Sebagaimana yang kita juga maklum bahawa Malaysia merupakan satu-satunya negara yang telah mulakan satu usaha memimpin rakyat untuk melaksanakan haji dengan begitu teratur melalui Tabung Haji, dan baru-baru ini secara kebetulan saya berkesempatan untuk bersama-sama dengan para jemaah yang lain berada di Tanah Suci dan saya ingin melahirkan perasaan saya, pandangan saya terhadap perkhidmatan Tabung Haji.

Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tabung Haji kita yang saya telah lihat memberikan perkhidmatan yang bertambah-tambah baik dari tahun ke tahun. Sembilan tahun dulu saya pernah pergi dan berbandingkan pada tahun ini banyak perbezaannya. Antaranya sekarang ini bagi mereka yang ingin menunaikan fardu haji, yang sudah pun berada di Tanah Suci Mekah ataupun Madinah bersama-sama mereka telah dibekalkan pakar-pakar rujuk sekiranya timbul keraguan dalam usaha untuk membuat atau melakukan ibadah haji walaupun sudah berada di bumi Mekah atau Madinah, dan pakar-pakar rujuk ini mempunyai pejabatnya sendiri dan mudah didatangi dan ianya terbuka dua puluh empat jam.

Bukan itu sahaja satu lagi mereka juga pada setiap malam diadakan ceramah-ceramah bimbingan haji oleh guru-guru agama yang berwibawa dan ini memberikan saya rasa keyakinan

yang lebih pada para jemaah berbanding dengan saya pergi sembilan tahun yang lalu dimana kita rasa tertanya-tanya antara satu dengan lain.

Selain daripada itu mulai pada tahun lepas saya difahamkan bahawa Tabung Haji telah menyediakan satu tempat transit sebelum kita bertolak balik. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini masih ingat sebelum ini kita kadang-kadang para jemaah terpaksa menunggu di Lapangan Terbang Jeddah sampai dua tiga malam, ada pun yang telah menghabiskan duit Riyalnya di Mekah kerana menganggap bahawa pada esoknya atau malam ini mereka akan terbang, tetapi oleh kerana penangguhan penerbangan menyebabkan mereka terpaksa tidur dan berlepak sahaja di Lapangan Terbang Jeddah sampai dua tiga malam.

Jadi dengan adanya tempat atau asrama yang telah disediakan di Jeddah ini yang dinamakan Madinatulhujaj memberikan bukan sahaja tempat tidur bahkan makanan yang begitu baik kepada para jemaah, dan satu lagi menarik beg-beg kita ditimbang, di asrama itu sendiri dan ini menghilangkan kesusahan, kepayahan untuk mengangkat - terpaksa pula terutama orang-orang lama, orang-orang yang agak uzur untuk mengangkat beg. Jadi di situ pegawai-pegawai dan juga anggota Tabung Haji dapat membantu mengumpulkan beg dan membantu menimbang di tempat asrama ini. Ini satu perkhidmatan yang cukup baik dan bila confirm atau disahkan penerbangan barulah mereka menaiki bas pergi ke Lapangan Terbang seterusnya naik kapal terbang.

Jadi ini satu kita ucapkan tahniah di atas peningkatan perkhidmatan yang telah kita sebut tadi, dengan pakar rujukan, guru agamanya, tempat-tempat asrama yang disediakan dan begitu juga dengan perkhidmatan kesihatan yang kita lihat disediakan di setiap maktab dimana di sekeliling Masjidilharam itu, begitu juga di Madinah tempat yang berdekatan Masjidilharam itu sendiri. Jadi kita rasa inilah di antara perkara-perkara yang telah membantu jemaah haji kita mengerjakan haji dengan lebih berkeyakinan dan lebih selesa. Bagi pesakit-pesakit Hospital Aziziyah di mana para doktornya, jururawatnya dan pembantu-pembantunya orang kita, dan ini memudahkan pesakit-pesakit berkomunikasi dengan perawat-perawat mereka.

Nampaknya hospital kita bukan sahaja membantu orang-orang Malaysia, ada juga orang Indonesia, dan orang Thailand dan orang lain yang datang terus diberikan perkhidmatan. Namun begitu apa yang timbul pada tahun ini ada sedikit yang boleh diperbaiki lagi supaya

Tabung Haji tidak diperkatakan atau dikritik dengan begitu hebat pada tahun ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi bahawa pada tahun ini ramai bilangan mereka terperangkap yang tidak dapat menunaikan fardu haji.

Ini ialah kerana saya rasa maklumat tentang pemergian ataupun melalui konsortium ataupun swasta yang menguruskan ini tidak sampai kepada mereka. Bayangkanlah ada di antara saudara-saudara kita atau rakan-rakan kita yang sudah pun atau yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Zuki tadi bukan sahaja beritahu saudara mara, sudah kenduri, ada yang sudah berada di lapangan terbang menunggu penerbangan tetapi tidak dapat terbang kerana tidak dapat visa. Malangnya bila perkara ini berlaku nampaknya semua menunding jari kepada Tabung Haji mengatakan Tabung Haji yang tidak memberikan visa dan sebagainya. Jadi oleh itu kesan daripada kekecewaan ini bukan sahaja pada orang yang hendak menunaikan fardu haji ini - bayangkan anak-anak yang datang daripada tempat jauh yang telah bercuti untuk menghantar ayah dan bonda berangkat ke tanah suci, tetapi tidak berjaya. Begitu juga pergi kali kedua dan inilah yang kita katakan sedikit-sebanyak boleh menjejaskan nama baik Tabung Haji.

Oleh itu kita berharap sangat kerja-kerja yang telah dibuat dengan begitu baik kali ini dapat dipertingkatkan seperti nama-nama konsortium dan syarikat-syarikat swasta yang hendak menguruskan Tabung Haji ini mestilah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jemaah-jemaah mereka. Nama-nama mereka ini mesti dipaparkan di pejabat Tabung Haji di daerah-daerah dan pejabat Tabung Haji bertanggungjawab juga membantu para jemaah ini kalau mereka hendak pergi dengan swasta, swasta mana yang dia hendak pergi.

Kalaulah dia ada anak syarikat daripada konsortium atau swasta ini, mereka juga mesti menyebutkan siapakah atau syarikat manakah, konsortium manakah mereka menjadi ejen. Kalau mereka terkeluar daripada senarai, maka kita atau Tabung Haji boleh menasihatkan kerana syarikat ini tidak masuk dalam daftar, sekali gus kita membantu orang daripada kesusahan ini.

Saya juga difahamkan Tabung Haji mempunyai sebab kadang-kadang sebagaimana Yang Berhormat Dato' Menteri sebutkan pagi tadi, ada juga syarikat-

syarikat yang cuba tidak jujur kepada para jemaah haji, ini kita akui. Contohnya, kebetulan saya dapat berbual dengan salah seorang pengendali di kawasan Asia Timur ini tentang jemaah haji daripada Mekah, dia berkata, ada setengah-setengah syarikat swasta ini tidak membayar wang makan di Arafah dan juga di Mina, yang mana di situ tidak dibenarkan masak. Jadi, syarikat swasta ini masuk dengan begitu, begitu juga dengan perkhidmatan kesihatan, mereka tidak sediakan.

Jadi, oleh itu barangkali bekalan ubat yang dibawa mungkin tidak mencukupi kerana mengikut Tabung Haji mereka membawa sekadar yang berdaftar dengan mereka. Jadi, ini masalah-masalah yang patut diatasi supaya jemaah-jemaah haji kita tidak menyalahkan Tabung Haji. Begitu juga kita memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para jemaah kita.

Saya percaya bahawa jika perkara ini dapat diatasi, perkara tidak dapat terbang ke tanah suci ini tidak timbul lagi, biarlah peristiwa tahun ini menjadi sejarah dan kenangan, mungkin pahit bagi mereka yang telah mengalaminya tetapi kita boleh meningkatkan perkhidmatan ini melalui perkhidmatan yang lebih baik.

Saya bersetuju kalau sekiranya Tabung Haji meneruskan, bahawa membenarkan konsortium dan pihak swasta ini menjalankan atau mengusaha sama untuk membawa jemaah-jemaah pergi ke tanah suci, sebab sebagaimana yang kita maklum kalau hari ini kita mendaftar sebagai jemaah haji untuk pergi haji, tahun 2007 nanti baru kita dapat pergi ke tanah suci. Bayangkan kalau orang yang sudah umurnya 60 – 70 tahun hendak tunggu lagi 6 – 7 tahun, wallahualam.

Begitu juga bagi orang yang mungkin tidak ada kesempatan pada masa yang sama. Saya memuji Tabung Haji sebab ada juga usaha-usaha hendak memintas, potong masuk, kata mereka tidak boleh kerana mengikut merit atau giliran. Kalau tidak masuk memang tidak boleh dan ini atas ketegasan Tabung Haji ini kita ucapkan tahniah. Pendek kata tidak ada masuk pintu belakang. Ini satu ketegasan yang baik tetapi ada juga kelemahan-kelemahan di mana ini kita boleh dapat atasi dengan membenarkan pihak swasta ataupun konsortium yang bergabung dengan Tabung Haji membenarkan orang-orang yang mungkin ada kelapangan dalam masa 1 – 2 tahun ini,

tidak perlu menunggu 6 tahun, misalnya anak kita tidak ada terlibat dengan peperiksaan, kesihatan barangkali agak baik atau lain-lain sebab.

Jadi, pendek kata alternatifnya ada, Tabung Haji menjalankan demikian dan begitu juga kelapangan ataupun kelonggaran diberi kepada pihak swasta. Selain daripada itu kita lihat ini juga memberikan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat swasta ataupun konsortium ini di mana kita tahu ramai terdiri daripada bumiputera.

Perkara yang kedua ingin saya bangkitkan ialah sebagaimana yang telah kita maklum banyak tumpuan yang telah kita berikan di bidang pendidikan, sekolah rendah, menengah termasuklah institusi pengajian tinggi yang bilangannya semakin hari semakin bertambah dalam usaha untuk mencerdikpandaikan anak-anak kita ini. Kita bersyukur hari ini, peluang ini telah terbuka luas kepada anak-anak kita berbanding dengan kita dan ibu bapa kita yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita telah buat dalam pendidikan ini, nampaknya ada usaha seolah-olah kita tidak begitu mementingkan anak-anak kita yang sederhana dalam pelajarannya ataupun yang lemah sedikit dalam pelajarannya. Saya ambil contoh, misalnya kita sediakan asrama penuh bagi anak-anak kita yang berjaya di peringkat sekolah rendah, maknanya anak-anak kita yang cemerlang dari segi pendidikan, dapat 5A dan sebagainya. Begitu juga kita menyediakan sekolah bestari, sekali lagi bagi anak-anak yang berkemampuan dari segi pendidikan.

Kemudian anak-anak yang berjaya ini pula diberi tempat di pusat pengajian tinggi awam ataupun swasta. Semua ini dibantu dengan biasiswa dan sebagainya, tetapi bagaimana dengan anak-anak kita yang sederhana dalam pelajarannya, dia tidak dapat Gred 1 atau 2, dia mungkin dapat Gred 3. Ini bukan salah mereka, kalau kita lihat keupayaan mental berbeza-beza dan tentunya anak-anak kita ini semuanya tidak berjaya dari segi akademik. Ini menjadi satu fenomena dalam masyarakat kita, di mana kadang-kadang ibu bapa lebih memuji dan memuja anak-anaknya yang berjaya dalam akademik di sebaliknya memomok-momokkan pula bagi anak-anak yang kurang

berjaya tanpa menyedari bahawa ini adalah satu tekanan perasaan dan jiwa kepada anak-anak muda ini.

Kita lihat pula ke mana mereka hendak pergi, anak yang berjaya dalam pendidikan dia boleh masuk menjadi guru, masuk institusi pengajian tinggi di sana sini tetapi anak-anak di peringkat Gred 3, mereka terpaksa masuk lapangan buruh dan itu pun kalau ada. Mereka ini juga ada maruah, dia juga malu, dia tidak mahu kerja di ladang sekarang sebab ladang sudah dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Jadi, inilah di antaranya menyebabkan kadang-kadang anak-anak inilah yang menjadi punca kepada gejala sosial.

Saya ambil contoh, misalnya dulu kita ada sekolah vokasional, anak-anak yang kurang berjaya dari segi SRP dimasukkan di sekolah vokasional, tetapi sekarang ini oleh kerana kita sudah ada kemampuan, kerajaan kita telah meningkatkan sekolah-sekolah vokasional ini dengan peralatan yang lebih baik, dengan guru-guru yang lebih berwibawa, berpendidikan tinggi maka sekolah-sekolah vokasional ini banyak telah dinaikkan taraf menjadi sekolah-sekolah teknik. Sekolah-sekolah teknik ini pula dipilih sekali lagi anak-anak yang baik, mungkin tidak sebaik yang dapat masuk ke universiti ataupun ke ITM tapi masih lagi dalam golongan anak-anak yang berjaya.

Anak-anak yang kurang berjaya dari segi PMR tadi, sekali lagi tertinggal. Saya ambil contoh di tempat saya di Kluang, sekolah vokasional telah diupgrade menjadi sekolah teknik dan saya percaya banyak dalam kenyataan Kementerian Pendidikan di mana sekolah-sekolah vokasional telah dinaikkan taraf. Kita akui dan kita sanjung tinggi usaha anak-anak yang berjaya ini diberi tempat dan ini sudah semestinya. Tetapi apa yang saya hendak tekankan bahawa jangan sekali-kali kita mengabaikan potensi anak-anak ini yang kita kata mungkin kurang mampu dari segi mental tetapi dia mempunyai bakat-bakat semula jadi yang Allah telah berikan kepada mereka.

Oleh itu, kita melihat kadang-kadang hendak salahkan anak-anak ini sangat pun tidak boleh. Mengapa mereka jadi begitu? Kalau kita lihat kadang-kadang ada berpuncanya daripada emak ayah, keruntuhan rumah tangga kadang-kadang. Ibu bapa ada tetapi agak terabai anak-anak ini lantaran kita sibuk bekerja, ibu ayah bekerja

untuk menambah penghidupan. Anak-anak ini terbiar. Inilah di antara faktor-faktor bahawa yang membawa kepada anak-anak ini lemah, bukan kerana anak-anak itu sendiri lemah.

Jadi, oleh itu dari segi keadilan dan jangan lupa mereka ini juga merupakan bilangan anak-anak muda yang ramai. Kita percaya dari segi kemampuan mental, purata 30%-40% anak-anak kita mampu ke pusat pengajian tinggi tetapi pada masa yang sama 30%-40% juga anak-anak kita ini yang tercicir, ketinggalan, simpati kepada mereka. Lantaran itulah mereka lepak di sana sini dan nasib mereka kalau tidak baik bergaul atau digauli pula dengan penagih-penagih dadah, mereka yang tidak berdosa, anak yang mentah ini. Inilah yang kita katakan gejala sosial.

Oleh itu, daripada kita membina lebih banyak pusat-pusat serenti yang menempatkan anak-anak yang sudah pun terjerumus dengan masalah-masalah dadah misalnya lebih baik lagi kita bina sekolah-sekolah vokasional ataupun sekolah-sekolah yang memberikan kemahiran hidup yang kita tahulah Kementerian Pendidikan sudah berusaha ke arah ini tetapi masih lagi ada lompong yang belum dipenuhi. Kita tahu bahkan di sekolah rendah pun telah disebut tentang kemahiran hidup. Di sekolah menengah pun begitu tetapi pengisiannya belum begitu berjaya. Walaupun kita dengar dalam falsafah pendidikan negara kita, Kementerian Pendidikan telah menyatakan bahawa ia akan memajukan setiap potensi yang ada pada anak-anak ini tetapi percayalah saya adalah bekas seorang pendidik, tanggungjawab guru sebenarnya tidak mampu untuk menterjemahkan apa yang ada dalam falsafah pendidikan negara pada hari ini kerana beban kerja yang begitu banyak dan juga tumpuan tidak dapat diberi untuk develop potensi setiap anak-anak itu.

Walaupun kita nampak anak di tingkatan tiga sudah ada kemampuan, ada yang minat dalam sukan, ada yang kreativiti dalam drama, ada yang baik dari segi lukisan, kerja tangan dan sebagainya, ini boleh, sebab kita lihat anak-anak ini kalau diberi peransang dan semangat, mereka manusia biasa, kalau diberi pujian, diberi kesempatan, dia boleh develop. Inilah yang kita rasa kekurangan dan kita rasa berdosa, anak-anak ini yang sepatutnya tanggungjawab kita hari ini, kita gilap potensi

mereka, peluang itu terlepas begitu sahaja. Samalah kita melihat bapa-bapa kita dahulu tidak ada peluang untuk pergi ke universiti, bukan kerana mereka tidak pandai tetapi tempatnya tidak ada. Kita hari ini, anak-anak kita, kita berasa bersyukur kerana peluang ada, tempat ada, ini yang kita mahu. Jadi, oleh itulah saya sangat-sangat berharap bahawa anak-anak kita yang dalam golongan sederhana ini, kita beri peluang dari segi vokasionalnya dan kemahiran hidupnya, inilah dinamakan potensi mereka kita gilap. Jadi, ianya tidak mati dengan begitu sahaja.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, dengan ini juga, insya-Allah, anak-anak ini akan menjadi pemuda yang berguna di samping itu, akan terbentuk keluarga yang bahagia dan sekali gus dapat kita mengatasi masalah-masalah sosial bukan sahaja kepada mereka tapi juga generasi yang akan datang. Sebab kalau mereka ini terumbang ambing, ia juga akan membina keluarga yang terumbang ambing dan akhirnya generasinya juga akan terumbang ambing. Oleh itulah melihatkan keadaan ini sekali gus kita merasa bertanggungjawab untuk memberikan satu pendidikan, satu peluang supaya mereka, anak-anak yang tidak berapa maju dari segi pendidikan ini dapat kita bina bersama menjadi rakyat yang berguna bagi tanah air dan negara kita.

Jadi, oleh itulah sekali lagi dan saya akhirnya mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekarang ini saya hendak tahu siapa lagi yang hendak berucap sebab masa kita banyak lagi. Saya hendak berucap tidak boleh sebab saya duduk di atas ini, kalau tidak, saya boleh berucap di bawah. Kalau tidak ada, saya hendak beritahu Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail kena wakilkan saya duduk di atas ini, saya pergi ke bawah. Ada yang hendak berucap? Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani iaitu ahli Senator baru kita membuat maiden speech dia, sama-samalah kita mendengarnya. Silakan.

4.14ptg.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 April 1999 semasa perasmian Parlimen Penggal Kelima.

Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis yang telah memberi peluang bagi saya untuk menduduki kerusi Ahli Dewan Negara. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Parlimen Malaysia yang menerima perlantikan saya. Saya akan cuba memberi perkhidmatan sebaik mungkin bagi melaksanakan tugas yang pada hemat saya amat mencabar sekali.

Sebagai seorang bekas pendidik yang telah berkhidmat lebih 40 tahun, saya akan menggunakan pengalaman yang ada untuk menyampaikan pandangan saya dalam isu pendidikan semasa. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan kerajaan kepada rakyat negara kita. Saya boleh membuktikan bahawa negeri Perlis sebagai contoh yang satu masa dahulu sebagai negeri yang paling mundur tetapi pada masa sekarang kemudahan-kemudahan dalam segi pendidikan amat ketara sekali.

Menyentuh tentang guru-guru, saya menarik perhatian ahli Dewan bahawa perbezaan guru lama seperti saya dan guru-guru sekarang amat ketara sekali di mana semangat dedikasi kian merosot. Masa dahulu guru tidak sahaja mengajar di sekolah tetapi melibatkan diri dalam berbagai-bagai kegiatan di kampung. Tegasnya, guru merupakan pemimpin kecil yang serba boleh dan tidak menyisih diri dalam pergolakan masyarakat.

Seperkara lagi pada masa ini saya dapati amat sukar untuk mendapat khidmat sukarela dari anggota masyarakat kita. Saya mendapati semasa lawatan saya ke luar negeri ke England umpamanya, saya dapati ahli-ahli cerdik pandai di sana setelah bersara dari jawatan terus bergiat dalam kegiatan sosial. Masa lapang mereka umpamanya, datang ke sekolah untuk membantu guru-guru mengajar dan juga mengendalikan urusan persekolahan secara percuma.

Saya difahamkan bahawa untuk melahirkan semangat sukarelawan ada hubung kaitnya dengan kurikulum sekolah. Tegasnya, semasa di sekolah kanak-kanak dan pelajar-pelajar di England diberi pendedahan tentang tanggungjawab mereka bila keluar dari sekolah terhadap masyarakat.

Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menyemak semula kurikulum sekolah kita supaya tugas kita tidak sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi merangkumi pembentukan sahsiah bagi generasi baru yang bersemangat dedikasi, tidak sahaja bertugas secara rasmi tetapi memenuhi masa lapang yang ada dengan kerja-kerja kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan yang telah membina sebuah kompleks penyayang yang dinamakan Kompleks Dr. Siti Hasmah di Perlis yang sepanjang pengetahuan saya bahawa kompleks tersebut satu-satunya kompleks kebajikan yang pertama seumpama ini diadakan di Malaysia. Sayang sedikit, bersebelahan dengan kompleks tersebut terdapat markas parti PAS yang sedikit sebanyak mengganggu ketenteraman kompleks dengan bunyi bising hasil ceramah yang dibuat siang dan malam.

Perlantikan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara merupakan satu kehormatan yang besar kepada warga tua. Sebagai seorang veteran UMNO, saya menyimpan bahan sejarah perjuangan UMNO dari sejak UMNO ditubuhkan. Hasil dari perkhidmatan baik kerajaan dalam bidang kesihatan dan perubatan, rata-rata saya mendapati orang tua agak lebih sihat dan panjang umur.

Menyentuh tentang isu warga tua, saya ingin menyarankan agar kerajaan mengadakan pusat harian warga tua di setiap daerah bagi membolehkan warga tua mengambil kesempatan datang untuk mengadakan aktiviti harian mereka. Pihak kerajaan saya rasa perlu melaksanakan demi mengenang jasa dan sumbangan dari warga tua yang telah berjasa kepada negara setidak-tidaknya warga tua berjasa kepada keluarganya sendiri.

Menyentuh tentang bidang kebajikan, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terhadap segala bantuan yang telah diberi kepada orang-orang miskin di kampung, anak yatim, orang kurang upaya dan sebagainya. Saya dapati sekarang ini pelbagai pertubuhan kebajikan telah wujud tetapi sebahagian daripadanya dalam keadaan 'hidup segan mati tidak mahu'.

Saya menyarankan supaya dasar bantuan kepada badan-badan kebajikan disemak semula dari semasa ke semasa. Pada hemat saya, ketiadaan peruntukan yang cukup menyebabkan badan-badan kebajikan tidak dapat bergerak cergas. Adalah menjadi harapan saya agar kerajaan lebih prihatin bagi membantu badan-badan sukarela supaya matlamat memberi khidmat kepada pelbagai kumpulan sasar masyarakat tidak terjejas.

Akhir kata, saya menaruh keyakinan bahawa kesempatan yang saya perolehi ini dapat saya habiskan tempoh yang diberi kepada saya bagi menyarankan segala pandangan dan teguran terhadap isu-isu semasa mengenai bidang kebajikan, bidang pendidikan iaitu bidang saya dan khususnya kepada masalah-masalah warga tua. Sebagai seorang anak watan yang telah menerima pelbagai nikmat daripada kerajaan, saya harus membalas dengan memberi perkhidmatan yang berterusan kepada masyarakat selagi ada kemampuan, tenaga dan fikiran. Saya bercadang tidak membuat ucapan yang panjang lebar ucapan sulung saya ini, berilah saya peluang untuk mendengar, meneliti sepanjang-panjang perbahasan ini dan yang demikian membolehkan saya membuat kajian yang teliti mengenai isu-isu semasa yang akan saya ketengahkan nanti. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya bercakap. Saya menyokong di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima Kasih, Yang Berhormat Haji Abdul Malek dari perlis. Yang Berhormat hendak berucap?

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: Hendak berucap.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Baik, terima kasih, teruskan.

4.23 ptg.

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dalam sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang saya kira sehingga ini telah berjaya mengawal penularan wabak JE. Ini adalah merupakan sebagai satu pengalaman pahit kepada seluruh rakyat Malaysia di mana sebilangan besar rakyat kita ini telah menemui ajal kesan daripada serangan wabak ini. Eloklah kita mengambil iktibar daripada pengalaman ini agar permasalahan yang sama dapat kita atasi dengan perasaan yang tabah, efisien di masa-masa yang akan datang. Kita harus menyemak kembali dan menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan sendiri dalam mengatasi wabak sebegini.

Saya perhatikan pada peringkat permulaan, penularan wabak, pengurusan membendung permasalahan dan mengawal penularan wabak ini agak kucar-kacir. Kita tidak nampak jentera kerajaan yang mana seharusnya dipertanggungjawabkan untuk meneliti dengan serius ke atas kawalan penularan wabak ini. Hanya di peringkat akhir kawalan barulah kita nampak dan kita merasa yakin berhubung dengan pengurusan kawalan yang dilaksanakan. Di akhir-akhir ini sahaja barulah kita rasakan bagaimana penyelarasan tindakan di antara jabatan-jabatan kerajaan dapat memberi sumbangan yang berkesan mengawal penularan wabak ini. Kematian adalah merupakan kuasa Tuhan semata-mata. Namun kita sebagai insan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mencegah wabak daripada terus merebak. Dengan akal yang telah Tuhan berikan kepada kita, dengan tindakan yang betul, berkemungkinan besar bilangan rakyat kita yang meninggal dunia akan dapat diperkecilkan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba melihat penularan wabak ini daripada perspektif yang lebih positif. Sekiranya kita dapat memastikan elemen sekitar tempat kita berada di dalam keadaan yang bersih, wabak

seperti ini atau apa-apa wabak penyakit yang mungkin menular di masa-masa akan datang dapat dicegah dengan lebih berkesan. Saya berharap semua pihak memberikan penekanan yang serius kepada permasalahan kekotoran yang pada hemat saya di akhir-akhir ini tidak begitu ambil berat.

Saya fikir pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk memastikan persekitaran ini bersih. Namun masih terdapat banyak ruang yang kita boleh ambil tindakan ke tahap kebersihan dan persekitaran yang conducive. Demi menjamin wabak-wabak sebegini tidak menular lagi di negara kita eloklah sekiranya kita sama ada pihak kerajaan, syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan mahupun rakyat sendiri bertindak lebih agresif dalam memastikan persekitaran yang lebih bersih. Eloklah sekiranya satu jawatankuasa khas ditubuh yang terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk menggerakkan jentera kerajaan dalam mengatasi isu-isu sebegini di masa-masa yang akan datang.

Program kawalan vektor hendaklah dibekalkan semula di mana kedudukan unit ini pada ketika ini hendaklah dikaji kemampuannya, kemahirannya, kepentingannya, sistem berkomunikasi dan kaedah penyelarasan yang berkesan hendaklah dijadikan sebagai kriteria untuk memperkemaskan semula keberkesanan tindakan unit ini. Saya kagum dengan Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Nasional yang telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 20 April lalu dan minta agensi-agensi yang berkaitan dan yang telah diamanahkan untuk memastikan saranan yang telah dibuat dapat diakuri.

Di sini juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang di-Pertua MCA yang telah dengan cepatnya mewujudkan satu tabung untuk membantu mangsa-mangsa JE. Kalau tidak silap saya, sehingga hari ini tidak kurang daripada RM6 juta telah dikutip dan insya-Allah RM20 juta akan dikutip dan dengan secepatnya wang ini telah disalur kepada mangsa-mangsa yang perlu bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk memusatkan gerakan babi dengan mempertingkatkan kawalan kebersihan dan sebagai jaminan pencegahan kepada sejenis wabak yang kemungkinan

hadir adalah merupakan satu keputusan yang bijak dan satu titik permulaan pengurusan penternak komersial yang bertaraf profesional. Ini adalah merupakan sebagai satu usaha yang menyumbang ke arah pengurusan yang lebih berkesan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengawalan vektor pembawa penyakit.

Satu jaminan nampaknya telah dihadirkan oleh pihak kerajaan untuk memastikan penternak sedia ada yang saya kira telah mengalami kerugian yang sangat besar untuk memulakan satu kehidupan baru dengan kaedah pengurusan yang juga baru lagi profesional. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada kerajaan-kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama yang sangat utuh dalam mengenal pasti dan menyediakan kawasan-kawasan yang bersesuaian untuk menternak babi.

Saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar pengurusan penternak profesional ini tidak semata-mata dikhususkan kepada penternak-penternak babi sahaja. Kita tidak tahu entah apa wabak pula yang akan datang dan di mana. Oleh itu saya ingin menyarankan di sini agar usaha yang sama untuk memastikan semua jenis penternakan ke atas apa-apa jenis ternakan hendaklah juga difikirkan dan diusahakan. Ini termasuk ternakan lembu, kambing, ayam dan apa-apa ternakan yang saya kira sesuai diuruskan secara komersial. Tidak lama pada masa dahulu, di Hong Kong, wabak flu virus yang melanda ayam, berjuta-juta ayam perlulah dimusnahkan. Dengan ini juga kalau kita tidak kawal dengan secara yang betul dan secara baru mungkin wabak-wabak yang boleh serang ayam di Hong Kong boleh turut serang kepada ayam-ayam, burung-burung di negara kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya saksikan terdahulu, banyak bahan kimia digunakan dalam usaha melupuskan vektor pembawa penyakit terutamanya nyamuk. Saya kira penggunaan racun kimia secara berleluasa berkemungkinan besar boleh mencemarkan persekitaran kita dan berkemungkinan dalam jangka masa panjang boleh mendatangkan pelbagai permasalahan kesihatan. Mungkin ikhtiar dapat diusahakan dan difikir oleh ahli-ahli ilmu kita untuk menggunakan lebih banyak bahan-bahan atau makhluk semula jadi sebagai ejen yang mengawal pembiakan vektor

pembawa penyakit ini. Mungkin dengan usaha memperbanyakkan populasi katak, cicak, kelawar atau burung-burung tentulah dapat mengurangkan bilangan serangga pembawa penyakit. Ini termasuklah nyamuk atau dengan penternakan ikan-ikan kecil seperti 'guppy' tentulah di dalam tempat-tempat air yang tertentu bolehlah mengawal pembiakan populasi jentik-jentik. Ini adalah merupakan cadangan dan saya kira kalau diusahakan secara serius ia boleh mendatangkan satu kesan yang positif untuk kesejahteraan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan banyak peruntukan telah disediakan oleh kerajaan dalam program pembangunan belia demi menerapkan nilai-nilai murni dan membentuk sikap yang positif lagi kreatif di kalangan belia kita. Penekanan yang diberikan untuk membina siasah diri dengan kekuatan dalam individual belia yang dilaksanakan selama ini telah banyak memberi sumbangan dalam mewujudkan golongan belia atau remaja yang mantap lagi sopan. Usaha-usaha yang dijalankan adalah untuk memastikan satu ketika nanti mungkin dalam tahun 2020 kita akan dapat golongan belia yang benar-benar mantap yang cinta dan sayangkan negara kita. Kita sebagai masyarakat Timur adalah kaya dengan adat ketimuran dan saling menghormati kepada yang lebih tua dan sentiasa menunjukkan sikap kesopanan kita.

Namun usaha gigih yang dilaksanakan selama ini tidak dapat mendatangkan kesan positif sebagaimana yang kita harapkan kepada sebilangan besar para remaja. Masalah remaja yang berkelakuan tidak sopan, memandu laju, peningkatan peras ugut, pecah rumah, mencari reformasi sana, reformasi sini adalah antara beberapa isu yang di akhir-akhir ini merupakan isu harian. Kita tidak seharusnya mengeluh dengan tatakelakuan para remaja kita ini. Kita seharusnya berfikir secara terbuka dan melihat ini sebagai masalah yang boleh diperbaiki sekiranya kita memberikan sepenuh komitmen dan kita mempunyai perancangan serta pelaksanaan yang betul dalam menghadapi permasalahan sebegini.

Walaupun isu sebegini telah banyak kali diperkatakan serta banyak keputusan yang telah kita dengar dan sebahagian besarnya telah dilaksanakan, namun dalam beberapa hal kita kurang memberi tekanan ke atas kesan daripada beberapa program

yang telah kita jalankan. Saya menyarankan di sini agar mana-mana pihak yang melaksanakan apa-apa program untuk memperbaiki tatakelakuan diri remaja membentuk budaya remaja cemerlang. Kita seharusnya mengambil langkah dan tindakan yang berterusan dan setiap usaha yang dijalankan hendaklah dianalisis kesannya agar tindakan selanjutnya yang lebih bersesuaian dapat diperkenalkan dan dilaksanakan. Saya berucap sebegini kerana saya berasa begitu terkilan dengan sebilangan remaja kita begitu mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan tidak bertanggungjawab seolah-olah para remaja kita tidak berpendirian.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang semakin mekar lagi mampan tidak akan memperlahankan pembangunan bandar-bandar di negara kita. Saya mengharapkan kepesatan pembangunan hendaklah selaras dengan pembangunan rohani dan biarlah pembangunan ini memberikan makna dan manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat. Program Masyarakat Penyayang, Bandar Sejahtera dan Selamat serta apa-apa program yang menyemarakkan pembangunan rohani hendaklah diberi tumpuan utama dalam membendung pelbagai gejala masyarakat. Kadang-kadang kita terlupa untuk mempertimbangkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan masyarakat tua di bandar.

Kita menyediakan kemudahan-kemudahan secara am untuk penghuni masyarakat bandar, tetapi dalam hal-hal kemudahan yang bersesuaian untuk golongan tua ini tidak kita tekankan, di kawasan taman dan di bawah pokok yang rendah pada satu ketika dulu adalah merupakan sebagai tempat di mana golongan tua, warga tua berkumpul bersama-sama yang terdiri daripada pelbagai kaum di masa-masa tertentu, namun ketika ini demi pembangunan beberapa tempat riadah untuk masyarakat tua telah tidak ada dan semakin berkurangan. Saya ingin merayu di sini agar pihak kerajaan dan kementerian yang bersesuaian untuk mengambil langkah-langkah tertentu demi memastikan adalah kemudahan dan tempat riadah yang bersesuaian untuk golongan tua di bandar-bandar. Ini merupakan sebagai unsur perpaduan dan saya melihat ini merupakan sebagai satu usaha yang akan menghadiri sumbangan yang

positif kepada seluruh masyarakat menyebabkan perpaduan di antara kaum. Eloklah setiap pengusaha tempatan menyediakan ruang yang sesuai untuk maksud ini dan sedikit peruntukan disediakan untuk mandiri wakaf-wakaf yang bersesuaian dengan beberapa keperluan lain sebagaimana yang diperlukan oleh masyarakat warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang memperkatakan dan menyokong usaha-usaha kerajaan memantapkan ekonomi negara kita. Oleh sebab pada pagi saya tidak ambil bahagian dalam bahas iaitu Kertas Putih, saya ambil kesempatan di sini hendak berucap sedikit berkaitan dengan ekonomi kita. Saya juga merupakan sebagai Ahli yang tidak terkecuali untuk membahaskan isu yang berkaitan dengan perihal ekonomi negara kita, saya juga belum terlambat untuk mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang telah mengekalkan kembali kedudukan ekonomi di negara kita. Usaha bersungguh-sungguh yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah memaparkan perkembangan yang positif dan petanda yang baik untuk pembangunan ekonomi yang lebih cerah. Walaupun begitu dalam kita mempergiatkan usaha-usaha ke arah peningkatan dan keutuhan ekonomi ini saya melihat ada beberapa golongan masyarakat yang mengaku sebagai rakyat yang setia di negara ini yang tidak berpuas hati dengan usaha kerajaan dan sentiasa berusaha mencari jalan untuk menghalang usaha murni yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kadang-kadang tindakan mereka ini melampau batas. Mereka seolah-olah ingin membuktikan kepada dunia bahawa negara kita yang aman sejahtera sebagai sebuah negara yang kucar-kacir. Mereka juga ingin membuktikan kepada dunia bahawa negara kita tidak ada kestabilan baik di dalam politik mahupun ekonomi. Mereka berusaha bersungguh-sungguh memberitahu dunia tentang keburukan-keburukan yang berlaku di negara kita. Tidak cukup dengan bukti yang nyata, mereka melemparkan pelbagai fitnah dan mereka sanggup menipu, pada saya mereka ini adalah pengkhianat negara. Semakin kuat kita berusaha menstabilkan keadaan ekonomi semakin kuat pula mereka berusaha memburukkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini adalah penkhianat negara, usaha berlemah-lembut dan bertolak-ansur daripada kerajaan yang dilaksanakan selama ini

dipergunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk memporak-perandakan negara kita ini sendiri. Saya menyarankan di sini mana-mana pengkhianat negara yang dikesan dan yang telah dapat dibuktikan hendaklah diambil tindakan yang bersesuaian. Tindakan yang lebih keras agar kegiatan-kegiatan memporak-perandakan yang dilakukan oleh mereka selama ini dapat dibanteras dan usaha serius daripada kerajaan ke atas mereka ini sesungguhnya boleh memberi pengajaran kepada pihak lain yang sedang dipengaruhi oleh golongan yang kurang bertanggungjawab ini. Eloklah kita mengakhiri tindak-tanduk beberapa golongan masyarakat yang sentiasa ‘menangguk di air keruh’, ‘menahan lukah dipergentinganan’ dan ‘membaling batu sembunyi tangan’.

Berbalik semula ke atas usaha kerajaan memantapkan dan kestabilan ekonomi negara, saya begitu kagum dengan penghayatan kecermerlangan indeks BSKL berbanding dengan bursa-bursa saham utama di seluruh dunia. Penghayatan yang begitu ketara adalah merupakan sebagai kesan daripada beberapa usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan selama ini. Pengukuhan dalam BSKL sudah tentulah akan dapat peningkatan keupayaan sektor korporat dalam menjana dana-dana untuk pelaburan-pelaburan baru dalam pasaran modal melalui terbitan-terbitan saham. Semua usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah bergantung kepada kemahiran, kepantasan dan keberkesanan pelaksanaan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan, dan ini memerlukan sokongan yang kuat daripada setiap lapisan masyarakat terutamanya masyarakat peniaga.

Dalam pada itu saya merasa kesal ke atas beberapa peminjam-peminjam daripada bank-bank tertentu yang telah meminjam lebih daripada had kemampuan membayar dan pengurusan bank yang sewenang-wenangnya membenarkan pinjaman melampaui had kelulusan. Saya sangat gembira melihat dalam surat khabar adalah seorang CEO sebuah bank telah diambil tindakan oleh sebab beliau telah memberi pinjaman lebih daripada hadnya sampai satu tahap RM150 juta telah diberi kepada orang-orang ini lebih daripada had pengurus atau pengarah bank itu. Saya haraplah lebih ramai pengurus atau siapa yang buat kesilapan dalam pinjaman ini dengan izin, brought to justice.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya tidak dapat duduk dengan selesa selagi saya tidak memperkatakan hal ini. Saya merasakan begitu kecewa dengan tindakan beberapa pemimpin daripada parti-parti pembangkang yang cuba menonjolkan diri masing-masing dengan mengambil kesempatan daripada beberapa permasalahan yang sedang kita hadapi. Mereka mengambil kesempatan daripada kes wabak JE, mereka juga mengambil kesempatan daripada ketidakstabilan ekonomi dan mereka juga mengambil kesempatan daripada apa-apa sahaja perkara yang mereka rasa sesuai dengan selera mereka. Dalam beberapa hal kita tidak pernah menyaksikan bahawa mereka memberikan bantuan apabila negara berhadapan dengan masalah-masalah ataupun kecelakaan. Mereka sanggup menghalangkan cara dan membelakangkan kepentingan negara, mereka menggunakan pelajar-pelajar dan mereka tidak memaparkan kesetiaan serta kejujuran mereka kepada negara ini.

Dalam usaha mencari populariti mereka sanggup melakukan apa sahaja, rakyat meminta apabila berhadapan dengan masalah banjir, wabak dan kebakaran. Rintihan ini dijadikan sebagai model kepada mereka bukan untuk membantu mangsa-mangsa berkenaan tetapi semata-mata untuk menonjolkan diri mereka seolah-olah mereka hilang pedoman, tidak berkredibiliti dan mereka merasa kecewa dengan kejayaan demi kejayaan yang dipaparkan oleh pihak kerajaan sehingga sampai satu peringkat mereka sanggup memfitnah dan menipu. Saya kira mereka sedang dihadapi oleh wabak penyakit. Dan dalam hal ini, saya menyeru pihak kerajaan, wabak yang sebagai itu tidak perlulah kita berubat biarlah kuman wabak ini menular sesama mereka dan biarkan mereka terjun dengan labu-labunya.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan ke atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat N. Marimuthu.

4.51 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini merakamkan ucapan terima kasih ke bawah Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 April 1999 sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Kesembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh banyak perkara pada keseluruhannya yang terus berada di dalam keadaan stabil, terjamin dan aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menekankan

pelbagai langkah perlu diambil untuk mencergaskan semula aktiviti negara dengan mengambil kira melaksanakan pelan pemulihan ekonomi negara dan kelonggaran dasar kewangan yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998. Tuanku menyeru semua pihak amnya, perlu bekerjasama dan sokongan padu terhadap usaha-usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi supaya kembali pulih dan kadar inflasi dapat dikekalkan kepada tahap yang rendah. Dengan ini dapat mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan kerja dan memberi keyakinan kepada pelabur memasuki pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan agensi-agensi yang lain perlu berusaha mencari langkah-langkah yang terbaik bagi menghadapi persekitaran yang lebih mencabar ini dengan menumpukan perhatian kepada program-program meningkatkan ekonomi negara supaya menjamin kesejahteraan rakyat terutama dengan menyediakan rangka-rangka strategik untuk membangunkan sektor pembangunan, pertanian dan pembuatan. Di samping itu juga Tuanku telah menekankan supaya diberi tumpuan kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur pendidikan dengan menaikkan taraf serta menambah sekolah-sekolah baru. Pendekatan ini akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus di dalam negeri dan akan menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran sebuah negara adalah bergantung kepada kewajipan kepimpinan dan budaya kerja yang berasas bersih, cekap dan amanah. Saya sesungguhnya berkeyakinan Malaysia boleh mencapai kejayaan sebagai negara yang aman, selesa sekiranya jentera pentadbiran negara bersih dari gejala rasuah dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa persidangan Dewan Rakyat yang berlangsung pada 5 April 1999, berlaku satu kejadian adalah seramai 1,000 orang petani atau pekerja-pekerja estet telah datang ke Bangunan Parlimen tentang masalah mereka melalui memorandum yang telah diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat dilaungkan oleh NGO.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memorandum itu mereka telah menyatakan perasaan tidak puas hati bagi pendapatan mereka yang tidak menentu, malah keadaan ekonomi yang kegawatan juga telah menyebabkan mereka berbuat demikian. Oleh itu, saya merasa mereka telah datang ke sini hanya untuk menyatakan rasa tidak puas hati dengan tindakan majikan, kerajaan yang tidak memuaskan hati mereka. Di negara ini pekerja-pekerja kakitangan kerajaan mempunyai kestabilan hidup yang lebih

terjamin daripada petani. Pada masa yang sama menteri-menteri juga tidak memberikan jawapan yang baik untuk mengatasi masalah mereka. Saya mahu meminta kerajaan untuk memberikan gaji bulanan yang sama seperti yang diberikan oleh National Finance Cooperative Society, dengan izin, pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu perkara yang telah pun saya ucapkan dalam Parlimen, pekerja-pekerja ladang sentiasa bekerja keras untuk meningkatkan penduduk negara keseluruhannya menjadi mangsa. Kerajaan sepatutnya melaksanakan projek-projek perumahan untuk pekerja-pekerja ladang, kini seperti yang sedang dinikmati oleh masyarakat Cina dan Melayu melalui projek kampung-kampung baru Cina dan kampung-kampung tersusun. Baru-baru Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed telah mengumumkan bahawa RM400 juta yang diperuntukkan bagi projek-projek jalan raya ditangguhkan sementara waktu. Sebaliknya wang tersebut akan digunakan untuk membina rumah kos rendah untuk rakyat kurang kemampuan, keputusan ini sangat menggembirakan. Dari jumlah wang tersebut sebanyak RM200 juta diperuntukkan bagi membinakan rumah-rumah pekerja-pekerja ladang di seluruh negara.

Perkara ini pernah disuarakan oleh Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Dato' Seri S. Samy Vellu sebelum ini. Statistik ini juga menunjukkan bahawa sebanyak 39% kaum India, 39% kaum Melayu dan juga kaum-kaum lain terlibat dalam kategori pekerja-pekerja ladang, maka perhatian serius harus juga diberikan kepada mereka. Justeru itu, saya mewakili masyarakat India ingin menyeru kerajaan supaya melaksanakan projek-projek perumahan untuk mereka. Satu kumpulan tindakan di bawah kuasa Menteri Kabinet harus ditubuhkan bagi mengenal pasti melaksanakan projek-projek perumahan tersebut. Walaupun beberapa projek perumahan telah dilaksanakan bagi pekerja-pekerja ladang malangnya terdapat syarikat-syarikat ladang besar tidak memberikan perhatian yang khusus kepada perkara ini.

Kini pekerja-pekerja ladang telah berusia 100 tahun dan mereka menikmati serba sedikit kemudahan infrastruktur di zaman Eropah tetapi setelah negara kita mencapai merdeka apabila berlaku pengagihan ladang, pekerja-pekerja ladang terus mengalami kesan buruk. Statistik juga menunjukkan terdapat lebih kurang 2,000 ladang di seluruh negara pada masa ini. Kerajaan tidak sepatutnya memandang ringan terhadap bantuan infrastruktur yang diberikan kepada pekerja-pekerja ladang.

Para menteri pula tidak seharusnya membela diri hanya setakat mengeluarkan kenyataan-kenyataan. Sebaliknya mereka mesti mengenal pasti dan seterusnya berusaha untuk menyelesaikan masalah pekerja-pekerja ladang. Pekerja-pekerja ladang sebelum sampai ke tahap mogok di tepi jalan demi membela kebajikan mereka pasti tidak akan berbuat demikian. Pekerja-pekerja ladang mempunyai perasaan toleransi, semangat patriotik dan lebih-lebih lagi mempunyai perasaan terhutang budi terhadap kerajaan. Mereka mempunyai perasaan yang kuat terhadap kerajaan kerana kerajaan berupaya membuat apa juga untuk mereka. Pekerja-pekerja ladang sedia maklum bahawa mereka tidak boleh memperolehi rumah-rumah tersebut secara percuma. Sebaliknya hendaklah projek-projek perumahan tersebut dimajukan di kawasan berhampiran dengan ladang-ladang mereka.

Justeru itu, saya ingin menekankan sekali lagi agar kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap masalah ini. Masalah penganggur di negara ini tahun lalu kira-kira 2.6% di jangka meningkat dari 3.3% ke 4.4% menjelang hujung tahun ini. Seperti mana yang telah disarankan oleh kerajaan, rakyat harus bersedia menerima apa juga pekerjaan tanpa melihat kelayakan khususnya golongan mahasiswa. Ucapan ini terkandung dalam Belanjawan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 35 buah rumah akan dibina. Pada masa akan datang rumah seperti ini perlu dibina di merata-rata tempat dan khususnya pada satu tempat yang dikhaskan. Rumah perlu dibina di kawasan-kawasan luar bandar dan terpencil.

Ada satu senarai di sini, Program Perumahan Rakyat Bersepadu Wilayah Persekutuan - 632 unit (2 blok rumah pangsa 18 tingkat); Pekan Batu, Jalan Ipoh - 3,160 unit (18 tingkat); Batu Muda - 1,896 unit; Lembah Pantai - 2,212 unit (7 blok rumah pangsa 18 tingkat); Setapak, Jalan Kuching, Kuala Lumpur - 948 unit; Jalan Selatan - 1,580 unit; Kampung Limau Pantai Dalam - 632 unit (18 tingkat); Petaling - 632 unit (18 tingkat); Ampang Hilir, Ampang - 632 unit (18 tingkat).

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah 30 tahun kawasan-kawasan rumah setinggan wujud di seluruh negara tetapi hingga sekarang pun tidak ada infrastruktur yang mencukupi seperti bekalan elektrik dan lain-lain. Setelah mengenal pasti kawasan ini, saya mencadangkan supaya rumah pangsa dibina. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

5.05 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang ikhlas kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tempoh perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru sahaja berakhir tetapi sumbangan dan perkhidmatan Baginda amatlah berkesan dan dengan jelas menggambarkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan merupakan bentuk budaya yang diterima oleh rakyat pada umumnya.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah simbol perpaduan rakyat. Hubungan baik yang telah lama wujud di antara institusi raja dan kepimpinan kerajaan jelas terbukti khususnya di antara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, dengan ini sudah pasti akan berterusan demi untuk kestabilan pemerintahan, perpaduan, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Menyentuh mengenai semangat perpaduan, patriotisme dan kesetiaan seperti yang terkandung dalam Rukun Negara, adalah diharapkan supaya rakyat Malaysia dari berbagai kaum terutamanya kaum-kaum yang terbesar iaitu orang keturunan Cina, India dan Melayu dan

kita tidak ragu berkenaan dengan etnik yang terdapat di Sabah dan Sarawak hendaklah benar-benar memahami dan menghayati falsafah yang terkandung dalam Perlembagaan Negara iaitu kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di samping membenarkan amalan lain-lain agama dan bahasa ibunda. Saya sebutkan demikian sebab akhir-akhir ini masih terdapat perkembangan dan aktiviti yang tidak melambangkan maksud Perlembagaan itu, di mana penonjolan budaya seperti tidak memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Malaysia dalam majlis-majlis rasmi kerajaan yang dihadiri oleh menteri-menteri, dalam temu bual melalui media elektronik yang jelas boleh dilihat dan didengari oleh rakyat menunjukkan bahawa masih terdapat amalan-amalan yang kurang patriotik terhadap negara ini. Saya tidak mengatakan perkara ini sudah menjadi perkara yang lumrah tetapi jika pemimpin-pemimpin masih tidak sedar akan keutamaan meletakkan bahasa dan juga budaya di tempat yang sepatutnya maka sudah tentu rakyat boleh mempertikaikan. Lebih-lebih lagi saya minta maaf kepada rakan-rakan komponen dalam Barisan Nasional apabila isu bahasa dan budaya itu ditonjolkan untuk kepentingan politik.

Memang kita sedar, kepemimpinan Barisan Nasional sedar bahawa adakalanya pihak-pihak tertentu terpaksa memberi keutamaan kepada perkara ini tetapi percayalah kita rakyat Malaysia yang berlindung di negara ini, duduk di bawah satu bumbung yang sekarang ini sudah pun terjalin rapat hubungan sampai kalau kita pergi ke Sabah dan Sarawak kita tidak dapat membezakan di antara orang-orang Melayu, kaum Kadazan, Iban, malah agama pun kadang-kadang kita tidak boleh pastikan dan di Malaysia sekarang ini integrasi ini sedang berlaku. Kita seharusnya memikirkan secara positif supaya identiti kita sebagai rakyat Malaysia terus dihormati dan tidak lagi disangsikan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara kita yang telah banyak diperkatakan semasa pembentangan Kertas Putih mengenai kedudukan ekonomi semasa negara. Dalam Titah Ucapan baginda telah menyebut beberapa langkah positif yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan baginda juga menyebut peranan rakyat yang harus dimainkan bagi menjayakan program ataupun langkah-langkah tersebut. Tanpa kerjasama rakyat terutamanya pihak-pihak yang diberi tanggungjawab seperti yang saya sebutkan dahulu dan rakyat biasa sekalipun termasuklah kanak-kanak sekolah, maka sudah

tentu apa juga program yang dirancangan tidak akan berjaya dalam jangka masa yang ditetapkan. Alhamdulillah, di atas kesedaran rakyat yang berjaya ditanamkan oleh pihak kerajaan, kita dapati sekarang ini keadaan ekonomi kita sudah hampir pulih dan kembali semula, insya-Allah dalam beberapa tahun lagi dalam keadaan yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kegawatan ekonomi ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan terutamanya program-program untuk membantu golongan rakyat yang berpendapatan rendah seperti petani, nelayan, penjaja kecil, golongan pertengahan, pengusaha-pengusaha kecil termasuk semua kaum, tidak kira sama ada mereka buruh di ladang ataupun pekerja-pekerja Tionghua di kampung-kampung baru mestilah diberi pembelaan sewajarnya. Misalannya kadang-kadang ada banyak tabung untuk memberi bantuan kepada mereka ini tetapi pelaksanaan sebenar sejauh mana ianya berkesan memberi manfaat kepada mereka masih boleh dipertikaikan sebab kita tahulah segala wang melalui dana-dana ini disalurkan melalui institusi bank sebagai perantara dan apabila sasaran sebenar memerlukan wang-wang ini mereka terpaksa menyediakan kertas kerja dan mengikut kehendak garis panduan yang dikehendaki, akhirnya mereka ini merungut dan pembelaan itu tidak sampai kepada sasarannya yang sebenar. Inilah yang perlu diberi perhatian.

Seperti yang disebut oleh Perdana Menteri dan juga Tun Daim sendiri apabila mendapat maklum balas bahawa banyak peruntukan yang diberi melalui agensi jabatan kerajaan tidak dapat dibelanjakan, maka begitu jugalah keadaannya yang berlaku kepada sasaran golongan rakyat yang termiskin yang saya sebut tadi. Kerajaan perlu mewujudkan satu mekanisme, satu jawatankuasa yang boleh memberi perhatian khusus terhadap masalah rakyat golongan termiskin ini supaya mereka betul-betul mendapat manfaat daripada peruntukan yang disalurkan melalui dana-dana yang banyak itu. Kita tidak mahu wang dibelanja di bawah dana ini atas tiket untuk membela rakyat tetapi perbelanjaan itu sebenarnya disalurkan ke jalan-jalan yang tidak memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan.

Apa salahnya kalau kerajaan memberi subsidi terus kepada golongan yang miskin ini, misalannya bantuan kepada petani-petani, nelayan-nelayan atau penanam sayur. Kadang-kadang kita sendiri terperangkap dalam dana makanan dan sebagainya sedangkan pekebun-

pekebun sayur dan petani-petani yang mengusahakan kawasan yang sempit terpaksa membuat kerja sambil begitu tetapi mereka ini tidak tahu di mana hendak mendapat peruntukan atau bantuan. Apa salahnya kalau kerajaan mengeluarkan subsidi terus melalui agensi yang sedia ada, misalnya Pertubuhan Peladang, Persatuan Nelayan yang diberi atas pendaftaran petani dan nelayan yang terlibat yang berdaftar di agensi yang berkenaan. Mereka memberi bantuan, bantuan ini diberi terus tanpa menganggap sebagai pinjaman dan sebagainya. Bolehlah kita hadkan maksimum katalah RM5,000, saya fikir kerajaan tidak rugi sebab menggalakkan petani, nelayan dan golongan yang miskin ini mencebur diri menggunakan tanah-tanah yang terbiar itu secara tidak langsungnya akan menambahkan produktiviti dan mengelak daripada pengaliran wang kita ke luar. Ini adalah satu insentif yang saya fikir patut diberikan.

Satu lagi kerajaan juga hendaklah membuat kajian supaya garis panduan golongan yang termiskin ini ditingkatkan. Kalau dahulu RM250 pendapatan bulanan ke bawah dianggap miskin, mungkin sekarang ini pendapatan RM500 ataupun RM600 sudah termasuk di dalam golongan yang sudah tidak mampu lagi hendak membiayai hidup, lebih-lebih lagi kalau mereka itu mempunyai tanggungan yang ramai. Ini perkara-perkara yang perlu diberi perhatian. Apa gunanya pembangunan pemulihan ekonomi sedangkan rakyat yang melarat, yang susah, yang tidak ada rumah, tempat kediaman yang susah hendak mencari pengangkutan awam tidak boleh menikmati segala kemudahan itu. Inilah yang sepatutnya diberikan perhatian yang saya rasa memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sedang memikirkan tetapi kadang-kadang seperti yang saya sebut pegawai-pegawai kurang mendapat mesej dan tidak tahu hendak melaksanakan, disalahkan dasar kerajaan kerana ini.

Kalaupun benda itu menjadi halangan, sepatutnya mereka ini menyampaikan maklumat itu kepada pegawai yang lebih atas, tidak hanya berdiam diri kerana hendak elak daripada kerja banyak yang akhirnya kita tahu benda itu terbantut di situ, rakyat masih merungut, kerajaan mendapat tuduhan dan benda itu tidak dapat kita laksanakan. Perkara-perkara yang sebegini sepatutnya difikirkan supaya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pembelaan terhadap rakyat yang cacat, yang kurang mampu. Kadang-kadang kita terlepas pandang, kita jangkakan majoriti rakyat ini orang yang sempurna tetapi kita tidak sedar ada rakyat yang

cacat. Kita tahu keadaan kecacatan dan kekurangan ini bukan dengan kehendak mereka tetapi mereka dilahirkan begitu, misalnya orang buta, bisu, cacat anggota dan golongan-golongan ini mereka juga perlu hidup. Mungkin kalau berumah tangga ada anak-pinak. Kita juga perlu ada satu skim, satu program khusus, tidak sahaja mengharapkan kepada pihak swasta untuk mengambil mereka bekerja, memberi subsidi dan sebagainya

Apa salahnya kalau kita adakan tabung untuk golongan yang cacat, yang tidak mampu ini supaya kita boleh beri seolah-olah sebagai hadiah atau sumbangan bulanan kepada mereka ataupun kita mendirikan satu tempat di mana mereka ini boleh ditempatkan untuk membuat kerja-kerja ringan yang boleh kita hasilkan produktiviti dan kita boleh beri gaji kepada mereka supaya mereka ini tidak diberi makan begitu sahaja. Kita boleh gunakan kemahiran-kemahiran yang ada kepada mereka itu. Cara ini saya rasa akan membantu golongan rakyat yang seperti ini.

Dan saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan tidak abaikan kepada golongan yang bersara, warga kanan seperti yang disebut oleh rakan saya tadi. Kadang-kadang bila orang itu pencen dia tak jadi wakil rakyat ataupun Senator macam kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada ini. Pencen pada waktu itu gajinya tak sampai 1,000, pencen dia separuh tetapi dia mempunyai tanggungjawab yang banyak, anak, cucu, dia hendak hidup dan sebagainya dan bila kita beri bonus ataupun ganjaran, kita lupa kepada orang yang pencen ini. Bolehkah mereka hidup dengan pencen itu?

Kita hendaklah tetapkan pencen kepada orang-orang ini yang telah berkhidmat sekian lama dalam kerajaan mesti tidak kurang daripada RM600., kalau gaji dia sedikit pun bila dia pencen mesti diberi RM600, selepas itu bila kerajaan semak semula imbuhan dan sebagainya, orang-orang pencen pun patut mendapat, bukan hanya beri kepada orang yang bekerja sahaja. Takkanlah kita sebagai kerajaan yang tak kenang budi dan jasa, masa orang itu sihat bekerja beri sumbangan kepada kerajaan, kita bayar gaji. Bila orang itu sudah pencen, kita anggap orang ini sudah tak berguna lagi. Ini bukan kerajaan yang mengenang jasa rakyat dan saya percaya Barisan Nasional tidak akan mengamalkan sikap yang begitu. Oleh sebab itu wajarlah..

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Ini satu cadangan yang serius yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Perlis ini iaitu hendak beri dengan izin, minimum pension kepada semua orang yang bekerja dengan kerajaan, maknanya termasuk kaum buruh mesti dapat minimum RM600 dan saya rasa cadangan ini tidak begitu sesuai barangkali. Kalau macam ini cadangannya, saya rasa kerajaan akan menjadi bankrap [*Ketawa*]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Yang Berhormat Dato' Zuki, dia sebagai bekas pendidik, sebagai lawyer, sebagai bekas Speaker, tentu dia lebih faham. Tetapi kadang-kadang bila kita hendak memikirkan masalah orang, kita jangan ukur dengan kedudukan kita sekarang. Kita mesti dapat menyelami, menjadi orang itu baru kita boleh fikir secara logik.

Saya percaya penuh kalau kita buat perkiraan, pendapatan negara kita kini dengan hasil-hasil mahsul yang kita dapat terokai, kita jumlahkan dan selepas itu kita agih, kita bahagikan kepada bilangan rakyat yang ada, kita boleh dapat satu purata mengapa perkiraan ini harus dibuat. Kita jangan fikir secara rambang beri duit kepada rakyat susah yang pernah berjasa, kita akan jadi bankrap, tidak. Dalam sistem ekonomi, saya bukanlah kelulusan ekonomi, kalau kita fikirkan dalam Islam sekali pun kalau kita murah hati, menderma, sedekah kepada orang, kita tidak akan menjadi papa. Lebih-lebih lagi kalau kita mengenang jasa rakyat yang telah berjasa kepada negara, kita kena ingat orang yang pencen dia ada anak, dia ada cucu, dia ada berbagai-bagai lagi, orang ini masih memberi sumbangan.

Saya tidak nampak alasan mengatakan buruh, petani dan sebagainya kalau kita beri hadiah, kalau di England boleh buat, negara-negara Barat boleh buat, orang yang tidak bekerja pun dia beri duit bulanan, boleh hidup dan beri kemudahan-kemudahan lain. Saya nampak kadang-kadang kita ini macam yang saya katakan tadi, kita fikir kedudukan kita yang produktif sahaja, sedangkan orang lain kita anggap tidak produktif. Kita boleh buat bagi orang-orang ini masih produktif, macam saya katakan tadi, gunakan kemahiran yang ada pada mereka sesuai dengan kerja-kerja yang boleh dibuat. Kita boleh tetapi kalau hendak harapkan mereka ini sendiri menerokai dan

membuat kerja-kerja ini tentulah menjadi susah. Tetapi kalau kerajaan organise, kita tempatkan mereka, mereka boleh buat kerja.

Jadi, pendeknya kerajaan perlu menghadkan pencen kepada buruh, kepada pegawai kerajaan, jangan mengikut perkiraan yang ada dalam sifir perkiraan itu. Kalau tidak, kita tidak akan dapat membantu mereka ataupun kerajaan boleh beri dalam bentuk imbuhan tahunan diberi sebab duit-duit ini kita boleh sediakan tabung, macam kita buat EPF juga, kerajaan boleh ambil daripada sektor swasta dan sebagainya. Duit-duit keuntungan masuk satu tabung, kita invest selepas itu keuntungan itu akan dipusing. Kalau Amanah Ikhtiar boleh dapat duit yang duit kita bagi sumbangan daripada zakat seringgit-seringgit daripada orang Islam dan sumbangan daripada lain-lain, duit itu boleh kita pusingkan, kita boleh bagi bantuan, maka tidak ada sebab kita tidak boleh kumpul dana untuk memberi bantuan kepada golongan rakyat seperti yang saya sebut tadi.

Satu lagi mungkin orang tidak sedar, Yang Berhormat Dato' Zuki tidak apalah sebab dia pencen pun dia masih jadi lawyer, dia masih jadi Senator dan dia masih ada saham banyak, pendapatan dia tak terasa sangat. Saya minta maaf, Yang Berhormat Dato' Zuki, kalau saya bercakap itu tidak betul tetapi.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu pepatah pada Yang Berhormat ini saya tidak hendak kata “berat mata memandang”, saya hendak katakan “baik mata memandang berat lagi bahu saya memikul” [*Ketawa*]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu falsafah Yang Berhormat Dato' Zuki kalau dia sendiri yang pergi cari beban dia memikul, itu soal dialah [*Ketawa*]. Ini kita kira orang biasa yang bukan dia cari beban, tapi beban itu sudah ada dia terpaksa hadapi. Macam Yang Berhormat Dato' Zuki kalau dia kahwin dua tiga orang itu beban dia cari, dia mampu [*Ketawa*] kalau ada anak dia pakai kereta besar, banyak biji kereta pula, itu dia cari, tetapi ada orang yang hendak cari basikal pun tak mampu, motosikal pun tak mampu, anak - tak bagi beranak, beranak banyak juga. Ini yang kita hendak fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau macam manapun petang-petang ini kita memang setuju kalau ada sedikit sebanyak pandangan yang macam itu. Saya hendak sebut satu lagi yang mungkin tidak disedari, orang-orang pencen yang disebut senior citizen, termasuk saya pun sudah pencen, diberi kemudahan naik kapal terbang tetapi yang peliknya senior citizen ini kena buat booking seminggu sebelum tarikh sebenar kita hendak gunakan tiket itu. Ini bukan satu kemudahan, kita bukan tahu masa kecemasan dan sebagainya. Dia beri kita buat booking, dia berilah discount 50% tetapi seminggu sebelum tarikh kita hendak guna.

Saya rasa kerajaan patut kaji semula, hapuskan syarat-syarat ini. Kalau hendak beri potongan 50% berilah dia berhak ambil waktu-waktu mana pun. Saya ingat tidak ada salah, takkanlah sampai rugi syarikat itu. Kalau undang-undang yang ada boleh beri, berilah dalam keadaan yang kita boleh guna serta-merta tanpa ada syarat. Ini perlu diberi perhatian.

Berikutnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan dasar pendidikan, sedikit lagi selepas itu kita sambung esok pula. Dasar pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengalami banyak perubahan atau dalam bahasa sekarang ini “reformasi” ataupun dalam bahasa Islamnya “hijrah”. Sebenarnya hijrah, hijrah itu berubah tetapi berubah dalam hijrah ialah berubah ke arah yang positif, ke arah yang lebih baik yang tidak bercanggah dengan agama dan kita mahu reformasi perubahan dalam sistem pendidikan pun ke arah itu, bukan ke arah yang menjadi kalam-kabut, yang menjadi terpesong daripada dasar kerajaan kita.

Apa yang kita tengok sekarang ini, perkembangan-perkembangan ini seolah-olah sudah terkelencong daripada dasar pendidikan yang mahukan rakyat kita, generasi muda kita ini diberi pendidikan yang sempurna supaya mereka menjadi rakyat yang bertanggungjawab, yang boleh dimanfaatkan oleh negara kita. Tetapi malangnya, dengan bertambahnya sekolah-sekolah, ada yang bernama sekolah bestari, selepas itu universiti, universiti swasta, universiti awam, kemudian ada pula pengajian jarak jauh, kemudian pengajian yang menggunakan teknologi yang cukup moden. Sekarang ini kena bayar duit pula walaupun digunakan dana pendidikan, boleh beri

biasiswa dan juga bentuk pinjaman tetapi kadang-kadang kita tidak tahu masih ada rakyat yang susah yang tidak boleh menyambung pelajaran mereka semata-mata kerana sistem itu sendiri dan kerajaan perlulah memberi perhatian kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Misalnya pendidikan Islam. Tuan Yang di-Pertua hendak berhentikah? Sebab saya peka kepada masa, saya berhenti dahulu, saya sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.